



**LAPORAN PENYATA RASMI
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT KEDUA**

Bil. 13

Selasa

23 Julai 2019

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN

BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Cap Dagangan 2019

(Halaman 30)

Rang Undang-undang Perihal Dagangan (Pindaan) 2019

(Halaman 63)

Rang Undang-undang Perlindungan Pengguna (Pindaan) 2019

(Halaman 66)

USUL

Waktu Mesyuarat dan Urusan

Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat

(Halaman 78)

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT KEDUA
Selasa, 23 Julai 2019

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Timbalan Yang di-Pertua: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Ahli Yang Berhormat yang bijaksana dan pejuang-pejuang kita yang ada di dalam Dewan ini, hari ini kita bermesyuarat hari kedua. Saya hendak mulakan dengan ini iaitu pertama sekali, silakan.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. Dr. Yaakob bin Sapari minta Menteri Kerja Raya menyatakan, pelaksanaan pembangunan Lebuhraya Pantai Barat. Berapa peratus kerja-kerja tersebut telah siap dilaksanakan terutama bahagian negeri Selangor. Bilakah jangkaan lebuh raya ini dapat disiapkan.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Tuan Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir]: Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Dewan sekalian. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera dan selamat pagi. Saya bangun untuk menjawab pertanyaan Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob bin Sapari mengenai pelaksanaan pembangunan Lebuhraya Pesisiran Pantai Barat.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, jajaran Lebuhraya Pesisiran Pantai Barat (WCE) ini, merentasi dua buah negeri iaitu Selangor dan negeri Perak, sejauh 315.5 kilometer. Ia dibina di sepanjang pesisiran Pantai Barat untuk kemudahan penduduk setempat dan juga pengguna lebuh raya ke utara.

Tuan Yang di-Pertua, kerja-kerja pembinaan keseluruhan projek Lebuhraya Pesisiran Pantai Barat (WCE) ini telah dibahagikan kepada dua kaedah.

Pertama, kaedah penswastaan bertol di mana kerja-kerja pembinaannya dilakukan oleh syarikat konsesi West-Coast Expressway Sdn. Berhad iaitu jajaran baharu sepanjang 233 kilometer. Bermula dari Jalan Banting-KLIA (B18), dan berakhir di Persimpangan Bertingkat Tanjong Karang, Selangor.

Manakala di negeri Perak pula, ia bermula dari Jambatan Sungai Bernam di Hutan Melintang dan berakhir berhampiran Plaza Tol Changkat Jering, Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS).

Kaedah kedua, kaedah konvensional JKR iaitu melibatkan skop menaik taraf Jalan Persekutuan 5 (FR5) yang sedia ada sepanjang 82.5 kilometer, bermula dari Tanjung Karang, Selangor ke Hutan Melintang, Perak sejauh 50 kilometer, dan dari Teluk Intan ke Kampung Lekir, Perak sejauh 32.5 kilometer.

Tuan Yang di-Pertua, kos pembinaan keseluruhan projek Lebuhraya Pesisiran Pantai Barat (WCE) ini ialah sebanyak RM6.624 bilion. Satu yang sangat besar iaitu meliputi pakej penswastan dengan nilai RM5.044 bilion, dan RM1.58 bilion untuk pakej konvensional yang dilaksanakan oleh JKR.

Kaedah kutipan tol yang akan digunakan adalah sistem kutipan tol tertutup- *closed-system tolls*, di mana tol dikenakan hanya di jajaran baharu yang dibina oleh West-Coast Expressway Sdn. Berhad sahaja. Manakala untuk laluan Jalan Persekutuan 5 (FR5) yang sedia ada yang dinaiktarafkan oleh JKR, tidak akan dikenakan sebarang kutipan tol.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjelaskan permintaan Yang Berhormat Senator, saya memaklumkan bahawa status kemajuan terkini penyiapan Lebuhraya Pesisiran Pantai Barat (WCE) sehingga Jun 2019 adalah 75.65 peratus- 75.65 peratus keseluruhannya. Bagi kemajuan secara terperinci mengikut negeri pula ialah bagi negeri Perak sebanyak 73.0 peratus, manakala bagi negeri Selangor 75.4 peratus.

■1010

Tuan Yang di-Pertua, aktiviti pembinaan lebuhraya ini sedang giat dilaksanakan yang melibatkan seperti kerja-kerja pembersihan tanah, penambahan tanah, pembinaan struktur jambatan, penurapan jalan dan pemasangan perabot jalan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sila.

Dr. Yaakob bin Sapari: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, jajaran Pantai Barat ini sangat penting bagi memastikan untuk *development* sosioekonomi. Pantai Barat daripada Selangor sampai ke Perak, saya melihat perkembangannya agak perlahan walaupun tadi 70 peratus dinyatakan. Bahkan satu ketika yang tahun lepas, berhenti pembangunan tersebut. Keduanya, adakah jajaran daripada Tanjung Karang ke Hutan Melintang itu telah dimuktamadkan mengikut jajaran sedia ada atau ada perubahan jajaran baharu?

Tuan Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, memang panjang ceritanya WCE ini. Sepatutnya akan disiapkan pada tahun ini, tetapi banyak faktor yang lain. Kalau disoal, nanti kita akan terangkan. Saya hanya ingin menjawab apa yang ditanya oleh Yang Berhormat Senator bahawa kita telah memutuskan untuk kembali kepada jajaran asal yang di Tanjung Karang itu.

Dr. Yaakob bin Sapari: Tambahan satu.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Dr. Yaakob bin Sapari: Baru-baru ini, pembinaan jajaran di Bukit Raja telah runtuh, mengakibatkan paip air yang besar pecah dan telah menyusahkan jutaan penduduk Selangor. Apakah kerajaan sedia membayar ganti rugi kepada yang ini?

Tuan Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir: Tuan Yang di-Pertua, siasatan telah dibuat oleh pihak kami, Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan saya difahamkan pihak SPAN juga mengadakan kajiannya. Mereka dikhabarkan sudah sampai kepada peringkat akhir. Saya percaya apabila mereka mengeluarkan nanti apa dapatan yang telah mereka buat dan kami sendiri baru mengeluarkan apa yang kami sudah siap, di situ baru boleh kita tentukan siapa yang sebenarnya yang harus dipersalahkan.

Untuk kami menerima begitu sahaja dengan hanya berdasarkan kepada *hearsay*, dengar-dengar cakap, tentulah kami punya tanggungjawab menjaga wang negara yang diperuntukkan dari segi kementerian kami. Jadi kita tengok nanti, sama-sama kita saksi keputusan terakhir, siapa salah dan siapa yang harus dipertanggungjawabkan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sila.

Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid: Tuan Yang di-Pertua, saya amat menghargai usaha kerajaan dan juga kementerian untuk menyiapkan dipanggil WCE sahaja-lah, *West-Coast Expressway*.

Saya sudah merasa melalui jalan daripada Jambatan Teluk Intan sehingga ke Jambatan Sabak Bernam. Memang jalannya cantik, bersih dan amat teruja saya untuk melaluinya. Cuma saya tak berapa puas hati Tuan Yang di-Pertua, keadaan jalan Lebuhraya Utara-Selatan, kita lihat di pembahagi jalan, di tengah jalan, kita dapati kotor. Banyak serpihan-serpihan tayar, serpihan-serpihan kekotoran yang masih lagi terdapat di tengah jalan.

Apabila saya mengemukakan soalan, Yang Berhormat Menteri menjawab keadaan dia memuaskan. Saya kata Yang Berhormat Menteri selalunya kalau bergerak daripada Utara ke Selatan, dia duduk di tempat duduk belakang. Dia tak nampak keadaan lebuhraya sebenarnya. Cuba kalau duduk depan dan lihat apa yang ada di kiri kanan, khususnya di tengah-tengah pembahagi jalan- lebuhraya.

Jadi saya mohon supaya sama ada pihak PLUS ataupun kementerian dapat memastikan pihak yang bertanggungjawab untuk menguruskan kebersihan demi keselamatan pengguna jalan raya Lebuhraya Utara-Selatan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir: Okey Yang Berhormat. *In syaa Allah* kita ambil perhatian. Pegawai-pegawai saya ambil catatan untuk *check* apa yang Yang Berhormat sebut itu. Kalau benar berlaku, kita akan ambil tindakan secepat mungkin *in syaa Allah*. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada lagi? Sila.

Tuan Aknan a/l Ehtook: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mungkin ini bukan lebuh raya, tetapi jalan raya. Saya hendak tanya tentang konsesi menyelenggarakan Jalan Raya Persekutuan sepanjang di Semenanjung Malaysia ini, ada beberapa konsesi? Apakah SOP yang diberikan kepada- syarat-syarat ditentukan oleh kementerian kepada syarikat-syarikat ini?

Ini kerana kita dapati bahawa sesetengah jalan itu, dia punya tampalan itu sudah berpuluh-puluh tahun. Kita nampak berbeza-beza warna ini, warna ini. Kita tahu bahawa kalau kain tampal- itu sudah banyak kali tampal. Jadi, berapa lamakah tampalan ini dibenarkan untuk syarikat konsesi untuk buat dan berapa lamakah sepatutnya jalan ini perlu diturap semula? Terima kasih.

Tuan Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir: Tuan Yang di-Pertua, walaupun soalan ini di luar sedikit daripada pertanyaan asal, tetapi saya ingin menyatakan bahawa semua syarikat konsesi yang telah diberikan tanggungjawab menguruskan jalan-jalan di Persekutuan itu, mereka apabila menerima laporan adanya lubang dan sebagainya itu- *potholes*, mereka perlu mengambil langkah tindakan segera dalam tempoh 24 jam.

Kalau sekiranya mereka tidak lakukan, mereka boleh didenda. Jadi, kadang-kadang yang jadi masalah itu apabila kita lambat melaporkan ataupun laporan itu tidak dibuat dengan segera, maka hal itu berjalan mengambil lebih masa lagi. Semua mereka akan bertanggungjawab dalam tempoh setahun itu bila mereka membuat tampalan-tampalan dan turapan-turapan itu. Mereka harus melihat semula dan kalau sekiranya keadaan itu memburuk ataupun tidak menepati kehendak pada waktu itu, maka tindakan akan diambil. Semua syarikat konsesi ini mereka punya standard operasi bekerja. Setakat ini ada di sana sini kelemahan-kelemahan, tetapi pada keseluruhannya kami melihat mereka telah menjalankan tanggungjawab mereka.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Itu telah dijawab soalan yang dibuat oleh Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob bin Sapari. Sekarang saya pergi kepada Yang Berhormat Senator Puan Raj Munni binti Sabu. Dipersilakan.

Puan Raj Munni binti Sabu: Tuan Yang di-Pertua,

Melati kuntum tumbuh melata;

Sayang merbah di pohon cemara;

Assalamualaikum diucap mula bicara;

Yang Berhormat Menteri, soalan saya nombor dua.

2. **Puan Raj Murni binti Sabu** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan, usaha yang dilakukan dalam memastikan anak muda di Malaysia mempunyai kesihatan mental yang sejahtera memandangkan KBS menetapkan sasaran menambah baik kesihatan rakyat dalam indeks prestasi utama (KPI) budaya sukan.

Menteri Belia dan Sukan [Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan melalui Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia atau lebih dikenali sebagai IYRES telah menganjurkan program, "*Cabaran Agenda Sosial: Kesihatan Mental dan Generasi Muda*" yang telah dilaksanakan pada tahun 2018.

Antara resolusi yang ditetapkan di dalam program ini adalah supaya peranan pihak belia, ibu bapa, masyarakat, majikan dan kerajaan diberikan penekanan iaitu golongan belia disarankan mendapatkan khidmat kepakaran tanpa ada apa-apa stigma, waswas kepada sebarang bantuan dan sokongan berkaitan kesihatan mental khususnya, telah diberikan oleh kumpulan pakar kesihatan mental.

Golongan belia juga disarankan untuk mengenal pasti simptom-simptom yang ada pada diri dan ambil perhatian serius dengan mendapatkan khidmat nasihat dan rujukan daripada pakar dalam bidang kesihatan mental. Golongan belia juga disarankan untuk menerapkan serta meningkatkan amalan keagamaan- *religiosity*, kerohanian bagi mengurangkan risiko kesihatan mental. Golongan belia juga disyorkan untuk melibatkan diri dalam kempen-kempen berkaitan kesihatan mental yang dilaksanakan oleh pelbagai pihak.

Kepada golongan ibu bapa, penekanan diberikan iaitu golongan belia menggesa ibu bapa dan penjaga memberikan perhatian kepada anak-anak secara individu bagi mencegah mereka terdedah dengan masalah yang boleh membawa kepada isu kesihatan mental.

■1020

Golongan belia mengharapkan ibu bapa penjaga mempunyai pengetahuan ataupun, dengan izin, *parenting skill* bagi mendidik anak-anak agar mempunyai daya tahan diri. Bagi peranan masyarakat, golongan belia menyarankan agar masyarakat menerima dan tidak mempunyai stigma terhadap pesakit mental agar mereka ini tidak terasa terpinggir.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara langkah yang diambil oleh Kementerian Belia dan Sukan dalam menangani isu kesihatan mental golongan belia adalah dengan menganjurkan program-program yang berunsurkan fizikal dan sosial. Antara program yang dilaksanakan adalah dengan penganjuran *Fit Malaysia* yang mana program ini adalah satu gelombang masa kerajaan dalam menjadikan Malaysia sebuah negara bersukan dengan rakyatnya menghayati dan mengamalkan gaya hidup yang sihat.

Di bawah *Fit Malaysia*, konsep kecergasan serta sukan diperluaskan lagi dan ia meletakkan asas kepada Malaysia *as a sporting nation*, dengan izin. *Fit Malaysia* juga bukan

sekadar gerakan yang menjadi wadah mempromosikan gaya hidup sihat tetapi juga mampu menyatupadukan rakyat yang berbilang bangsa dan agama.

Fit Malaysia adalah selaras dengan konsep *dual*, holistik dan berpandukan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara melalui bidang keutamaan belia iaitu gaya hidup yang sihat dan sejahtera di dalam Dasar Belia Malaysia. Gaya hidup sihat dan sejahtera memberi penekanan kepada amalan cara hidup sihat secara fizikal, mental, emosi, sosial dan spiritual, tenang dan tenteram serta terpelihara daripada bencana.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi golongan atlet pula, kementerian melalui Institut Sukan Negara telah menyediakan program ketahanan mental untuk atlet iaitu melalui projek penyelidikan dan Program Kesedaran Kesihatan Mental. Projek penyelidikan yang dijalankan adalah *Mental Health Awareness Among Malaysian Athlete*, dengan izin. Projek ini bertujuan mengenal pasti tahap kesedaran dan pemahaman atlet terhadap kesihatan mental. Projek ini dilaksanakan pada bulan Julai hingga Disember 2019.

Selain itu ISN juga mengadakan Hari Kesedaran Kesihatan Mental melalui kerjasama Pusat Psikologi Sukan dan Pusat Perubatan Sukan Negara yang melibatkan atlet, jurulatih dan pegawai sukan. Ini bertujuan meningkatkan tahap kesedaran dan pengetahuan terhadap kesihatan mental dalam konteks sukan dan ianya akan dilaksanakan pada bulan Oktober 2019.

Tuan Yang di-Pertua, bagi melaksanakan program-program kesihatan mental yang lebih tersusun, pihak kerajaan melalui Kementerian Kesihatan Malaysia bersama-sama Kementerian Pendidikan Malaysia telah melaksanakan Program Minda Sihat yang mana program ini bertujuan untuk memperkasa belia sejak di tahap murid di sekolah bagi menangani stres cabaran kehidupan sehari-hari.

Sehingga kini sebanyak 2,343 buah sekolah menengah seluruh negara terlibat dalam pelaksanaan saringan minda sihat dalam kalangan pelajar tingkatan empat. Impak daripada program ini modul intervensi serta program pencegahan dihasilkan bagi meningkatkan kemahiran daya tindak pelajar apabila berhadapan sesuatu masalah dan membantu menangani sikap agresif dan kecelaruan minda termasuk kejadian buli. Pihak KPM telah meluaskan saringan minda sihat kepada 20 peratus daripada pelajar setiap tingkatan.

Pihak kerajaan melalui KKM pula telah menghasilkan beberapa modul Kemahiran Kesihatan Mental Remaja seperti Minda Sihat dan Program Siswa Sihat (PROSIS) yang boleh memberikan pengukuhan minda dan memperkasakan remaja dalam menghadapi cabaran hidup. Selain itu, pelaksanaan pertandingan video kreatif yang dilaksanakan KKM dengan kerjasama KPM dapat mempromosi dan memperkasakan golongan remaja dengan mengamalkan gaya hidup sihat dan menghargai diri. Melalui pertandingan ini pandangan dan

pemahaman golongan remaja berkaitan isu sosial dapat disampaikan dalam bentuk kreatif dan positif.

Daripada segi perkhidmatan kesihatan mental di peringkat kesihatan premier, pihak kerajaan melalui KKM telah menyediakan klinik-klinik kesihatan yang memberikan perkhidmatan kesihatan mental. Perkhidmatan ini termasuk klinik kesihatan golongan remaja yang merangkumi perkhidmatan kaunseling. Perkhidmatan perawatan psikiatri juga diberikan di empat tempat buah institusi mental dan 61 hospital kerajaan di seluruh Malaysia. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Sila.

Puan Raj Munni binti Sabu: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Berhormat Menteri kerana dapat hadir sendiri ke Dewan Negara untuk menjawab soalan-soalan daripada Ahli-ahli Dewan Negara. Soalan tambahan saya adalah apakah kementerian mengadakan kerjasama strategik dengan universiti-universiti tempatan khususnya dalam memberi fokus kepada kesihatan mental para belia. Bagaimana dengan- itu mungkin kelompok yang *academician* tetapi bagaimana dengan kelompok yang bekerja dengan kilang contohnya. Silakan.

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Untuk mengulas dengan lebih mendalam berkenaan kempen kesedaran di dalam universiti saya rasa perkara ini saya akan bincangkan dengan Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Akan tetapi ringkasnya, sebaik sahaja Malaysia melalui pengalaman yang agak pahit di mana salah seorang anak muda yang berumur 15 tahun hingga 16 tahun membunuh diri di Sarawak, kami telah pun memanggil untuk adakan sesi dialog di seluruh Malaysia termasuk di universiti-universiti awam untuk membawa kempen kesedaran dan untuk memerangi stigma negatif ke atas mereka yang melalui masalah kesihatan mental.

Universiti pertama yang kita pergi adalah Universiti Islam Antarabangsa Malaysia di mana saya dengan salah seorang pegawai tinggi daripada Kementerian Kesihatan dan juga pensyarah tempatan bersama memberikan sesi penerangan dan beriltizam untuk bersama menyelesaikan masalah ini.

Oleh sebab itu untuk kita menempuhi masalah kesihatan mental ini yang lebih merunsingkan pada abad yang ke-21 ini kita perlukan hubungan yang agak baik di antara semua kementerian untuk memastikan isu ini dapat diselesaikan. Daripada bab Kementerian Belia dan Sukan adalah untuk memastikan sambil kita menyemai nilai-nilai murni untuk memastikan bahawa gaya hidup yang sihat dapat diperkenalkan, ia bukan sahaja dari segi fizikal tetapi segi mental juga. Oleh sebab itu kebanyakan ahli penyelidik telah pun menunjukkan apabila seseorang itu melalui gaya hidup yang sihat secara fizikal, mentalnya juga lazimnya akan sihat. Oleh sebab itu ia perlu jalan seiring.

Akan tetapi paling mustahak sekali dalam sesi dialog yang kerap diadakan di antara Kementerian Belia dan Sukan, saya dan juga anak-anak muda di luar sana selalu masalah utama adalah masalah stigma yang masih merunsingkan di Malaysia di mana kebanyakan anak muda tidak rasa seperti hak mereka akan terbela jika mereka mendedahkan dirinya kepada umum, bahawa mereka mempunyai kesihatan mental.

Sebagai contoh, adakah ia bermaksud apabila mereka mendedahkan perkara ini ataupun masalah ini pihak majikan tidak akan mendiskriminasikan mereka. Adakah ibu bapa dan struktur sosial akan menerima dirinya seadanya. Persoalan-persoalan ini perlu diselesaikan bersama kerana masalah stigma adalah masalah yang datang kepada masyarakat daripada ianya datang daripada masyarakat ia memerlukan kebertanggungjawaban bersama untuk kita menyelesaikan masalahnya. Terima kasih Yang Berhormat Senator.

Tuan Ismail bin Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya tertarik sangat dengan jawapan dan usaha yang dibuat oleh pihak kementerian. Kebetulan pagi ini sebelum sampai ke Dewan sempat saya menonton Malaysia Hari Ini di TV3 yang mengambil tema isu masalah mental di kalangan remaja ini.

Saya sekadar hendak memetik pandangan yang diberi oleh Dr. Mohd Nazrul Azizi, Presiden *Social Community Program for Urban Society*. Bunuh diri merupakan kematian kedua tertinggi di Malaysia selepas penyakit jantung.

Soalan tambahan saya adalah walaupun Yang Berhormat Menteri dah berikan tadi beberapa tindakan awal, apakah usaha daripada pihak kementerian dalam menggalakkan golongan belia untuk mendapatkan pemeriksaan kesihatan mental memandangkan bunuh diri adalah punca kedua kematian selepas sakit jantung di kalangan belia. Kemungkinan besar antara penyebabnya adalah kekurangan pendedahan simptom awal masalah mental khususnya yang dihadapi oleh belia sehingga mereka tidak sedar mereka menghadapi masalah mental. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat. Apa Yang Berhormat Senator katakan tadi itu memang benar dan sangat pahit untuk diterima kerana jumlah ini tidak menurun tetapi dari tahun ke tahun semakin meningkat dan majoriti mereka yang terkesan datang daripada golongan anak muda dan ia tidak kira anak muda daripada bandar, separa bandar, luar bandar, mereka yang ada keluarga yang agak kaya daripada segi material.

■1030

Ia melibatkan semua anak muda dan masalah kesihatan mental ini adalah masalah yang sangat serius. Oleh sebab itu, jumlahnya meningkat dan pada masa yang sama kalau kita lihat kajian-kajian lain yang juga dilakukan di Malaysia menunjukkan sebagai contoh anak

muda yang melalui masalah *anxiety* di Malaysia, daripada lima anak muda, tiga akan terkesan daripada masalah *anxiety*. Daripada masalah *depression* yang lebih teruk, kemurungan, dua dari lima yang akhirnya akan terkesan. Masalah ini jika tidak terkawal, bakal menyebabkan masa depan anak muda agak gelap.

Dalam bab ini, pertama sekali seperti yang saya maklumkan tadi, Kementerian Pendidikan khususnya telah pun lakukan proses saringan awal di peringkat sekolah menengah yang sekarang ini telah pun melibatkan lebih 2,343 sekolah menengah. Di mana selepas proses saringan awal ini akan ada proses intervensi yang akan dilakukan di peringkat sekolah itu sendiri. Akan tetapi sejajurnya, perkara seperti ini tidak mencukupi, perlu ada banyak lagi inisiatif.

Oleh sebab itu, saya selalu tekankan untuk kita menyelesaikan masalah ini, dengan izin, *we must put up a united front* yang melibatkan semua kementerian untuk kita menangani masalah *taboo* ataupun stigma yang menular di kalangan anak muda dan juga mereka yang lebih berusia. Di mana mereka lihat masalah mental ini sebagai masalah yang seperti dibuat-buatkan sahaja, tidak betul, tidak wujud dan ada yang dilabel, dengan izin, *drama queen* atau *drama king* apabila mereka membangkitkan masalah ini.

Oleh sebab itu, saya rasa usaha di antara kerajaan dengan sektor swasta memainkan peranan yang penting. Saya perlu ucapkan tahniah dan terima kasih kepada beberapa syarikat insurans gergasi yang telah pun memasukkan insurans kesihatan mental yang tidak pernah wujud sebelum ini. *But, it is not enough*, dengan izin, kerana negara jiran kita di Singapura sudah jauh terkedepan. *Is not just limited insurance*, dengan izin, tetapi *there is a comprehensive insurance plan* yang melibatkan masalah kesihatan mental juga. *So, it's a step forward, but not enough*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Saya rasa dalam bab ini, apabila semua kementerian bersama menangani masalah ini dan juga sektor swasta memainkan peranan seperti sektor insurans dan kesihatan swasta memainkan peranan, saya agak yakin kita dapat mendepani masalah yang begitu mencabar ini yang dikhususkan selalunya kepada golongan anak muda. Terima kasih Yang Berhormat.

Puan Asmak binti Husin: Soalan tambahan?

Datuk Sr. Haji Hanafi bin Haji Mamat: Saya minta dululah.

Timbalan Yang di-Pertua: *Last*.

Datuk Sr. Haji Hanafi bin Haji Mamat: Kelmarin tidak dapat, hari ini...

Timbalan Yang di-Pertua: Sekejap ya.

Datuk Sr. Haji Hanafi bin Haji Mamat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri. Dalam Belanjawan 2019, Kementerian Belia dan Sukan mendapat peruntukan tambahan ataupun lebih daripada tahun-tahun dahulu sebanyak 25 peratus, menjadikan lebih kurang RM1 bilion untuk diguna pakai oleh agensi pelaksana,

Majlis Sukan Negara, Institut Sukan Negara dan Jabatan Belia. Akan tetapi pada pengamatan saya, persatuan-persatuan belia di peringkat daerah masih lagi “hidup segan, mati tidak mahu”. Jadi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, berapakah sebenarnya jumlah wang ataupun peruntukan yang diagihkan kepada kesemua Majlis-majlis Belia Daerah di seluruh negara? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat. Ada dua persoalan yang dibangkitkan. Pertama, berkenaan kesahihan penambahan dana di Kementerian Belia dan Sukan berjumlah 25 peratus.

Kedua, berkenaan dana yang dikhususkan kepada persatuan belia. Untuk menjawab persoalan yang pertama, tidak betul bahawa ada peningkatan 25 peratus kerana sebelum ini di Kementerian Belia dan Sukan, kita tidak ada BTN. BTN terletak di bawah Jabatan Perdana Menteri tetapi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun meletakkan BTN di bawah Kementerian Belia dan Sukan. Sebelum ini *Sepang International Circuit*, dengan izin, SIC terletak di bawah Kementerian Kewangan tetapi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun menukar SIC dan meletakkannya di bawah KBS.

Sebelum ini, badan yang dikenali sebagai IM4U, bukan di bawah KBS tetapi di bawah Kementerian Kewangan tetapi telah pun ditukarkan kepada Kementerian Belia dan Sukan. Ia bermaksud bahawa bukan ada peningkatan daripada segi peruntukan tetapi agensi-agensi yang sebelum ini di bawah kementerian lain telah pun dibawa masuk ke Kementerian Belia dan Sukan dengan peruntukan yang sedia ada dan ada juga banyak yang dipotong. Kalau ikut penambahannya ia agak besar.

Sebagai contoh, sebelum ini PLKN di bawah Kementerian Pertahanan dan bajetnya berjumlah RM680 juta dan bajet yang paling rendah pernah ia terima adalah pada RM360 juta iaitu dalam setengah peruntukan KBS secara keseluruhan. Akan tetapi apabila ditukarkan ke Kementerian Belia dan Sukan, daripada RM600 juta ia jadi kosong. So, saya kena mewarisi masalah untuk menerangkan tetapi peruntukannya tidak dibawa masuk. So, itu untuk menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat.

Kedua, berkenaan pertubuhan belia. Apa yang kami lakukan sekarang adalah untuk memfokuskan peruntukan belia kepada pelaksanaan program-program dan bukan sekadar dana pentadbiran yang diagihkan setiap tahun. Kenapa Kementerian Belia dan Sukan mengambil keputusan ini?

Ini kerana kita lihat apabila kita fokus kepada pengagihan duit pentadbiran untuk tujuan lantikan pegawai ataupun untuk ada pejabat yang tersendiri sampai ke peringkat daerah, kami rasa lebih baik untuk dana tersebut digunakan untuk merencanakan aktiviti-aktiviti dan program-program belia di peringkat akar umbi. Bukan sahaja untuk tujuan dana tahunan tetapi akhirnya agak sukar untuk diaudit, khususnya dari segi pelaksanaan-pelaksanaan program

tersebut. Saya rasa jalan terbaik untuk menilai adalah untuk lihat mana dana tersebut pergi. Saya boleh melaporkan, *I don't have the exact numbers here* tetapi saya telah pun menjawab secara rasmi dalam Dewan Rakyat pada tempoh yang lepas. Di mana dalam tempoh masa setahun, sudah hendak dalam RM20 juta dibelanjakan untuk tujuan pembangunan belia dan sukan di peringkat akar umbi yang diguna pakai oleh semua.

Bukan sahaja persatuan-persatuan belia tradisional tetapi juga yang tidak tradisional yang sebelum ini dianaktirikan dan juga individu-individu yang sebelum ini tidak dapat mengguna pakai dana ataupun bajet KBS dan terpaksa melalui persatuan belia dan sekarang ini boleh memohon terus kepada Kementerian Belia dan Sukan. Oleh sebab itu, fokus kami adalah untuk memastikan monopoli dana belia itu tidak wujud lagi yang dapat dikongsikan oleh semua pihak.

Akhirnya, dapat ditunjukkan untuk program di peringkat akar umbi dan tidak sahaja sebagai perkara statik yang diperuntukkan setiap tahun bagi beberapa persatuan. Pada masa yang sama seperti yang kami maklumkan sebelum ini, apabila pertubuhan belia melalui proses reformasi tersebut, kita akan membantu sebaik mungkin. Sebagai contoh, satu kita hendak pastikan bahawa ada penekanan, keterlibatan golongan wanita muda dalam kepimpinan pertubuhan belia. So, bagi pertubuhan belia yang melantik atau memilih lebih banyak wanita muda, kita akan berikan *priority* utama untuk mereka mendapatkan peruntukan tambahan.

Kedua, bagi pertubuhan belia memasukkan juga rakyat Malaysia, anak muda yang berbilang bangsa dan agama ke dalam struktur kepimpinan mereka supaya akhirnya ia betul-betul mewarnakan pertubuhan belia yang sebenar. Cuma kami faham ada *exception*, dengan izin, seperti GPMS dan yang lain yang tetap harus diberikan penekanan kerana struktur perlembagaan mereka seperti itu.

Akan tetapi yang terbuka kita patut masukkan kerana saya ingat apabila kita anjurkan Hari Belia Negara, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun menegur dan kata, "Mana golongan bangsa Malaysia, Cina muda di hadapan kepimpinan persatuan belia?" Saya rasa ini perkara yang harus diperhalusi dan diselesaikan. Pada masa yang sama, mereka yang juga membawa masuk dan memperuntukkan dana yang secukupnya kepada golongan anak muda bawah 30 tahun.

Kenapa saya tekankan ini? Ini kerana apabila kita lihat pecahan peruntukan yang diberikan dalam kadar 85 peratus ke 90 peratus, akhirnya akan dibelanjakan kepada struktur kepimpinan di atas umur 35 tahun dan program-program sasaran kepada mereka bawah 30 tahun atau digerakkan oleh mereka yang bawah 30 tahun sangat kecil sekali. Walhal, kalau kita lihat kumpulan belia berisiko yang melibatkan banyak anak muda adalah mereka bawah 25 tahun, ini lingkungan 15 tahun ke 25 tahun. Boleh tengok kajian-kajian yang dikeluarkan.

Dahulu kita ada Program Rakan Muda yang disasarkan kepada golongan anak muda bawah 25 tahun tetapi bajet mereka telah pun diserapkan untuk kegunaan pertumbuhan-pertumbuhan belia. Akhirnya, sasaran untuk membantu golongan belia berisiko telah pun berkurangan. Bagaimana kita hendak menangani masalah mat rempit? Bagaimana kita hendak menangani masalah sosial di antara iaitu gejala dadah dan yang lain jika kita tidak berani untuk fokuskan dana tersebut kepada kumpulan-kumpulan yang sebelum ini tidak dapat memanfaatkan dana tersebut sepenuhnya. Terima kasih Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua: Jadi, Yang Berhormat maaf ya.

Datuk Razali bin Idris: Habis sudah?

Timbalan Yang di-Pertua: Ini akhirlah, *last* tadi ya, sudah tiga, minta maaf ya, sambung nanti ya.

Datuk Razali bin Idris: Sikit tidak boleh? Satu sahaja.

■1040

Timbalan Yang di-Pertua: Maaf, dah tiga ya. Yang Berhormat, kita sudah mendengar penerangan daripada Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan kita, masalah belia murung. Apa sebabnya murung selalu? Jadi penagih dadah berterusan. Ini dia perkara yang kita hendak tahu. Adakah sebab kurang dengan agama, murung, buat kerja-kerja yang tidak betul tadi. Jadi belia dan muda iaitu Yang Berhormat Menteri banyak sangat tanggungjawabnya tadi.

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya diberikan 10 saat Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman: Ini keluar topik sedikit tetapi pada pukul 1 selepas ini akan ada satu sesi libat urus di mana semua Ahli Senator dijemput hadir. Kalau Tuan Yang di-Pertua nak hadir pun, *alhamdulillah*. Di mana apa-apa persoalan berkenaan pindaan Perlembagaan dan Belia 30 seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi boleh diajukan. Saya berharap saya dapat berjumpa dengan kalian semua. Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Mungkin tadi ramai belia yang tidak bekerja pun jadi masalah juga. Kita ingat tadi bak kata pantun orang Melayu:

*Anak muda membawa raga,
Raga disimpan di tepi pantai,
Dalam laut boleh kita duga,
Dalam hati kita kurang pandai.... [Tepuk]*

Baik teruskan daripada Yang Berhormat Senator Datuk Lim Pay Hen, silakan.

3. Datuk Lim Pay Hen minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) mengapakah anjakan yuran baharu bagi pengamal perubatan klinik swasta perlu dirujuk kepada Majlis Tindakan Kos Sara Hidup Negara; dan
- (b) berapakah anjakan yuran baharu yang difikirkan munasabah oleh Majlis Tindakan Kos Sara Hidup Negara dan fungsi sebenar "*Advisory Council*".

Timbalan Menteri Kesihatan [Dr. Lee Boon Chye]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan Yang Berhormat Senator Datuk Lim Pay Hen berkaitan dengan fi pengamal perubatan klinik swasta dan peranan Majlis Tindakan Kos Sara Hidup Negara. Kebetulan pindaan Jadual Ketujuh Peraturan-peraturan Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Klinik Swasta untuk meminda jadual fi tersebut telah dikaji oleh Kementerian Kesihatan selepas menerima permohonan daripada MMA, PERDIM, FPMPAM dan *Academy of Family Physician* dan sebagainya.

Selepas itu, kementerian telah mengangkat cadangan tersebut untuk diperbincangkan dalam sesi *townhall* berkenaan dengan pemegang taruh termasuk juga persatuan-persatuan pengguna dan seterusnya adakan *townhall* dengan kesemua pengamal perubatan klinik swasta di kementerian.

Selepas itu, diangkat ke Jemaah Menteri dan Jemaah Menteri dalam bulan April 2019 telah memutuskan supaya cadangan pindaan jadual tersebut yang di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 perlu dirujuk kepada Mesyuarat Tindakan Sara Hidup Negara dan seterusnya di bentang semula untuk pertimbangan dan persetujuan Jemaah Menteri. Ia diputuskan begitu supaya penyelarasan kadar fi perundingan hendaklah dikenakan pada kadar yang tidak membebankan rakyat. Setakat ini masih belum ada keputusan muktamad.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, bahawa Majlis Tindakan Kos Sara Hidup Negara ini dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang melibatkan beberapa kementerian yang lain termasuk KPDNHEP, Kementerian Kesihatan, Kementerian Pendidikan, Kementerian Pengangkutan, KPKT, MESTECC dan juga Kementerian Pertanian dan Asas Tani. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Sila.

Datuk Lim Pay Hen: Terima kasih atas jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri. Saya ingin merujuk kembali kepada sesi perjumpaan kementerian dengan profesion doktor klinik swasta atau GP. Anjakan yuran atau fi ini sebenarnya tidak disemak selama 27 tahun. Namun cadangan anjakan yuran GP sebenarnya pernah dibangkitkan semasa kerajaan terdahulu.

Maka soalan tambahan saya kepada kementerian ialah, apakah hasil tinjauan awam yang telah atau pernah dilaksanakan oleh kementerian mengenai anjakan yuran ini? Sebenarnya reaksi orang awam kebanyakannya kurang memahami dan keliru mengenai yuran rawatan GP.

Kedua, apakah kesan yang bakal dijangka oleh kementerian setelah anjakan atau keharmonian yuran GP dilaksanakan nanti? Di khabar anginkan hujung tahun ini. Kebimbangan saya ialah kemungkinan berlaku kebanjiran lagi banyak pesakit ke klinik-klinik kesihatan awam nanti. Sekian, terima kasih.

Dr. Lee Boon Chye: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Memang ini kebimbangan yang kita rasai khususnya kesan kepada rakyat biasa. Ini kerana cadangan daripada persatuan-persatuan doktor tersebut mencadangkan supaya jumlah kenaikan adalah daripada RM10 hingga RM35 setiap konsultasi kepada RM30 hingga RM125. Ini selaras dengan fi perundingan untuk pengamal perubatan am, bukan pakar di kalangan pengamal perubatan di hospital-hospital swasta mengikut Jadual Ketiga Belas, Perintah Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta yang telah diluluskan sebelum ini tahun 2013.

Jadi, ini sebenarnya bukan setakat satu kenaikan tetapi satu penyelarasan atau *harmonization* dari segi fi yang di caj kepada pesakit oleh doktor bukan pakar di hospital dan fi yang di caj oleh doktor bukan pakar di klinik swasta. Jadi, ini memang satu *abnormally* yang kita cadangkan sepatutnya diselaraskan. Akan tetapi memandangkan kedudukan ekonomi yang tidak menentu, jadi kementerian rasa ini harus dikaji semula. Oleh sebab itu, kita angkat ke Jawatankuasa Kos Sara Hidup untuk diteliti dengan lebih mendalam dalam isu ini. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik, terima kasih Yang Berhormat menjawab dengan baik dan terang. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Senator Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff, silakan.

4. Datuk Mustapa Kamal Bin Mohd Yusoff minta Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan, berapakah jumlah kes yang telah disiasat di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 sepanjang tahun 2018 dan adakah pihak kementerian melihat akta ini masih relevan dengan keadaan semasa.

Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia [Tuan Eddin Syazlee Shith]: Dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPDP) telah menerima sejumlah 680 aduan daripada subjek data bagi tahun 2018. Sebanyak 46 peratus kes telah berjaya diselesaikan dan ditutup. Jenis kesalahan yang kerap diterima antaranya yang telah diadakan adalah aduan berkaitan pelanggaran tujuh Prinsip Perlindungan Data Peribadi terutamanya ialah:

- (i) prinsip am, penzahiran dan keselamatan;
- (ii) golongan pengguna data yang merekodkan aduan tertinggi adalah golongan institusi perbankan dan insurans; dan
- (iii) aduan berkaitan penzahiran data peribadi kepada pihak ketiga tanpa kebenaran ejen pengutip hutang contohnya, dan pemasaran langsung.

Berdasarkan daripada keadaan semasa dengan tumpuan yang diberikan kepada pembangunan ekonomi digital yang mana dapat merancakkan pertumbuhan ekonomi negara serta menjadi faktor penarik pelabur dan penggunaan perkhidmatan *Cloud*, dengan izin, yang semakin meluas, Akta Perlindungan Data Peribadi 2010, Akta 709 adalah relevan dalam memastikan pengurusan data peribadi yang lebih telus dan berintegriti oleh pengguna data. Khususnya oleh urus niaga komersial sekali gus dapat meningkatkan kepercayaan rakyat bahawa pengguna data mematuhi tujuh Prinsip Perlindungan Data Peribadi ataupun Prinsip PDP.

■1050

Akta 709 ini juga memposisikan Malaysia sebagai salah sebuah negara di dunia yang menguatkuasakan perlindungan pengamal mengenai perlindungan data peribadi seperti negara-negara lain seperti *United Kingdom*, Kesatuan Eropah, Kanada, New Zealand, Australia, Macau, Hong Kong, Jepun, Singapura dan juga Thailand.

Perlindungan data peribadi juga adalah elemen yang penting yang perlu ada di bawah mana-mana perjanjian perdagangan bagi memastikan pengurusan data peribadi oleh pengguna data adalah mematuhi prinsip JPDP dan juga amalan terbaik yang diguna pakai di peringkat antarabangsa, dengan izin.

Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff: Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang diberikan. Tuan Yang di-Pertua seperti yang semua sedia maklum sebarang data yang membolehkan seseorang individu yang masih hidup, yang dikenal pasti adalah dilindungi di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi.

Beberapa contoh data yang boleh dianggap sebagai data peribadi seseorang individu. Pertamanya, nama dan alamat, nombor kad pengenalan, nombor pasport, maklumat kesihatan, alamat, emel, gambar, imej dalam rakaman litar tertutup dan juga maklumat-maklumat dalam fail peribadi.

Soalan tambahan saya Yang Berhormat Menteri, adakah penyebaran video-video daripada rakaman CCTV sama ada di kawasan awam atau hak persendirian seperti hotel dikira sebagai kesalahan di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi dan jika ia menjadi satu kesalahan adakah pemilik CCTV boleh dikenakan sebarang tindakan atas faktor kecuaiian dan adakah pihak kementerian boleh mengesahkan ketulenan video-video yang diambil daripada rakaman CCTV tersebut. Sekian, terima kasih.

Tuan Eddin Syazlee Shith: Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan tambahan tadi dan dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Kalau berkenaan isu ketulenan atau *authenticity* kita tidak terlibat dalam menentukan ketulenan kandungan CCTV dan sebagainya ataupun perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Akan tetapi berkenaan kandungan CCTV itu, maklumat kandungan CCTV itu adalah tertakluk kepada perlindungan data peribadi yang mana pihak pengurusan hotel sendiri perlu berdaftar dengan JPDP supaya maklumat-maklumat yang berkaitan dengan rakaman CCTV ini adalah dilindungi di bawah prinsip JPDP seperti mana yang saya sebutkan sebentar tadi. Akan tetapi bagi menentukan ketulenan sesuatu kandungan itu bukan terletak di bawah bidang kuasa pihak JPDP dengan izin.

Datuk Rabiyah binti Ali: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Nanti sekejap.

Datuk Rabiyah binti Ali: Saya buat soalan tambahan saya boleh tidak?

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Datuk Rabiyah binti Ali: Okey. Saya ingin mendapatkan penjelasan Tuan Yang di-Pertua, kerajaan apakah langkah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) memaparkan maklumat pendapatan dan harta milik anggota Parlimen melanggar peruntukan undang-undang dan peraturan di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010. Terima kasih.

Tuan Eddin Syazlee Shith: Maklumat berkenaan pengisytiharan harta dan sebagainya itu tidak terpakai, macam SPRM itu tidak terpakai. Perlindungan data peribadi ini tidak terpakai kepada *Federal Government* di atas maksud pematuhan aturan-aturan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan contohnya SPRM itu tidak tertakluk kepada undang-undang JPDP.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik ada lagi? Sila.

Puan Hajah Sabani binti Mat: Sini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Saya ada satu soalan, apakah kaedah yang diguna pakai oleh pihak kementerian bagi membolehkan pengguna membuat laporan jika ada data peribadi mereka disalah guna dan apakah pihak kementerian mempunyai perancangan untuk mewujudkan aplikasi di telefon pintar bagi memudahkan pengguna membuat laporan. Terima kasih.

Tuan Eddin Syazlee Shith: Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat kepada soalan tambahan tersebut. Selalunya kes-kes yang berkaitan ataupun aduan-aduan yang berkaitan dengan perlindungan data peribadi ini diterima melalui saluran aduan JPDP, Sistem Perlindungan Data Peribadi ataupun secara ringkasnya SPDP yang di e-mel kan kepada aduan@pdp.gov.my yang boleh dibuat terus melalui aplikasi telefon pintar

ataupun SisPAA bagi jenis-jenis kesalahan yang berkaitan dengan perlindungan data peribadi.

Ini adalah satu saluran yang cukup kepada mana-mana pihak yang merasakan dirinya adalah terkesan bagi aktiviti-aktiviti yang melibatkan pelanggaran hak kepada perlindungan data peribadi boleh membuat aduan kepada portal yang disediakan.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik terima kasih Yang Berhormat Tuan Eddin Syazlee iaitu Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia dan sekarang saya pergi kepada Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah dipersilakan.

5. Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, adakah pihak kementerian akan menggunakan sistem, "*Advance Passengers Clearance*" bagi mengenal pasti rekod-rekod jenayah lampau khususnya bagi pendatang asing warga Afrika yang masuk ke negara ini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Mohd Azis bin Jamman]:
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat.

*Niat di hati hendak jadi Awie;
Apakan daya tak jadi realiti;
Patah kaki semua tidak impi;
Berdiri tidak boleh duduk pun jadi;*

So, Tuan Yang di-Pertua, mohon izin untuk jawab soalan ini secara duduk [*Ketawa*]
[*Tepuk*]

Timbalan Yang di-Pertua: Jadi kami ucapkan syabas, tahniah kepada Yang Berhormat seorang pejuang.

Datuk Mohd Azis bin Jamman: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Uzur pun asalkan datang juga bertongkat tahniah...
[*Tepuk*]

Datuk Mohd Azis bin Jamman: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Inilah satu contoh pejuang bangsa kita. Dipersilakan.

Datuk Mohd Azis bin Jamman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat modul *Advance Passengers Screen* merupakan modul yang berupaya membuat tapisan awal terhadap pelawat asing dengan melakukan semakan silang dengan rekod daripada Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan *International Criminal Police Organization* (INTERPOL) sebelum mereka tiba ke negara ini.

Modul *Advance Passenger Screen* ini merupakan salah satu elemen yang akan dibangunkan di bawah sistem kawalan imigresen baharu yang sedang dalam proses perolehan secara tender terbuka bagi menggantikan sistem imigresen sedia ada. Sistem

baharu ini dijangka akan dapat mengawal kemasukan pelawat asing ke Malaysia dengan lebih efisien dan kekal relevan dengan cabaran semasa. Kementerian menjangkakan sistem baharu ini dapat diguna pakai sepenuhnya menjelang pertengahan tahun 2023.

Selain itu juga Tuan Yang di-Pertua, sebagai mekanisme untuk mengekang kemasukan warga asing yang berisiko ke negara ini Jabatan Imigresen Malaysia mengambil langkah kawalan seperti berikut.

Pertama, proses tapisan awal melalui pengeluaran visa di kedutaan ataupun pejabat perwakilan Malaysia di luar negara. Di mana tapisan akan dibuat untuk mengenal pasti sama ada warga asing berkenaan telah dimasukkan dalam senarai syak jabatan. Sekiranya nama mereka tersenarai dalam senarai syak, warganegara asing ini tidak akan dikeluarkan visa untuk datang ke negara kita Malaysia;

■1100

Kedua, kawalan dan pemeriksaan di pintu-pintu masuk negara meliputi pemeriksaan dokumen perjalanan, latar belakang pelawat dan penyemakan identiti dengan pangkalan data senarai syak jabatan.

Ketiga, dalam menyemak identiti warga asing di pintu masuk negara sistem pangkalan data ataupun biometrik warga asing dan Sistem Sekuriti Nasional ataupun NERS berupaya meningkatkan keberkesanan kawalan dan pemeriksaan warga asing dengan membuat proses pengecaman terhadap data biometrik yang telah direkodkan sebagai senarai syak jabatan. Di samping itu juga, sistem NERS dapat mengenal pasti ketulenan identiti individu berkenaan berdasarkan semakan silang dengan maklumat biometrik yang terkandung dalam pangkalan data NERS yang saya sebutkan tadi, NERS.

Keempat, dalam memberikan perkhidmatan yang pantas dan efisien, penggunaan *auto gate* bagi kemasukan warga negara Malaysia dapat menjamin keselamatan dokumen ini dan identiti warga negara melalui pengecaman cap jari biometrik. Ia seterusnya dapat membantu dan memberi peluang kepada pegawai imigresen untuk memberikan lebih perhatian kepada pemeriksaan pelawat asing berisiko tinggi di pintu-pintu masuk negara.

Kelima, Tuan Yang di-Pertua pihak Polis Diraja Malaysia, Kastam Diraja Malaysia dan agensi lain turut menyumbang data-data warga asing yang berisiko dalam sistem SL yang saya sebutkan tadi ataupun senarai syak. Sebarang kes jenayah yang dilakukan di dalam negara sentiasa dipantau dan ditangani secara berhemah oleh Polis Diraja Malaysia termasuk yang melibatkan warga asing. Di dalam hal ini, PDRM akan menggunakan sistem jenayah indeks kerana ia akan menggambarkan kedudukan sebenar kadar jenayah di dalam negara.

Berdasarkan statistik jenayah indeks yang melibatkan warga asing terdapat penurunan sebanyak 660 kes yang dilaporkan pada tahun 2018 berbanding tahun 2017. Bagi tahun 2018, statistik jenayah indeks bagi warga asing adalah sebanyak 10,781 kes di mana

2,644 kes jenayah kekerasan dan 8,135 kes jenayah harta benda. Manakala bagi tahun 2017 pula, 11,441 kes telah dilaporkan di mana 3,112 kes adalah jenayah kekerasan dan baki 8,329 adalah kes jenayah harta benda. Bagi tahun 2019 pula untuk tempoh bulan Januari hingga Mei tahun 2019, statistik menunjukkan sebanyak 4,562 kes telah dilaporkan. Daripada jumlah tersebut 1,190 kes jenayah kekerasan manakala 3,402 kes lagi merupakan jenayah harta benda.

Kerajaan akur akan kebimbangan rakyat terhadap jenayah. Pada masa yang sama tidak dinafikan adalah agak mustahil untuk menghapuskan sama sekali kejadian jenayah yang berlaku di negara ini. Statistik jenayah indeks merupakan petunjuk utama situasi jenayah semasa negara. Penguatkuasaan akan dikenakan kepada penjenayah yang melanggar undang-undang negara tanpa mengira status warganegara mereka.

Dalam memastikan warga asing termasuk warga Afrika tidak terlibat dalam jenayah dan masalah sosial yang lain yang boleh menjejaskan kerukunan dan keharmonian rakyat tempatan, pelbagai langkah dan usaha telah diambil oleh Polis Diraja Malaysia seperti berikut:

- (i) mengenal pasti individu dan sindiket-sindiket yang terlibat dan mengambil tindakan keras ke atas mereka di bawah undang-undang yang berkaitan;
- (ii) mengadakan operasi-operasi semasa kesemua tempat-tempat yang dikenal pasti sebagai sarang-sarang sindiket dari masa ke semasa;
- (iii) menyenaraihitamkan warganegara asing berjantina perempuan yang dikenal pasti sering memasuki negara ini khusus untuk menjalankan kegiatan pelacuran;
- (iv) mengenal pasti tempat-tempat yang sering menjadi *point of entry*, dengan izin, oleh penyeludup-penyeludup yang membawa perempuan-perempuan warganegara asing untuk dijadikan pelacur dan penyeludupan dadah untuk tindakan pencegahan; dan
- (v) kerjasama yang erat di antara agensi-agensi penguatkuasaan lain juga memainkan peranan penting dalam membendung gejala tidak bermoral ini.

Tuan Yang di-Pertua, usaha untuk memerangi jenayah bukan hanya terletak di bawah pihak penguat kuasa semata-mata tetapi tugas sedemikian harus juga dipikul oleh setiap lapisan masyarakat tanpa mengira ideologi politik, keturunan, bangsa dan kepercayaan agama. Masyarakat memainkan peranan penting dalam menyalurkan maklumat tentang sebarang aktiviti jenayah yang berlaku di persekitaran mereka kepada pihak berkuasa. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, sila.

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengajak sama-sama kita berdoa agar Yang Berhormat segera sembuh dan boleh berdiri seperti sedia kala. Akan tetapi, kali pertama tengok Yang Berhormat di Dewan ini nampak putih sedikit daripada hari itu dan segar sedikit.

Yang Berhormat, soalan saya menjerus kepada warga Afrika. Dalam soalan saya ini, saya timbulkan warga Afrika kerana kebimbangan kita. Kalau kita pergi ke China, Guangzhou ada satu jalan bernama *Xiaobei Lu*, kawasan itu hitam Yang Berhormat. Penuh dengan *African* dan orang-orang China di situ sudah keluar daripada kawasan tersebut. Tempat-tempat yang mereka menyewa dan membeli *apartment*, mereka keluar daripada situ. Itu kebimbangan kita Yang Berhormat kerana saya melihat daripada statistik 2012 *not the latest*, dengan izin, 79,352 yang masuk ke Malaysia dan 25,467 adalah Visa Pelajar. Pada masa yang sama ditangkap *arrested* dalam pelbagai kesalahan 764, maknanya 10 peratus daripada mereka yang masuk ini ditangkap kerana kegiatan-kegiatan yang menjerus kepada kesejahteraan negara kita.

Jadi soalnya Yang Berhormat, mereka ini masuk menggunakan visa pelajar dan kita tahu mereka masuk kemudian mereka hilang. Adakah kementerian mengetahui angka-angka daripada pelajar-pelajar yang gagal ini dan dilaporkan hilang dan tidak dapat dicari selepas itu? Maknanya visanya sudah lupus dan mereka ini ada di dalam negara kita. Yang Berhormat, apakah dengan *advance clearance system* ini dapat kita mengatasi masalah ini Yang Berhormat yang ada dalam negara kita sekarang ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, sila Yang Berhormat.

Datuk Mohd Azis bin Jamman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih juga dengan soalan tambahan Yang Berhormat tadi. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat Senator semua sebenarnya Kementerian Dalam Negeri apabila kita menguatkuasakan undang-undang ini, kita tidak *stereotype* kepada mana-mana bangsa ataupun warganegara. Apabila dia melakukan jenayah, tidak kira dia daripada negara mana sekalipun tindakan tegas akan kita ambil.

Merujuk kepada soalan yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator tadi, sebab itu saya sebutkan tadi dalam usaha kita mengekang ataupun membanteras jenayah ini, kita memerlukan kerjasama daripada semua pihak. So, dalam kes ini kita memerlukan kerjasama mungkin daripada Kementerian Pendidikan, universiti-universiti yang ada untuk melaporkan kepada kita sebab apabila permohonan visa pelajar ini diberikan kepada seseorang individu atas tawaran yang diberikan oleh universiti tempatan ataupun kolej-kolej yang ada di negara kita ini, *of course* kerajaan akan memeriksa secara keseluruhan latar belakang pelajar-pelajar ini sebelum kita memberikan pas visa pelajar.

Jadi, apabila mereka ini tidak mempunyai rekod jenayah selepas kita membuat *background check* terhadap pelajar-pelajar ini, maka kita akan meluluskan visa ini.

Akan tetapi, apa yang berlaku apabila mereka masuk ke negara kita dan mereka menyalahgunakan visa ini dengan tidak pergi ke sekolah ini ataupun ke universiti di mana mereka didaftarkan so sebab itu kita memerlukan kerjasama daripada universiti-universiti ataupun kolej-kolej ini untuk melaporkan kepada kita.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, baru-baru ini Jabatan Imigresen Malaysia melakukan banyak operasi di mana kita menjejaki pelajar-pelajar yang dikatakan, yang dilaporkan kepada kita tidak masuk universiti atau tidak masuk ke kolej ini. Oleh sebab itu untuk makluman ada dan keluar pun di dalam media-media massa, dalam surat khabar baru-baru ini di mana tangkapan terhadap beberapa orang pelajar warga asing yang dahulu masuk ke negara kita menggunakan pas pelajar tetapi mereka tidak masuk universiti dan kita tangkap mereka ini dan kita tahan. Malah ada di antara mereka yang juga kita akan *terminate* pas pelajar mereka dan kita hantar pulang.

Jadi sebagaimana saya sebutkan tadi, kita memerlukan kerjasama semua pihak dalam usaha kita untuk membanteras gejala penyalahgunaan pas pelajar ini, kita memerlukan kerjasama semua pihak khususnya kepada universiti-universiti ataupun kolej-kolej yang memberikan tawaran untuk melanjutkan pelajaran golongan ini atau masyarakat ini, warganegara ini ke dalam negara kita dan jika mereka mendapati bahawa pelajar ini tidak datang kelas dalam tempoh masa yang panjang, kita minta agar mereka menyalurkan maklumat ini kepada kita. Jadi terima kasih dengan jawapan soalan tambahan itu, sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Yang Berhormat sila.

Puan Asmak binti Husin: Ada.

Tuan Khairul Azwan bin Harun: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, sahabat saya.

■1110

Soalan saya mudah, pendek sahaja. baru-baru ini kita baca dalam akhbar dan dalam media terjadi satu peristiwa melibatkan warga negara asing yang kemudian didapati beliau merupakan seorang pelajar peringkat PhD yang punyai permit. Kita difahamkan penahanan itu berlaku apabila satu operasi dibuat oleh pihak Jabatan Imigresen dan juga jabatan-jabatan yang lain. Kemudian, ditahan untuk beberapa hari dan beliau telah meninggal dunia, difahamkan akibat mendapat serangan- saya lupa, penyakit apa itu?

Seorang Ahli: Kancing gigi.

Tuan Khairul Azwan bin Harun: Ya, kancing gigi. Jadi, soalan saya pertama, apakah jaminan pihak kerajaan bahawasanya penahanan yang dibuat ke atas warga asing ini tidak

dipanjangkan sehingga melibatkan insiden-insiden yang amat malang yang saya rasa mungkin barangkali persepsi negara luar apabila membaca berita seumpama ini akan timbullah persepsi-persepsi tidak baik dan negatif terhadap negara kita.

Kedua, apabila kita bercakap soal keselamatan Yang Berhormat Menteri, pastinya ia melibatkan sistem dan teknologi serta metodologi terkini. Sejauh mana keberkesanan sistem yang diguna pakai oleh pihak berkuasa di bawah kementerian Yang Berhormat Menteri, termasuk teknologi *facial recognition*, *voice recognition* nya dan macam-macam lah teknologi yang diguna pakai? Sejauh mana Malaysia itu benar-benar bersedia dan punyai keupayaan kepada tahap itu? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Mohd Azis bin Jamman: Ya, terima kasih dengan soalan tambahan yang diberikan oleh Yang Berhormat tadi, sahabat saya. Dia ada dua soalan.

Pertama, mengenai kes pelajar yang meninggal dalam tahanan. Untuk makluman Yang Berhormat, kes pelajar yang ditahan ini, apa yang berlaku ialah bilamana pihak imigresen cuba menghubungi universiti di mana pelajar ini menerima tawaran untuk belajar di sana dan kita meluluskan pas pelajar ini kepada pelajar tersebut berpandukan kepada surat tawaran ini.

Apa yang berlaku, kita cuba menghubungi tetapi tidak dapat berhubung dengan universiti di mana beliau belajar. So, ia memakan masa dan oleh sebab beberapa kali kita cuba, hingga membuatkan tahanan terhadap pelajar ini memakan masa sedikit. Akan tetapi, dalam tempoh yang sama, semasa pelajar ini ditahan, satu perkara yang kita tidak ingini telah berlaku di mana beliau telah meninggal dunia dan pihak hospital juga telah mengesahkan bahawa beliau meninggal adalah disebabkan oleh satu penyakit, saya pun tidak berapa ingat. Penyakit kancing gigi, sawan, penyakit sawan.

Jadi, ini berlaku. Kita amat dukacita terhadap kejadian ini dan *in syaa Allah* pihak Jabatan Imigresen sebagaimana yang kita tahu, bila menahan mana-mana pelajar ini mereka sentiasa mengikut SOP Polis Diraja Malaysia. Sebagaimana saya sebutkan tadi, saya ulang lagi, melibatkan kes pelajar ini, dia ditahan kerana pihak Jabatan Imigresen cuba untuk berhubung dengan universiti di mana beliau belajar tetapi kita tidak dapat berhubung dengan universiti ini sehinggalah pelajar itu meninggal dunia di tempat tahanan.

Menyebut tentang sistem yang disebutkan oleh Yang Berhormat juga tadi, sebagaimana saya sebutkan sistem ini sekarang ini sedang ditambah baik dan kita bekerjasama sebenarnya dengan beberapa agensi untuk menambah baik sistem yang akan dibuka tendernya tidak berapa lama lagi. Jadi, *of course*, keberkesanan sebagaimana kita tahu teknologi ini di mana-mana negara sekalipun, penaiktarafan itu sering dilakukan selaras dengan kemajuan teknologi yang ada dan *alhamdulillah*, *face recognition* ini sebagaimana

kita tahu ia merupakan salah satu juga elemen yang kita akan letakkan dan masukan di dalam sistem yang bakal kita tambah baik tidak berapa lama lagi. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Kita ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Mohd Azis bin Jamman iaitu Timbalan Menteri Dalam Negeri yang walaupun uzur dan tempang, datang juga demi juga untuk bangsa dan negara. Tepuk tangan sedikit ya... [*Tepuk*] Terima kasih.

6. Datuk John Ambrose minta Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli menyatakan, usaha bersepadu untuk menangani masalah perparitan dan saluran di luar bandar yang menyebabkan banjir setiap dua bulan di Penampang, Sabah untuk mengatasi masalah banjir yang merugikan rakyat berjuta-juta Ringgit setiap tahun.

Timbalan Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli [Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Datuk John Ambrose. Sebelum itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab bersekali soalan daripada Yang Berhormat Datuk Donald Peter Mojuntin yang bertarikh 29 Julai 2019 kerana menyentuh isu yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli melalui Jabatan Pengairan dan Saliran telah dan sedang berusaha merangka langkah-langkah jangka masa pendek dan jangka masa panjang bagi mengurangkan risiko banjir dan kesan akibat banjir di seluruh negara. Langkah jangka masa pendek adalah dengan melaksanakan kerja-kerja pembersihan sistem saluran dan sungai melalui peruntukan negeri dan Persekutuan.

Sejumlah peruntukan juga telah disalurkan kepada kawasan Penampang, Sabah di bawah program pemuliharaan sungai untuk mengurangkan risiko banjir bagi tahun 2018 dan 2019. Sebanyak 12 kerja sebut harga berjumlah RM1.369 juta telah dijalankan di sekitar Penampang pada tahun 2018. Pada tahun ini sebanyak RM2.87 juta telah disalurkan bagi menjalankan 17 kerja-kerja pengorekan sungai bagi mengurangkan masalah banjir. Manakala, langkah jangka masa panjang pula adalah dengan melaksanakan kerja-kerja tebatan banjir.

Bagi mengurangkan risiko banjir di sebahagian kawasan di Penampang, kerajaan telah meluluskan Projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Moyog untuk dilaksanakan oleh Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli melalui Jabatan Pengairan dan Saliran dalam RMKe-11 dengan syiling kos sebanyak RM281 juta. Buat masa ini, antara kerja-kerja sedang dilaksanakan di tapak adalah:

- (i) Pakej 1 – membina dan menaik taraf Parit 18A, penambahbaikan Parit A dan kerja-kerja berkaitan di Sungai Kibabaig; dan

- (ii) Pakej 3 – kerja-kerja menaik taraf dan kerja-kerja berkaitan Sungai Putatan, Sabah.

Peruntukan pelaksanaan Pakej 4, akan dipohon dalam RMKe-12 manakala Pakej 2 iaitu Pakej Libor- reka bentuk dan tender akan dipanggil pada Disember 2019. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, sila.

Datuk John Ambrose: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya ialah adakah pihak kementerian mempunyai perancangan untuk memasang sistem amaran awal atau *early warning sign* kepada kawasan-kawasan peka kepada banjir untuk memudahkan pihak berkuasa tempatan dan rakyat khususnya untuk bersedia menghadapi banjir?

Kedua, adakah pihak kementerian mempunyai bilik gerakan tetap atau *war room* untuk memantau keadaan banjir di kawasan-kawasan yang terdedah kepada banjir? Baru kelmarin, dua jam sahaja hujan pun, sudah banjir di Kampung Kelopis, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat.

Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk kerja-kerja *detect* ataupun pencegahan awal, memang pihak kementerian akan melaksanakannya untuk memberi kemudahan kepada kawasan-kawasan yang terbabit. Manakala, kawalan ataupun tindakan awal ataupun kumpulan pencegahan banjir awal ini biasanya dia tertakluk kepada kerajaan negeri, ya MKN. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

■1120

Datuk Donald Peter Mojuntin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Datuk Donald Peter Mojuntin: Ini kerana soalan saya berkaitan juga. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Saya senang hatilah kerana projek tebatan banjir itu diteruskan dan kerajaan masih tengok kepada masalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk di Penampang.

Apa yang saya ingin tanya adalah bagaimanakah perjalanan Pakej 1 dan Pakej 3 yang disebutkan tadi memandangkan masalah yang dihadapi sekarang adalah pemindahan penduduk-penduduk yang tinggal di rizab sungai berkaitan? Adakah Kerajaan Pusat sedar bahawa kebanyakan mereka ini tidak mempunyai tanah dan apabila mereka dipindahkan, mereka tidak ada ganjaran yang mereka dapat, tidak cukup untuk mereka membeli rumah ataupun tidak lama dapat menanggung sewa jika mereka mendapat tempat yang untuk disewakan? Soalan saya, bagaimanakah Kerajaan Pusat dapat membantu mereka ini? Terima kasih.

Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji: Terima kasih, Yang Berhormat. Di sini saya akan menyebut secara teknikal. Projek Pakej 1, ia bermula pada 21 November 2016, tarikh tamat mula adalah 21 November 2019. Oleh kerana apa Yang Berhormat nyatakan tadi benar iaitu masalah pengambilan tanah, maka ia telah dilanjutkan sehingga 25 Mac 2021.

Untuk makluman Yang Berhormat, lot yang terlibat ataupun pengambilan tanah yang terlibat lebih kurang 208 lot. Buat masa ini, hanya 134 lot yang telah diberi pampasan manakala 74 lot dalam proses perbincangan dengan pihak terbabit. Apa yang paling penting adalah pihak negeri sendiri kerana kuasa tanah adalah kuasa kerajaan negeri. Terima kasih.

Tuan Adrian Banie Lasimbang: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi laluan soalan tambahan saya kepada Menteri.

Saya ingin bertanya sedikit berkenaan dengan rancangan jangka masa panjang untuk sistem tebatan banjir untuk kawasan daerah Penampang. Memandangkan perancangan-perancangan ini memerlukan juga teknologi terkini, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, adakah satu kajian ataupun pelan untuk membina takungan bawah tanah sementara ataupun *temporary reservoir* yang mempunyai dua fungsi iaitu untuk menjadi takungan air apabila banjir dan juga menjadi takungan air untuk dijadikan air mentah untuk tujuan pembekalan air di kawasan ini juga?

Jadi selain itu, saya juga ingin bertanya kepada pihak kementerian, adakah sebarang kajian yang telah dibuat oleh kementerian tentang kesan-kesan terhadap pembinaan empangan di hulu sungai- mana-mana sungailah? Adakah ia memberi kesan positif ataupun negatif terhadap lembangan sungai di sebelah hilir sungai? Itu sahaja, terima kasih.

Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji: Terima kasih, Yang Berhormat. Seperti mana yang saya jelaskan tadi untuk pelaksanaan PLSB Sungai Moyog, ia ada empat pakej di mana pada permulaan ini, Pakej 1 dan Pakej 3 yang kita laksanakan.

Apa yang Yang Berhormat cakap tadi betul. Maknanya dari segi teknologi sama ada air yang ditakung itu boleh digunakan semula untuk kegunaan air bersih. Jadi perkara ini masih dalam kajian.

Akan tetapi untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya Pakej 2 dan Pakej 4 saya nyatakan di sini adalah membina kolam takungan dan membina rumah pam dan juga Pakej 4, membina kolam takungan dan menaik taraf Sungai Moyog. Seperti mana Yang Berhormat cakap tadi, memang ada takunganlah. Ini untuk pakej yang akan datang.

Manakala, soalan yang seterusnya itu, saya kena jawab bertulis. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji, Timbalan Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli telah menjawab dengan padat dan terang. Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Tuan Khairul Azwan bin Harun.

Tuan Khairul Azwan bin Harun: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk mengalu-alukan kehadiran lawatan delegasi *Australia-ASEAN Muslim Exchange Program*. *We say, "Welcome" or "Selamat datang to the House of Senate Malaysia"*.

Tuan Yang di-Pertua, soalan saya soalan Nombor 7.

7. Tuan Khairul Azwan bin Harun minta Menteri Pendidikan menyatakan, bilakah kerajaan berhasrat untuk memasukkan silibus khusus demokrasi dan Perlembagaan dalam kurikulum pendidikan kebangsaan.

Timbalan Menteri Pendidikan [Puan Teo Nie Ching]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat atas soalan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia telah memberi pendekatan dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PDP) dengan memasukkan kandungan khusus berkaitan dengan demokrasi dan Perlembagaan dalam kurikulum pendidikan kebangsaan.

Pada masa ini, tajuk dan kandungan yang berkaitan dengan demokrasi dan Perlembagaan, dilaksanakan dalam mata pelajaran Sejarah yang bermula di Tahap Dua sekolah rendah hingga ke sekolah menengah. Walau bagaimanapun, kandungan tersebut diajar kepada murid mengikut aras dan tahap kebolehan serta keupayaan murid yang bersesuaian, sama ada di sekolah rendah ataupun di sekolah menengah. Sekian, jawapan saya, terima kasih.

Tuan Khairul Azwan bin Harun: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Terima kasih kepada Timbalan Menteri dengan jawapan yang begitu pendek. Saya merasakan bahawa apabila Dewan Rakyat meluluskan pindaan Perlembagaan terhadap umur untuk mengundi yang diturunkan kepada umur 18 tahun dan *in syaa Allah*, di Dewan Negara kita juga akan bersama-sama meluluskan pada esok hari.

Jadi persoalan saya, sejauh mana pihak Kementerian Pendidikan serius untuk memperkenalkan subjek ini bagi kita mempersiapkan anak-anak muda kita yang apabila mereka meninggalkan bangku sekolah genap umur 18 tahun, maka mereka akan mula- *they will exercise their duty, responsibility to decide on the future?*

Jadi, apakah perancangan terutama *public engagement* yang bakal ataupun sedang direncanakan oleh pihak kementerian itu? Sejauh mana ia melibatkan *public* dan juga kumpulan-kumpulan *stakeholders* yang mempunyai pengetahuan khusus terhadap bidang-bidang ini? Pertama.

Kedua, apakah perbandingan yang dibuat antara Malaysia dan negara-negara lain yang juga telah memperkenalkan subjek seumpama itu dalam sistem pendidikan mereka? Terima kasih.

Puan Teo Nie Ching: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Ahli Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan tersebut. KPM memang komited untuk menyediakan generasi muda ini supaya mereka siap sedia untuk mengundi pada umur 18 tahun.

Jadi salah satu usaha yang dilaksanakan oleh KPM adalah kita dalam proses untuk semakan kurikulum kita. Setakat ini, kalau buku teks Sejarah untuk Tingkatan 4, dulunya "*Pilihan Raya*" dalam buku teks kita hanya ada lima muka surat tetapi buku teks baharu yang akan diperkenalkan pada tahun depan- isi kandungan tentang pilihan raya akan meningkat daripada lima muka surat kepada 19 muka surat.

Selain daripada itu, tentang Perlembagaan. Dalam buku teks yang sedia ada, walaupun ada sebut tetapi tidak ada satu bab yang spesifik. Akan tetapi untuk buku teks Sejarah yang akan datang pada tahun depan itu, kita akan ada satu bab khusus untuk Perlembagaan Persekutuan dan isi kandungannya adalah sebanyak 17 muka surat.

Selain daripada itu, kita juga ada buku teks untuk Pendidikan Moral di mana di Unit 7, kita akan mengajar murid-murid kita tentang, "*Hak saya sebagai warganegara*". Jadi, kita memang dalam prosedur ataupun untuk menambah baik, memperkukuhkan pendidikan demokrasi di dalam buku-buku teks untuk Tingkatan 4 dan juga Tingkatan 5.

Untuk Tingkatan 6, pendidikan demokrasi juga terkandung dalam mata pelajaran Pengajian Am dan juga Sejarah. Setakat ini, kita juga dalam proses untuk menyemak sukatan peperiksaan STPM ini.

■1130

Dari segi *public engagement*, kita KPM juga bersiap sedia untuk bekerjasama dengan Suruhanjaya Pilihan Raya. SPR mempunyai satu bahagian yang dipanggil Bahagian Akademik Pilihan Raya. Untuk tahun ini sahaja, kita telah menjemput ataupun kerjasama di antara KPM dengan Bahagian Akademik Pilihan Raya ini, mereka telah masuk ke 68 buah sekolah di mana mereka akan memberikan pendidikan sivik kepada pelajar-pelajar kita, mereka akan menunjukkan dan menjelaskan prosedur pilihan raya kepada murid-murid kita supaya mereka boleh merasai situasi sebenarnya semasa mengundi.

Jadi, kita terbuka. KPM terbuka untuk bekerjasama dengan mana-mana pihak sama ada adalah SPR ataupun NGO-NGO yang lain. Akan tetapi saya juga hendak menegaskan di sini- saya menghargai semua Yang Berhormat Senator yang menyokong pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan kita. Saya percaya untuk menyediakan generasi muda supaya mereka bersedia untuk mengundi apabila mereka mencapai umur 18 tahun ini perlu kerjasama daripada semua lapisan masyarakat. Sekian jawapan saya. Terima kasih.

Tuan Khairul Azwan bin Harun: Tuan Yang di-Pertua, saya ada satu soalan pendek tambahan, sekejap.

Datuk Razali bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, pendek.

Tuan Khairul Azwan bin Harun: Sekejap, saya ada tambahan, soalan saya. Tambahan, satu lagi. Jadi, saya hendak Yang Berhormat Timbalan Menteri sahkan kepada Dewan ini iaitu setakat ini tidak akan wujud subjek baharu... *[Disampuk]* Tidak, sekejap. Tidak akan wujud subjek baharu khusus untuk silibus demokrasi ataupun Perlembagaan melainkan ia hanya tambahan muka surat pada buku teks sedia ada. Tolong sahkan.

Puan Teo Nie Ching: Kita tidak ada mata pelajaran baharu, tetapi untuk silibus-silibus itu atau kurikulum itu kita akan tambah baik untuk mengukuhkan lagi pendidikan demokratik.

Timbalan Yang di-Pertua: Seorang lagi. Ya, sila.

Tuan Nga Hock Cheh: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, di sekolah sekarang, pelantikan *class monitor* dan *school prefect* dibuat oleh guru atau pihak pentadbiran sekolah atau diundi pilih oleh murid-murid sekolah?

Puan Teo Nie Ching: Saya rasa itu terpulang kepada sekolah-sekolah. Saya rasa mungkin ada sekolah rendah atau untuk Tahun 1, mungkin *class monitor* itu adalah dilantik oleh guru. Akan tetapi saya rasa ini mereka memang menggalakkan sekolah-sekolah untuk membenarkan pemilihan. Selain daripada *school prefect*, *class monitor*, kita juga ada banyak persatuan dan kelab di mana pemilihan jawatankuasa akan dijalankan. Akan tetapi sama ada terbuka kepada semua murid ataupun untuk ahli-ahli yang terlibat dalam kelab tersebut atau persatuan tersebut, itu terpulang kepada sekolah lah.

Selain daripada itu, di sekolah berasrama penuh, kita juga ada badan wakil pelajar di mana dia juga akan melibatkan- pemilihan itu melibatkan guru-guru dan pelajar-pelajar di mana mereka sama-sama terlibat dalam pemilihan *the head boys* dan mereka juga akan wakil- badan perwakilan pelajar ini juga akan mewakili pelajar-pelajar kita untuk mengadakan rundingan dengan pihak sekolah. Jadi, saya rasa ini adalah juga satu jenis pemilihan dalam sekolah di mana kita boleh menyediakan anak muda kita untuk mengundi di dalam pilihan raya umum. Sekian, terima kasih.

Datuk Razali bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, saya satu soalan tambahan boleh?

Timbalan Yang di-Pertua: *Last*.

Datuk Razali bin Idris: *Last*, terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sudah berkali-kali mencuba, tetapi akhirnya dapat juga. Terima kasih. Saya bersetuju dengan soalan Yang Berhormat Senator sahabat saya.

Oleh sebab kita bersetuju had umur mengundi 18 tahun, maka pihak Kementerian Pendidikan perlu menyediakan satu susunan yang terbaik supaya pengundi 18 tahun dapat mengundi dengan baik dan sempurna. Kita juga percaya kalau sekiranya tidak ada satu kerangka pengajaran, struktur pengajaran untuk memberi penjelasan sejelasnya kepada pengundi 18 tahun, maka mereka akan memilih pemimpin yang mengikut *viral* dalam telefon.

Jadi, saya fikir pihak Kementerian Pendidikan mengambil inisiatif ini, soalan-soalan ini supaya dapat diterjemahkan kepada pengundi 18 tahun.

Soalan saya, walau kita memberi tunjuk ajar cara macam mana untuk memilih, memberi penjelasan kepada yang berusia 18 tahun untuk memilih pemimpin yang baik. Jadi soalan saya, apakah pihak kementerian ingin memasukkan silibus iaitu skandal 1MDB supaya pengundi 18 tahun tahu skandal 1MDB inilah yang menjatuhkan kerajaan selama 60 tahun? Apakah KPM berhasrat untuk memasukkan silibus ini? Terima kasih.

Puan Teo Nie Ching: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris atas soalan tersebut. Saya hendak menegaskan di sini ataupun menjelaskan sekali lagi bahawa elemen-elemen tentang demokrasi dan juga Perlembagaan, ia memang adalah diajar sejak Tahap 2 di sekolah rendah. Maksudnya Tahun 4, 5 dan 6 sampai-lah Tingkatan 5 di sekolah menengah.

Sebagai contohnya, dalam buku teks Sejarah untuk Tahun 5, kita memang ada sentuh tentang Perlembagaan dan juga demokrasi. Juga untuk dalam buku teks Sejarah Tahun 6, tajuk ini akan berulang lagi dengan *content* yang berbeza, isi kandungan yang berbeza. Jadi, walaupun kita tidak wujudkan satu mata pelajaran yang tersendiri, tetapi elemen-elemen ini telah diajar di sekolah sejak Tahap 2, maksudnya Tahun 4 hingga Tingkatan 5 dan juga dalam Pengajian Am untuk Tingkatan 6. Jadi, ini pertama.

Jadi, saya rasa- isu tentang 1MDB, ini kerana untuk isi kandungan dalam buku teks Sejarah itu ia ditentukan oleh jawatankuasa khas. Ini kerana untuk mata pelajaran Sejarah, kita memang perlu pakar-pakar yang menentukan mana satu bahagian yang lebih sesuai untuk masukkan. Jadi itu bukan satu keputusan politik, tetapi saya akan bawa cadangan ini kepada jawatankuasa khas tersebut untuk golongan pakar-pakar kita untuk tengok sama ada sesuai untuk masukkan dalam buku teks atau tidak. Saya harap... *[Disampuk]*

Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua. Tidak apalah, saya cakap juga Tuan Yang di-Pertua. Cuma saya hendak sentuh sedikit tadi fasal 1MDB. Minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Walaupun ini bukan perbahasan, tetapi saya harap supaya perkara ini tidak dapat ditimbulkan kerana ia masih di dalam perbicaraan mahkamah. Tidak seharusnya perkara ini ditimbulkan terutama di Dewan yang mulia ini bila mana kita semua adalah pembuat undang-undang dan patut tahu bahawa 1MDB ini sedang dibicarakan dalam mahkamah. Saya minta kalau boleh tidak perlu ditimbulkan lagi dan saya rasa Yang Berhormat Menteri pun tidak perlu jawab sepatutnya sebab ia melibatkan perbicaraan lagi. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Baiklah. Ahli Yang Berhormat, jadi soalan kita akhirkkan. Sekarang kita pergi ke agenda kedua pula. Silakan.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG CAP DAGANGAN 2019****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguh atas masalah, “Bahawa Rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang” **[22 Julai 2019]**

Timbalan Yang di-Pertua: Dipersilakan Yang Berhormat Menteri menyambung memberikan hujah-hujah dan huraian.

11.38 pg.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Chong Chieng Jen]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya akan sambung dari mana saya berhenti semalam itu iaitu saya sudah sampai ke Bahagian IV, Rang Undang-undang Cap Dagangan 2019. Bahagian IV itu mengenai fasal 16 hingga fasal 36.

Bahagian ini menjelaskan perkara-perkara berhubung dengan pendaftaran cap dagangan yang terbahagi kepada lapan bab yang menjelaskan perkara berhubung dengan pengenalan cap dagangan berdaftar; permohonan dalam pelbagai kelas; sistem pengelasan barangan dan perkhidmatan; permohonan berhubung warna dan siri cap dagangan; kuasa pendaftar untuk menolak pendaftaran berdasarkan alasan mutlak atau alasan relatif yang ditetapkan; penggunaan bersama dengan jujur; tuntutan keutamaan bagi permohonan konvensyen; permohonan luar negara lain yang berkaitan; dan perlindungan sementara cap dagangan di bawah Perkara 11 Konvensyen Paris.

■1140

Bahagian ini juga menjelaskan mengenai pemeriksaan permohonan dan memasukkan penafian syarat atau pengehadan secara suka rela dalam permohonan. Selain itu, bahagian ini turut menerangkan mengenai peruntukan berhubung dengan penarikan balik atau sekatan ke atas permohonan. Pindaan permohonan prosedur bangkangan berdasarkan alasan yang ditetapkan dan prosedur jika permohonan telah di setujui terima oleh Pendaftar.

Bahagian V iaitu fasal 37 hingga 38. Bahagian ini memperuntukkan tentang proses permohonan bagi pendaftaran cap dagangan termasuklah pembahagian ataupun penggabungan, permohonan atau pendaftaran atas permintaan pemohon atau tuan punya cap dagangan berdaftar.

Bahagian VI iaitu fasal 39 hingga 41. Bahagian ini menjelaskan bahawa tempoh pendaftaran adalah 10 tahun daripada tarikh pendaftaran dan boleh diperbaharui untuk lanjutan tempoh masa 10 tahun. Bahagian ini juga menjelaskan tentang status cap dagangan yang tidak diperbaharui serta keadaan apabila pendaftaran cap dagangan itu terhenti.

Bahagian VII iaitu fasal 41 hingga 47. Bahagian ini menjelaskan tentang syarat dan prosedur bagi apa-apa perubahan, pembetulan, pemotongan, pembatalan dan ketidaksahan bagi suatu cap dagangan.

Bahagian VIII fasal 48 hingga 53. Bahagian ini menjelaskan tentang kesan cap dagangan berdaftar termasuklah hak-hak yang diberikan kepada tuan punya cap dagangan berdaftar. Pengehadan atas had jika cap dagangan yang serupa didaftarkan oleh orang yang berlainan. Menjelaskan perbuatan yang menjadi pelanggaran terhadap cap dagangan berdaftar. Pengecualian kepada pelanggaran, tindakan yang boleh diambil dan remedi yang bersesuaian untuk pelanggaran cap dagangan yang melibatkan prosiding sivil.

Bahagian IX iaitu fasal 62 hingga 67. Bahagian ini menjelaskan tentang cap dagangan berdaftar sebagai objek harta intelek adalah suatu aset yang bernilai dan boleh diperdagangkan sama seperti harta alih yang lainnya.

Bahagian X iaitu fasal 68 hingga fasal 71. Bahagian ini mengandungi peruntukan-peruntukan yang berhubungan dengan pelesenan bagi menggantikan peruntukan mengenai pengguna berdaftar dalam Akta 175. Konsep pengguna berdaftar adalah satu konsep lama. Di negara-negara lain seperti di UK, Australia dan Singapura, konsep pengguna berdaftar ini telah digantikan dengan konsep pelesenan cap dagangan berdaftar.

Bahagian XI iaitu fasal 72 hingga fasal 73. Bahagian ini akan memperkenalkan peruntukan berhubungan dengan cap kolektif dan mengemas kini peruntukan sedia ada mengenai cap perakuan.

Bahagian XII iaitu fasal 74 hingga fasal 75. Bahagian ini mengandungi peruntukan-peruntukan yang berhubungan dengan perkara antarabangsa termasuklah persediaan bagi membolehkan Malaysia menyertai Protokol Madrid. Perlindungan cap dagangan terkenal, lambang kebangsaan dan sebagainya di bawah Perkara 6ters Konvensyen Paris.

Bahagian XIII iaitu fasal 81 hingga fasal 94. Bahagian ini mengandungi peruntukan-peruntukan yang berhubungan dengan hal langkah-langkah sempadan. Langkah-langkah sempadan telah wujud dalam Akta 175, Rang Undang-undang Cap Dagangan 2019 mengemaskinikan dan menambah baik peruntukan sedia ada bagi memenuhi keperluan khusus langkah-langkah sempadan ini termasuklah tindakan *ex-officio* bagi barangan dalam perjalanan eksport dan pengecualian *de minimis* bagi barangan-barangan bukan bersifat komersial dalam kuantiti yang kecil dalam bagasi pengembaraan peribadi pengembaraan atau yang dihantar dalam *consignment* kecil tidak melebihi dua barang.

Bahagian XIV iaitu fasal 95 hingga fasal 98. Bahagian ini mengandungi peruntukan-peruntukan yang berhubungan dengan ejen cap dagangan. Peruntukan ini menerangkan bahawa mana-mana pihak yang tidak menetap atau menjalankan perniagaan utamanya di Malaysia hendaklah melantik ejen cap dagangan berdaftar untuk bertindak bagi pihaknya dalam tatacara awal atau memohon pendaftaran atau prosedur berkaitan dengan cap dagangan berdaftar.

Bahagian XV iaitu fasal 99 hingga fasal 108 dan Bahagian XVI iaitu fasal 109 hingga fasal 139. Bahagian XV mengandungi peruntukan-peruntukan yang berhubungan kesalahan-kesalahan jenayah.

Dan Bahagian XVI pula akan memperkenalkan perkara berhubungan dengan penyiasatan dan penguatkuasaan yang selama ini tidak ada dalam Akta 175.

Rang Undang-undang Cap Dagangan 2019 akan memperkenalkan peruntukan-peruntukan berkenaan kesalahan-kesalahan jenayah antaranya seperti pemelancongan cap dagangan iaitu *counterfeit goods* memakaikan dengan salah satu cap dagangan pada barang-barang atau perkhidmatan serta mengimport atau menjual barang-barang tersebut, membuat atau memiliki artikel untuk melakukan kesalahan, catatan palsu, ketidakpatuhan kepada saman atau keengganan untuk memberikan keterangan, menyatakan dengan palsu cap dagangan itu sebagai pendaftaran antarabangsa, salah guna nama Pejabat Cap Dagangan dan orang yang tidak berdaftar yang mengamal sebagai ejen cap dagangan berdaftar.

Bahagian XVII iaitu fasal 140 hingga fasal 147. Bahagian ini mengandungi peruntukan-peruntukan yang berhubungan dengan prosiding undang-undang di mahkamah, kos dan keterangan yang menjelaskan mengenai tatacara berkaitan prosiding di mahkamah termasuklah penyampaian permohonan, kehadiran pendaftar, kos prosiding, perakuan kesahan serta kebolehterimaan salinan yang diperakukan oleh pendaftar, salinan dokumen yang dimeterai dan maklumat elektronik yang diperakukan oleh pendaftar sebagai keterangan di mahkamah.

Bahagian XVIII iaitu fasal 148 hingga fasal 162. Bahagian ini mengandungi peruntukan pelbagai dan am. Antaranya berkaitan fi dan memperkenalkan Jurnal Rasmi Harta Intelek sebagai salah satu inisiatif untuk menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan MyIPO. Jurnal ini akan menggantikan Warta Kerajaan sebagai penerbitan rasmi bagi permohonan harta intelek termasuk cap dagangan.

Bahagian XIX iaitu fasal 164 hingga 183. Bahagian ini memasukkan fasal berkaitan rayuan terhadap keputusan pendaftar di mahkamah dan bahagian ini turut menjelaskan bahawa Akta 175 dimansuhkan. Walau bagaimanapun, pemansuhan akta ini tidak akan menjejaskan pelantikan semua peraturan, keputusan, arahan dan notis yang dikeluarkan, perbicaraan dan prosiding yang telah berjalan diambil atau bermula berdasarkan akta ini.

■1150

Peruntukan ini juga menerangkan bahawa pemansuhan ini tidak akan menjejaskan liabiliti pihak yang didakwa atau dihukum bagi kesalahan yang dilakukan di bawah akta yang dimansuhkan sebelum permulaan kuat kuasa Rang Undang-undang Cap Dagangan 2019. Jadual pertama dan jadual kedua.

Jadual Pertama mengandungi peruntukan-peruntukan yang berkaitan dengan cap kolektif bagi barang-barang atau perkhidmatan yang disediakan oleh persatuan atau ahli mereka.

Jadual Kedua pula mengandungi semua perkara yang berkaitan dengan cap perakuan yang membolehkan badan yang diberi kuasa untuk mendaftar tanda mereka sebagai cap perakuan yang digunakan untuk mengesahkan barang-barang dan perkhidmatan berkenaan dengan asal bahan, cara pembuatan barang atau prestasi perkhidmatan, kualiti, ketepatan atau ciri-ciri lain.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, naskhah sah Rang Undang-undang Cap Dagangan 2019 ini telah ditetapkan dalam teks bahasa Inggeris. Memandangkan kebanyakan peruntukan-peruntukan dalam rang undang-undang ini merujuk kepada instrumen antarabangsa dan terdapat peruntukan yang berhubung dengan pendaftaran cap dagangan daripada negara konvensyen untuk mendaftarkan cap dagangan di Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik, terima kasih. Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi [Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran cap dagangan berhubung dengan barang-barang dan perkhidmatan dan untuk melaksanakan triti yang berkaitan dan bagi perkara lain yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas. Ada tujuh orang serahkan nama daftar di sini untuk membahaskan perkara ini. Saya mulakan dengan Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris, dipersilakan.

11.52 pagi

Datuk Razali bin Idris: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh. Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, di atas peluang yang diberikan kepada saya untuk menyertai perbahasan bagi Rang Undang-undang Cap Dagangan 2019. Ia sangat penting untuk menekankan bahawa cap dagangan ataupun *trademark* dalam bahasa

Inggeris, dengan izin, merupakan suatu aset yang sangat bernilai dan sangat berharga walaupun ia bukan suatu aset yang nyata.

Cap dagangan adalah satu harta intelek yang tidak boleh dipegang, tidak sama seperti tanah, rumah, kereta, mesin ataupun aset nyata yang lain. Oleh yang demikian, cap dagangan memainkan peranan yang sangat penting dalam dunia perniagaan. Cap dagangan adalah harta intelek yang tidak ternilai dan di antara harta penting untuk suatu perniagaan. Justeru itu, saya menyeru rakan-rakan menyokong rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, penguatkuasaan cap dagangan kepada harta intelek yang sangat lemah dalam industri muzik tanah air sudah sekian lama. Hasil karya mereka dirompak oleh penyangak seni yang perlu diperangi oleh KPDNKK dalam Malaysia Baharu pada hari ini. Di bawah undang-undang harta intelek, pemilik diberi hak eksklusif, terutama bagi pelbagai aset yang tidak nyata seperti muzik, penulisan dan juga karya seni.

Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) yang merupakan agensi di bawah KPDNKK berperanan sebagai organisasi yang bertanggungjawab melindungi harta intelek di Malaysia. MyIPO merupakan agensi tunggal yang menyediakan perkhidmatan pendaftaran paten, cap dagangan, reka bentuk perindustrian, hak cipta, petunjuk geografi dan reka bentuk susun atur litar bersepadu di negara kita. MyIPO diberi tanggungjawab untuk menguatkuasakan undang-undang harta intelek bagi kes-kes pelanggaran harta intelek, umpamanya cetak rompak dan pengeluaran barang-barang tiruan.

Tuan Yang di-Pertua, sejak era 1980-an lagi gejala cetak rompak karya seni seperti hasil muzik mula bertapak di Malaysia hingga meresahkan karyawan yang bergantung hidup kepada jualan dan royalti produk yang dihasilkan. Ketika itu pelbagai kempen dianjurkan, termasuk dengan sokongan artis bagi membendung aktiviti pengedaran dan penjualan produk cetak rompak merangkumi kaset, cakera padat, cakera padat video- VCD atau cakera padat video- DVD.

Lebih tiga dekad yang lalu, malangnya masalah cetak rompak masih terus membelenggu industri seni tanah air. Lebih menakutkan lagi, kepesatan teknologi dan kepintaran gajet yang dihasilkan oleh manusia membolehkan kegiatan cetak rompak, termasuk curi rakam dilakukan di hujung jari. Usaha membendung kegiatan lanun digital juga memerlukan kerajaan menggubal undang-undang yang lebih tegas agar dapat menimbulkan rasa gerun dalam kalangan masyarakat. Kita sedar, undang-undang melindungi hasil kreatif dan harta intelek dikuatkuasakan di Malaysia.

Namun, hukuman penjara dan denda antara RM5,000 hingga RM20,000 bagi kesalahan melakukan salinan cetak rompak di bawah Akta Cipta 1987 wajar dikaji semula. Saya fikir kerajaan perlu menggandakan denda dan penjara supaya orang ramai lebih takut, pihak berkenaan juga perlu menghebahkan hukuman terbabit sebagai amaran.

Pada masa yang sama, budaya takut atau hormat kepada undang-undang ini perlu diteruskan dan disemarakkan, barulah lanun cetak rompak tidak berani beroperasi kerana tahu kesan yang amat buruk.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Yang Berhormat Senator, minta penjelasan sedikit boleh? Sedikit sahaja.

Datuk Razali bin Idris: Boleh.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Boleh ya, okey. Oleh sebab tajuk menarik. Yang Berhormat Senator Razali, saya ikuti perkembangan daripada Unit Harta Intelek di Bangunan Maybank, selepas itu sampai ke Menara Daya Bumi, selepas itu meratalah, sampai ke sana. Saya rasa orang yang jaga Bahagian Penguatkuasaan pun orang yang sama, saya kenal, naik pangkat sudah. Semua sudah ada, benda ini benda lama, zaman Datuk Jabar semua.

Persoalan saya ialah mungkin orang nampak cetak rompak ini sebab ia bunyi “cetak rompak” tetapi bagi saya sebenarnya merompaklah, mencuri. Sama juga macam mencuri benda lainlah. Akan tetapi kenapa, pada pandangan Yang Berhormat Senator Datuk Razali, kita hendak pinda undang-undang tetapi saya tengok dari segi struktur institusi itu sendiri, ia di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Biasanya dikaitkan dengan cerita ayam, cerita pengguna ini kan?

Akan tetapi pada masa yang sama, ada lagi di bawah kementerian yang sama, di bawah kementerian kawan saya ini. Ada satu perbadanan yang khusus melibatkan kena bercakap daripada dalam negeri sampai ke WIPO. Sampai ke Geneva sana itu dan sehingga melibatkan perkara-perkara dasar luar juga. Oleh sebab ia melibatkan *international treaties*, sehinggalah perkara-perkara yang domestik ini.

Jadi, soalan saya di dalam kita hendak membetulkan undang-undang, pada pandangan Yang Berhormat Senator Datuk Razali, adakah dari segi hendak menguatkan penguatkuasaan, memastikan rompakkan itu kurang berlaku, struktur di mana perbadanan ini diletakkan ini pun saya rasa agak perlu dikaji semula dan perlukan perhatian khusus. Mungkin daripada pimpinan tertinggi, dahulu kita hendak buat inovasi *direct* di bawah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Kita hendak perang dadah AADK di bawah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Ini saya tengok agenda inovasi ini, ekonomi kreatif ini mungkin memerlukan satu kajian yang lebih menyeluruh. Oleh sebab saya yakin kalau daripada unit sudah jadi perbadanan, itu saya ingat lagi di bawah Tan Sri Muhyiddin Yassin, kebetulan saya agak berurusan rapat, saya rasa perkara itu perlu diberi sungguh-sungguh. Jikalau tidak, undang-undang makin tukar, makin tebal. Akan tetapi permasalahan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator

Datuk Razali, terutamanya untuk rakan-rakan seni kita yang bagi saya hendak dapat idea-idea hebat ini bukan senang, senang sahaja dirompak. Mohon pandangan.

Datuk Razali bin Idris: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Pengerusi Yusmadi, *lawyer* yang pernah membela artis tempatan. Jadi, kita tahu yang kementerian juga bertindih untuk menentukan struktur pembahagian dalam industri seni. Saya ada memasukkan persoalan tersebut kepada kementerian, mungkin di penghujung Yang Berhormat Senator Yusmadi akan dapat lihat.

■1200

Jadi, para karyawan, artis dan pemuzik sebenarnya menanggung kerugian yang sangat besar. Malahan ratusan juta Ringgit kalau hendak dikira. Kalau kita lihat nasib Tuan Yang di-Pertua, penggiat seni yang telah meninggalkan kita sebagai contoh, Tan Sri P. Ramlee.

Saya difahamkan Tan Sri P. Ramlee, di penghujung hayatnya papa kedana. Walaupun kita tengok dia- hak cipta harta intelek lagu, filem, boleh dikatakan beribu kali diulang. Akan tetapi, di penghujung hayatnya, beliau tidak dapat merasai nikmat hasil perjuangan yang beliau lakukan selama ini. Begitu juga nasib penggiat seni yang lain. Di penghujung hayat, *kantoi*.

Jadi, di situlah- soalan saya kepada kementerian, berapakah penjenayah yang pernah ditangkap dan dihukum dari perbuatan jahat cetak rompak ini? Saya juga difahamkan penjenayah yang terbesar dalam cetak rompak adalah *recording company* yang terlibat. Mereka masih hidup bersenang-lenang hasil daripada rompakan daripada penggiat seni.

Jadi, sekarang dalam Malaysia baharu kita minta pihak kerajaan memerangi secara bersungguh-sungguh supaya mereka ini tidak lagi melakukan perkara yang sedemikian rupa. Jadi Tuan Yang di-Pertua, wang royalti juga dikutip oleh badan bukan kerajaan dan dikhabarkan ada perebutan yang tidak ada kesudahannya.

Dalam kemelut perebutan ini, penggiat seni, penyanyi dan pemuziklah yang menanggung kerugian yang sangat besar. Ada di antara pemuzik dan penyanyi yang menjadi ahli badan pengutip royalti, hanya mendapat beberapa ratus Ringgit sahaja walaupun mempunyai puluhan album dan lagu diputar setiap hari. Akan tetapi, persatuan dan syarikat-syarikat rakaman yang sangat selesa dengan kutipan dan agihan royalti ini, cukup meragukan mereka. Pelaku muzik yang menjadi mangsa sehingga kutipan royalti tidak memadai dengan apa yang dihasilkan.

Contoh, saya mungkin- sahabat kita pun terlibat, beberapa kumpulan datang ke Dewan Negara berjumpa dengan kita. Dia kata dia ada 15 hingga 20 album Tuan Yang di-Pertua, tetapi hasil royalti hanya RM500 bukan RM500,000. Sejumlah RM500 daripada hasil 20 buah album yang diterbitkan oleh mereka.

Begitu juga, ada satu lagi kumpulan lama iaitu kumpulan Koprata. Saya hendak sebutlah di sini, datang jumpa kita, dia dapat hanya RM14- Koprata. Siapa yang tidak kenal? Hanya RM14 wang royalti- cek dan dia simpan sehingga sekarang. Jadi, di sinilah pihak kementerian perlu mengambil kesempatan untuk memberikan sokongan dan kecaknaan kepada penggiat seni tanah air.

Baru-baru ini lagu “*Nyomondo*” dinyanyikan oleh Ito- *Blues Gang* diguna pakai semasa kempen Pilihan raya Kecil Rantau, oleh Barisan Nasional. Ini contoh, saya hendak bagi contoh bukan saya hendak kata apa, hendak bagi contoh. Pilihan raya tersebut dimenangi oleh Barisan Nasional. Digambarkan, dikhabarkan satu sen royalti pun tidak diberikan kepada penyanyi tersebut. Ini satu contoh.

Saya harap pihak Barisan Nasional bagilah, sudah menang. Bagi sikit, apa salahnya? Tidak salah, panggil kawan itu- dengar cerita kawan itu sudah mahu buat laporan, panjang cerita. Bagi token kepada mereka kerana membuat lagu sehingga Tok Mat menang pilihan raya. Sebahagiannya menyokong dan menjadi kempen di pilihan raya tersebut.

Soalan saya lagi Tuan Yang di-Pertua, apakah nama badan pelesenan yang telah diisytiharkan oleh MyIPO untuk kategori karya hak cipta yang diberi lesen setakat ini di Malaysia, berapa? Saya juga difahamkan, *Music Rights Malaysia* (MRM) tidak mempunyai lesen pengutip royalti tetapi dibenarkan kutip. Ini cerita kerajaan terdahulu. Walaupun yang mempunyai *license* sahaja boleh mengutip tetapi dibenarkan juga satu badan lain yang mengutip royalti tetapi tidak berlesen. Akan tetapi tidak mengapa, cuma kita hendak tahu di sini sejak ditubuhkan, berapakah jumlah kutipan yang diperolehi oleh MRM? Siapakah yang memantau agihan royalti kepada pemuzik, kepada pelaku muzik sebenarnya?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga difahamkan sebahagian pengutip royalti dan persatuan-persatuan sedia ada juga membalun banyak dana seni kreatif kerajaan yang terdahulu tetapi malangnya, hasilnya ke laut. Tidak ditumpukan kepada yang betul-betul terbabit dalam industri muzik.

Saya cadangkan supaya mereka ini perlu diperhatikan dan tidak lagi diberikan tempat dalam Malaysia baharu ini. Sudah lama mereka ini *duk* menyamun. Jadi, dalam Malaysia baharu pihak kerajaan, pihak kementerian kena memerhati tingkah laku mereka. Ini supaya tidak lagi bersama-sama dengan kita dan masih melakukan perkara-perkara yang tidak dipersetujui oleh penggiat dan juga pelaku seni.

Jadi, apakah pihak kerajaan, pihak kementerian tidak bercadang untuk menubuhkan satu badan yang mana badan tersebut seratus peratus kerajaan? Tidak terbabit dengan NGO, tidak terbabit dengan syarikat persendirian, seratus peratus kerajaan yang khusus untuk mengutip dan mengagihkan royalti secara terus kepada pelaku muzik. Sekarang ini kita tidak ada jagaan. Bagi kepada persatuan, bagi kepada syarikat yang persendirian tetapi

pentadbirannya tidak sampai. Pendapatan yang begitu banyak. Apa yang hendak saya gambarkan di sini Tuan Yang di-Pertua, pendapatan daripada hasil royalti ini begitu banyak, ratusan juta, mungkin sampai bilion. Apa yang saya fahamkan...

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Yang Berhormat Senator, sikit ya, boleh? Oleh sebab saya mahu minta penjelasan, sebab saya tidak berhajat untuk bahas panjang di sesi saya. Saya mahu sambut momentum yang rakan saya ada ini.

Sebelum itu, setuju atau tidak Yang Berhormat Senator Razali, sebelum kita hendak bincang institusi baharu dan sebagainya, saya hendak mencadangkan juga kepada kementerian boleh atau tidak di Dewan yang mulia ini sediakan laporan khusus, penguatkuasaan ini. Di mana masalah ia? Kenapa penguatkuasaan untuk perkara ini ia menjadi susah, kan?

Oleh sebab apa, kalau kita tidak halusi, kita hendak tahu masalah dia struktur kah, masalah penguatkuasaan tidak cukup staf kah ataupun korupsi ini- kalau boleh saya katakan rasuah ini Tuan Yang di-Pertua, dan untuk orang seni ini mungkin terlalu canggih dunia hari. Dengan digitalnya, dengan kartelnya, sindiket dan sebagainya.

Pada pandangan saya itu. Jadi saya rasa elok juga Yang Berhormat Menteri, secara khusus saya minta dalam Dewan ini- kerana tidak guna kita ada undang-undang yang tebal-tebal ini, dengan izin, *to have law is the easiest, but how to make law effective and trusted and get confidence by* penggiat seni, itu cabaran lain.

Jadi saya rasa Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan kepada rakan saya agar wajar untuk kita dapat satu penjelasan khusus daripada Yang Berhormat Menteri, apa masalah ini? Daripada zaman cetak rompak dahulu, macam-macam sudah buat tetapi tidak efektif juga. Ini pandangan sayalah, sebab saya rasa ini kalau bagus benda ini menyumbang kepada ekonomi Malaysia untuk industri ekonomi kreatif.

Datuk Razali bin Idris: Okey, saya bersetuju dengan pandangan tersebut dan saya minta masukkan di dalam ucapan saya. Oleh sebab memang perlu industri yang kita sebutkan ini merupakan industri yang sangat penting, yang terbabit dengan banyak agensi dan juga penglibatan terutamanya warga negara kita sendiri.

■1210

Pengutip royalti ini juga Tuan Yang di-Pertua dia tidak bersedia untuk mengguna pakai satu sistem yang baik, sistem agihan yang baik. Jadi di sini juga saya minta pihak kerajaan membantu. Kalau sistem LHDN sebagai contoh, siapa yang tidak bayar, terlibat dengan LHDN, maka ada satu sistem yang mencari, telefon dan sebagainya. Akan tetapi apakah pihak kerajaan tidak mempunyai sistem yang sebegini untuk membantu penggiat seni tanah air. Ada, dan kita dapat tahu sistem itu ada tapi dia tidak mengguna pakai. Kalau dia pakai, maka rombakan mereka itu ter bocor dengan sendirinya. Justeru itu...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat sekejap ya.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Datuk Razali bin Idris: Justeru itu pihak kerajaan perlu mengambil berat dan melaksanakan apa yang saya utarakan sebentar tadi. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan juga terpaksa menanggung kerugian sebanyak RM157 juta pada tahun 2016 berikutan kehilangan hasil cukai akibat aktiviti cetak rompak digital.

Saya juga difahamkan pada tahun yang sama industri kreatif negara turut mengalami kerugian sebanyak RM1.05 bilion dan 1,900 orang kehilangan pekerjaan dalam bidang penyiaran dan perfileman akibat kegiatan haram ini. Angka ini dijangka akan terus meningkat setiap tahun jika tindakan tegas tidak diambil terhadap penjenayah tersebut.

Justeru itu saya cadangkan supaya tiga akta perlu dikaji semula dan dipinda bagi melindungi dan memberi hak secukupnya kepada pelaku muzik:

- (i) Akta Perihal Dagangan 1972, Perintah Perihal Dagangan (Label Tulen) 2002;
- (ii) Akta Hak Cipta 1987; dan
- (iii) Akta Cakera Optik 2000.

Bagi memantapkan lagi peruntukan undang-undang akta dengan meminda Akta Hak Cipta 1987 termasuk daripada aspek kuasa pegawai dan penalti supaya hukuman yang lebih berat boleh dikenakan terhadap penjenayah cetak rompak. Senario semasa menunjukkan tiadanya penyelarasan yang konkrit di antara kementerian-kementerian yang terlibat dalam menguatkuasakan undang-undang seperti mana yang diutarakan oleh sahabat Yang Berhormat Senator Tuan Yusmadi tadi.

Peruntukan undang-undang yang sedia ada terletak di bawah bidang kuasa kementerian yang berbeza-beza. Keadaan ini menyebabkan tindakan-tindakan yang diambil ke atas satu isu pelanggaran syarat dan kegiatan cetak rompak kurang berkesan dan tidak seragam.

Justeru itu saya ingin mengeluarkan satu soalan supaya apakah kerajaan tidak bercadang untuk selaraskan akta berkaitan di bawah satu kementerian. Daripada tiga kementerian yang terbabit, kita satukan. Apakah kerajaan tidak bersedia kalau betul-betul ingin membantu industri muzik tanah air. Tuan Yang di-Pertua, adalah sememangnya wajar bagi kerajaan untuk membantu membangunkan industri muzik tanah air. Bagaimanapun seperti pepatah, "Bertepuk sebelah tangan, tidak akan berbunyi".

Maka penggiat industri ini perlu sama-sama menghulur bantuan mental dan juga fizikal ke arah ini. Penggiat terutama NGO dalam industri ini perlu mempunyai anjakan paradigma dan perubahan minda serta berani dan sentiasa mencuba sesuatu yang baru demi pembangunan dan kejayaan industri ini. Tanpa perubahan sikap ini maka akan dikhuatiri muzik Malaysia akan sentiasa terkebelakang daripada arena muzik global dan yang lebih penting ialah bakat-bakat seni negara ini akan tenggelam di telan zaman serta tiada apa yang boleh dibanggakan sebagai warisan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong pindaan Rang Undang-undang Cap Dagangan 2019. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Dipersilakan Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang. Tidak ada dalam Dewan.

Dipersilakan Yang Berhormat Senator Dato' Kesvadas a/l A.Achyuthan Nair.

12.15 tgh.

Dato' Kesvadas a/l A. Achyuthan Nair: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk menyertai perbahasan Rang Undang-undang Cap Dagangan 2019. Tuan Yang di-Pertua, keputusan Malaysia untuk akhirnya menyetujui protokol yang berkaitan dengan perjanjian matriks mengenai *International Registration of Marks* 1989 dengan pendek kata Protokol Madrid amat dialu-alukan.

Protokol Madrid adalah perjanjian antarabangsa yang ditadbir oleh Biro Antarabangsa, Pertubuhan Harta Intelek Sedunia (WIPO). Rang Undang-undang Cap Dagangan 2019 yang diluluskan di Dewan Rakyat kini meletakkan Malaysia di bawah Protokol Madrid. Maka pindaan wajar sekali dibuat kepada Akta Cap Dagangan 1976, *the MA Trade Marks Act* untuk membawa beberapa perubahan untuk menepati tujuan ini.

Protokol Madrid kini mempunyai 104 negara yang menyertainya. Untuk mencapai Protokol Madrid maka terpaksa Malaysia meminda Akta Cap Dagangan semasa 1976 sebagai mematuhi protokol ini sebelum menyerahkannya. Negara jiran kita seperti Singapura dan Indonesia telah pun menyetujui Protokol Madrid pada tahun 2000 dan 2017.

Antara bahagian yang dicadangkan untuk dimasukkan dalam akta baru adalah definisi tanda termasuk apa-apa surat, perkataan, nama, tandatangan, nombor, peranti, jenama, tajuk, label, tiket, bentuk barang dan pembungkusan mereka, warna, bau hologram, kedudukan urutan geran dan apa-apa kombinasi daripadanya.

Tuan Yang di-Pertua, menurut WIPO, salah satu kelebihan utama sistem Madrid adalah pemohon hanya boleh memfailkan permohonan tunggal dengan satu bayaran yang ditetapkan kepada Biro Antarabangsa WIPO di mana ia akan didaftarkan merangkumi 120 negara dan bukannya memfailkan secara berasingan kepada setiap negara pemohon yang

berhasrat untuk mendaftar. Dengan langkah ini adalah lebih mudah bagi pemohon untuk menguruskan tanda dagangan mereka di bawah satu sistem berpusat. Proses pembaharuan ini boleh dilakukan di bawah satu aplikasi juga. Langkah ini akan menawarkan tanda dagangan untuk perniagaan dan membantu mereka dalam mengembangkan produk mereka di peringkat antarabangsa.

Langkah ini telah lama berlaku sejak tahun 2013 apabila Malaysia menyatakan hasrat untuk menyertai Protokol Madrid di seminar kebangsaan mengenai Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Perbadanan Harta Intelekt Malaysia (MyIPO) dan Pertubuhan Harta Intelekt Dunia (WIPO) pada tahun 2011.

■1220

Walaupun ada beberapa kekurangan di sini antaranya pihak lawan boleh membantah tanpa pemohon di pejabat MYIPO dalam tempoh lima tahun dari permohonan itu dan ini boleh menjejaskan status permohonan semua negara yang lain juga kerana ia berpusat.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun lebih banyak kelebihan dijangka daripada Protokol Madrid dalam membantu perniagaan tempatan untuk mengembangkan perniagaan mereka di peringkat antarabangsa dan membantu ekonomi Malaysia di masa hadapan. Diharapkan langkah ini akan menarik lebih banyak syarikat asing untuk mencari peluang perniagaan dan melabur di Malaysia.

Kebaikan utamanya seperti dirumuskan oleh ASEAN IP atau harta intelek ialah Protokol Madrid yang ditadbirkan oleh Biro Antarabangsa WIPO di *Switzerland* membenarkan pemilik tanda dagangan untuk mendapatkan perlindungan tanda dagangan di beberapa negara pada masa yang sama dengan memfailkan satu permohonan dengan pejabat tunggal dalam satu bahasa dan dengan membayar satu bayaran.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya negara kita sudah pun lama terlambat. Malaysia adalah salah satu daripada dua anggota ASEAN yang belum bersetuju dengan Protokol Madrid. Menurut WIPO, negara ASEAN yang telah menyetujui Protokol itu ialah Brunei, Kemboja, Indonesia, Laos, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam. Langkah strategik kementerian sekarang adalah susulan kepada komitmen Malaysia terhadap Pelan Tindakan Hak Harta Intelekt ASEAN 2011-2015 yang memerlukan negara-negara anggota untuk secara progresif meluluskan Protokol Madrid dengan Perjanjian Madrid.

Adalah diharapkan pindaan-pindaan ini akan membantu pihak berkepentingan dan had pemilikan harta intelek, prosedur dan peraturan penguatkuasaan tunggal dibuat lebih mudah dan lebih senang untuk dilaksanakan dan prosesnya pula cepat dan *cost effective*. Namun tanda dagangan di bawah Perkongsian Trans-Pasifik (TPP) harus kekal penting kerana undang-undang tanda dagangan Malaysia mesti dilihat sebagai mencerminkan

objektif kepentingan Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) dalam Pelan Tindakan Had Harta Intelek ASEAN 2011-2015.

Dalam hal ini kepentingan Malaysia dan AEC secara keseluruhannya akan menjadi sangat penting dengan mempertimbangkan komponen cap dagang yang menarik dari rangka kerja IP TPP. Cabaran memang ada depan pemilik cap dagangan, dalam lima tahun pada tarikh pendaftaran, *International Registration Trademark* memang bergantung kepada permohonan asas di pejabat asas.

Katakanlah permohonan ini dinafikan, perlindungan *International Registration* ini tidak akan wujud dan ejen cap dagangan akan berubah untuk bertambah semula dan ini akan membawa kerugian. Adakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kementerian untuk menghadapi situasi ini? Penambahan pendaftaran cap dagang dari luar akan membawa isu penolakan dan konflik bakal timbul dan ini akan menyebabkan lebih kos dari segi bantahan dan kos mahkamah. Adakah kementerian bersedia untuk mengatasi masalah-masalah ini?

Tuan Yang di-Pertua, saya sokong pindaan kepada Akta Cap Dagangan Semasa 1976 dan ini kerana Undang-undang Cap Dagangan moden dan mudah atau *lean* akan mengubah Malaysia menjadi peneraju yang berdaya saing dengan ekonomi tanda dagangan abad ke-21 dari perniagaan hingga e-Dagang.

Saya menyokong penuh Rang Undang-undang Cap Dagangan 2019. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat. Dipersilakan Yang Berhormat Datuk Rabiyah binti Ali.

12.25 tgh.

Datuk Rabiyah binti Ali: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Dalam keadaan *exosystem* ataupun persekitaran global dan akses lebih luas pasaran digital, kerangka kawal selia bagi sesuatu daftar cap dagangan adalah penting bagi memelihara keutuhan jenama produk ataupun perniagaan usahawan Malaysia. Sering kali terjadi penyalahgunaan cap dagangan ini dilakukan oleh kartel-kartel perniagaan barangan tiruan yang berpusat di Asia dengan penglibatan kompleks jenayah terancang antarabangsa.

Justeru, saya ingin mendapatkan penjelasan dari kerajaan mengenai sejauh manakah peruntukan-peruntukan bagi fasal-fasal berkaitan kuasa yang diperuntukkan kepada pegawai-pegawai cap dagangan melalui secara bersepadu penyalahgunaan guna hak cap dagangan di pasaran digital.

Bagi memantapkan penguasaan dan kawal selia cap dagangan mengikut keperluan protokol antarabangsa, bagaimana kerajaan baru ini difahami dan masyarakat awam sedar akan kepentingan akta baru ini. Sejauh mana persediaan pengawal dalam aspek migrasi

ataupun menangani semua permohonan sebelum kuat kuasa akta baru ini tidak menimbulkan kos baru dan kesusahan kepada permohonan kelulusan cap dagangan sebelum ini.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memantapkan pengawalseliaan cap dagangan melalui akta baru ini kita perlu pastikan bahawa komitmen penguatkuasaan dan keupayaan dilengkapi dengan teknologi dan peranti terkini dalam mengurus hak milik cap perdagangan dan penentu sah ketulenan sesuatu cap dagangan agar isu-isu yang menjadi bantahan ditangani dengan baik.

Oleh itu, saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan tentang sejauh mana Kementerian merangka unjuran keperluan modal insan dan saiz perkhidmatan dalam fungsi mereka mengawal selia cap dagangan di Malaysia.

Kedua, bagaimana pengguna ataupun pelanggan dapat akses kepada pejabat ini dengan mudah selaras dengan kerangka kerja *e-Government* dan meminimumkan kos daftar cap dagangan. Dengan ini saya menyokong usul Rang Undang-undang Cap Dagangan 2019. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat. Dipersilakan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sabani binti Mat.

12.28 tgh.

Puan Hajah Sabani binti Mat: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang dan ruang kepada saya untuk membahas Rang Undang-undang Cap Dagangan dengan kata lainnya *Trademark* atau dalam bahasa lain lagi iaitu mengenai jenama, *branding* sesuatu logo atau lambang sesebuah syarikat yang memberikan lima fungsi.

Pertama iaitu dari segi memberitahu sumber dan juga pengeluar produk-produk dan juga perkhidmatan-perkhidmatan.

Kedua iaitu memudahkan pihak pengguna rakyat di luar sana untuk memilih produk-produk dan juga perkhidmatan.

Ketiga iaitu menjadi lambang kualiti barangan dan juga perkhidmatan.

Keempat cap dagangan ini adalah sebagai alat untuk pengiklanan dan juga pemasaran.

Kelima iaitu sebagai fungsi cap dagangan ini adalah ia boleh menjadi aset yang bernilai pada cap-cap dagangan yang terkenal di dalam dunia.

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin menyentuh bagaimana kita boleh menjelaskan kepada pengetahuan awam tentang beberapa istilah-istilah yang boleh kita jadikan sebagai panduan. Antaranya ialah istilah hak inklusif. Hak inklusif iaitu pemilik cap

dagangan berdaftar mendapat hak eksklusif untuk menggunakan cap dagangan berkenaan dalam urusan atau perjalanan perdagangan.

■1230

Pemilik cap dagangan juga berhak mengambil tindakan undang-undang ke atas sesiapa yang mungkin menggunakan tanpa kebenaran. Kita mahu supaya kerajaan menjelaskan, adakah hak eksklusif ini akan diberikan kepada pemilik cap dagangan supaya mereka dapat mempertahankan hak mereka.

Kedua iaitu saya ingin sentuh iaitu mengenai SOP permohonan untuk kelulusan setiap satu-satu cap dagangan. Adakah MyIPO iaitu agensi yang menjaga Perbadanan Harta Intelek Malaysia ini mempunyai SOP yang tertentu. Berapa lama satu-satu permohonan itu boleh selesai dan seterusnya berapakah bayaran yang dikenakan? Setakat maklumat yang saya ada, satu permohonan bayaran adalah RM370. Adakah bayaran itu terlalu tinggi ataupun adakah bayaran itu akan distandardkan pada jumlah yang tertentu?

Berkenaan dengan bayaran tersebut, adakah ia mempunyai *fee* lain yang terlibat berkenaan satu-satu permohonan cap dagangan tersebut? Kadang-kadang jika kita lihat pada mereka yang memohon cap dagangan ini terpaksa melantik konsultan-konsultan yang tertentu. Bererti mereka membayar pada konsultan-konsultan itu selain daripada bayaran *fee* yang diambil oleh MyIPO. Apakah tindakan yang dilakukan oleh pihak kementerian bagi mengelakkan isu seperti ini berlaku?

Perkara yang ketiga adalah mengenai dengan Akta Cap Dagangan ini. Jika di telusuri, akta ini telah wujud sejak tahun 1976 dan ia tidak pernah dipinda sehingga kini. Sejak tahun 1976 sehingga tahun 2018 dapat dilihat permohonan yang cap dagangan di negara ini adalah berjumlah lebih kurang 320,000 permohonan. Akan tetapi yang diluluskan adalah kurang daripada separuh iaitu 154,146 permohonan. Ini bererti, angka yang memohon dan angka yang diluluskan itu hanyalah 48 peratus sahaja.

Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, kenapa perkara ini berlaku? Kenapa terlalu banyak permohonan cap dagangan ini yang ditolak? Adakah kerana rakyat dan syarikat tidak tahu prosedur yang ditentukan? Adakah cap dagangan itu menyerupai dan apakah sebab-sebab utama? Kalau kita bandingkan dengan permohonan warga asing dan cap dagangan asing, jumlah 382,700 dan yang diluluskan 293,431. Ini bererti 76 peratus lulus. Itu cap dagangan asing. Akan tetapi cap dagangan Malaysia yang lulus Cuma 48 peratus. Saya kira tentunya permohonan asing itu lebih memenuhi SOP yang ditentukan.

Perkara yang seterusnya adalah saya berharap Perbadanan Harta Intelek Malaysia akan mengadakan latihan tertentu kepada industri kecil dan sederhana dan juga perusahaan kecil sederhana di luar sana berkenaan bagaimana kaedah untuk mempermudah dan bagaimana cara untuk membantu mereka dari segi permohonan cap dagangan ini. Selain itu,

adakah wujudnya bantuan-bantuan kewangan yang diberikan kepada pihak IKS dan juga PKS berkaitan latihan tersebut?

Selain itu, adakah kakitangan di MyIPO ini atau Perbadanan Harta Intelekt Malaysia ini mencukupi dan berapakah cawangan yang mereka miliki? Berapakah peruntukan tahunan yang diberikan kepada mereka untuk memastikan Rang Undang-undang Cap Dagangan ini dapat dilaksanakan dengan baik selepas ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang keempat yang ingin saya bangkitkan ialah mengenai penipuan produk dan penipuan jenama barangan. Ramai pengusaha-pengusaha PKS mengadu apabila satu-satu produk mereka itu kerap masuk dalam iklan sama ada iklan TV, iklan radio, akhbar, majalah dan dalam Internet. Misalnya banyak produk itu ditiru oleh segelintir orang yang tidak bertanggungjawab. Sama ada ia jenama kipas udang sampailah produk-produk IKS yang lain, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, berapa banyak kes-kes penipuan ini berlaku khususnya untuk produk-produk IKS di negara ini? Apakah tindakan yang dilakukan oleh pihak kementerian bagi menangani masalah ini.

Kelima, perkara terakhir yang ingin saya sentuh ialah berkaitan dengan *Global Innovation Index 2018* yang meletakkan Malaysia dalam senarai negara-negara berpendapatan pertengahan tinggi kedua selepas negara China pada indeks tahun 2018. Itu adalah merupakan satu contoh kejayaan dilakukan oleh kerajaan sebelum ini. Kita harap ranking Malaysia dalam *Global Innovation Index* ini akan sentiasa diperbaiki oleh kerajaan sekarang.

Akan tetapi perkara penting untuk masuk dalam *Global Innovation Index* ini, rakyat kita perlu betul-betul berinovasi dan antara inovasi terpenting ialah mengenai cap dagangan dan harta intelek. Oleh itu, saya ingin mencadangkan agar kementerian, bukan hanya Perbadanan Intelekt Malaysia malahan kementerian secara keseluruhannya memastikan lebih banyak lagi jenama-jenama Malaysia ini berada di peringkat antarabangsa dan tidak hanya tertumpu kepada PETRONAS, Genting dan *Maybank* sahaja. Kita mahu memastikan lebih banyak jenama-jenama kita untuk terkenal di seluruh dunia dan ini akan membawa nama baik Malaysia di peringkat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengundur diri, saya amat bersetuju jika Rang Undang-undang Cap Dagangan 2019 ini dipinda pada persidangan kali ini supaya segala masalah yang timbul dapat diselesaikan oleh pihak kerajaan sekarang ini dan ia dilakukan dengan lebih tertib, teratur. *In syaa Allah* rang undang-undang ini akan mempertahankan hak pengguna. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Tuan Yang Berhormat. Dipersilakan Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff.

12.37 tgh.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum itu saya ingin mengalu-alukan delegasi dari Pertubuhan Sosial Persahabatan Kinta Perak ke Dewan Negara... [*Tepuk*] Diharap lawatan ini akan memberi manfaat kepada tetamu-tetamu yang hadir pada hari ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ucapkan tahniah kepada kementerian kerana inilah satu naskhah rang undang-undang yang sangat baik pada pandangan saya. Pun begitu, di dalam memberi ucap tahniah, saya rasa ada juga perkara-perkara yang mungkin kita boleh sama-sama perbaiki.

Pertama sekali, saya ingin menyentuh dari segi aspek dasar ataupun aspek polisi.

Seperti yang saya katakan tadi dalam telahan dengan rakan saya tadi, harta intelek ialah satu peluang untuk negara kita iaitu sebuah negara yang kecil, ekonomi yang kecil untuk membina ekonomi kita. Malah untuk sebuah negara yang kecil, aspek-aspek kreativiti, aspek-aspek inovasi, aspek-aspek ciptaan ini akan mampu menyumbang kepada ekonomi negara.

Akan tetapi bayangkan sekiranya potensi itu kita tidak garap, kita biarkan ia lompong, kita biar ia bocor maksudnya ada hasil, ada. Ada ciptaan, ada tetapi adakah perkara itu tersebut terjumlah kepada laba ekonomi? Itu satu perkara yang kita kena pastikan tidak berlaku dan lebih penting di sini biarlah mereka yang berusaha ke arah penciptaan itu atas nama cap dagang, atas nama hak cipta, *copy right* atau nama *industrial design* dan sebagainya itu betul-betul dapat dimanfaatkan.

Kita berbicara isu ini untuk rakan saya, Yang Berhormat Timbalan Menteri dan juga pegawai-pegawai Menteri ialah pada alaf 21 di kala tahun 2019 orang bercakap pasal AI, orang bercakap fasal *digital economy* tetapi benda yang kita bercakap ini masih lagi ialah konvensional. Ini belum lagi kita bercakap *trademark* dalam konteks digital, AI dan sebagainya. Ini kita melihat bagaimana sistem sokongan kita dari segi dasar, dari segi institusi mampu menyentuh perkembangan-perkembangan dunia hari ini.

■1240

Kedua, daripada segi dasar juga yang ingin saya mohon perhatian Yang Berhormat Menteri dan juga rakan-rakan kementerian. Yang Berhormat Menteri, harta intelek ini, ia mempunyai kaitan dengan ekonomi pasaran. Malaysia memilih untuk kita terlibat di dalam *World Trade Organization*.

Ini satu *treaties* antarabangsa yang mana memberi peluang kepada negara kecil juga untuk terlibat. Akan tetapi di sini kita juga perlu akur bahawa pasaran juga banyak kali dan malah selalu mengecewakan terutama mereka yang kecil, terutamanya mereka yang tidak sebesar konglomerat-konglomerat besar. Kita tahu di belakang perjanjian-perjanjian besar ini terutama WTO dalam konteks ini *Trade-Related Aspects of Intellectual Property Rights*

(TRIPS) yang khusus itu, di belakang ini bukan peniaga-peniaga kecil seperti yang tadi rakan saya semua bahas, perlu diberi perhatian. Belakang-belakang ini semua yang besar-besar ini, yang multinasional dan kita pun tahu benda ini wujud secara terancang dan secara lobi.

Jadi di sini, Malaysia mewakili sebuah negara kecil, saya rasa mahu mencari peluang di peringkat WIPO, di peringkat antarabangsa, untuk menyuarakan bagaimana aspek harta intelek ini perlu diberi perhatian. Malah menjadi benteng untuk negara-negara kecil yang memang saya tahu sekarang hari ini, banyak negara kaya-raya datang ke rantau ini sebab orang rantau ini kreatif. Macam-macam ciptaan dia.

Cumanya atas sebab literasi, atas sebab kesedaran dan sebagainya, hendak memanfaatkan rejim undang-undang harta intelek, rejim undang-undang kita panggil *Federal information*. Ini ialah undang-undang, Yang Berhormat Senator Datuk Razali. Ini ialah undang-undang progresif, undang-undang negara maju ini. Kalau kita hanya ambil undang-undang negara maju ini bawa ke negara membangun, tetapi kita tidak menyediakan rakyat kita, malah kita akan kalah dan kita akan pasrah dalam arus yang deras ini.

Jadi saya mohon Yang Berhormat Menteri memberi sedikit pandangan, bagaimana perkara-perkara ini- ya, kita memang di sini saya lihat bagus. Kenapa Protokol Madrid ini bagus? Protokol Madrid ini ialah satu protokol yang baik untuk kita ambil bawa ke sini. Banyak perkara yang tidak ada dalam *trademark* kita dahulu, sekarang kerana aspirasi itu ada, *Paris Convention* dan sebagainya semuanya bagus.

Akan tetapi pun begitu, kita khawatir, kita terpaksa bergelut di dalam ekonomi pasaran, terlibat dalam rencana-rencana ekonomi luar. Jadi begitu, saya juga bercadang kepada Yang Berhormat Menteri, kita juga perlu berhati-hati apabila kita menghantar delegasi kita terutama sekali untuk tujuan-tujuan ratifikasi ataupun tujuan-tujuan negosiasi. Ini disebabkan bagi saya, walaupun kita melihat pandangan-pandangan, katalah pandangan rakan-rakan daripada Pulau Pinang, *third world network*- saya kena sebut. Mereka juga rancak ketika mana kita hari itu meratifikasikan TRIPS, mereka juga memberi pandangan tetapi kita tidak mahu di kala Pakatan Harapan ini berbeza daripada Barisan Nasional dahulu.

Apa bezanya? Kita juga dengar NGO, *civil society*, rakan kita. Kita tidak boleh lihat mereka ini. Saya kena sebut tokoh-tokoh ini, daripada dulu secara konsisten menyuarakan apa pentingnya harta intelek ini terutama sekali negeri-negeri membangun dan mereka yang miskin. Itu perlu kita pastikan kerana saya mendapat maklumat yang agak tidak menyenangkan saya bahawa bagaimana perkara-perkara ini ditangani di peringkat antarabangsa. Saya tidak mahu kita pasrah di peringkat antarabangsa semata-mata kita tidak punya kekuatan. Ada soalan? Okey.

Tuan Ismail bin Yusop: Mohon mencelah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Ismail bin Yusop: Bukan. Saya tertarik kepada perkara yang dibangkitkan oleh sahabat Senator tadi tentang- sebab kita menyokong pindaan ini. Bersetuju atau tidak Yang Berhormat kalau saya katakan sebahagian daripada masalah yang berbangkit tentang isu ini adalah berpunca daripada- sebab Yang Berhormat timbulkan soal literasi ya, tetapi soal advokasi, pendidikan *especially*, dengan izin, yang berkait dengan IKS. Ini disebabkan saya lihat itu yang sebenarnya paling terancam dalam konteks hak cipta ini, *branding* ini. Jadi apa pandangan Yang Berhormat tentang perkara ini? Terima kasih.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Ismail. Apa yang dibangkitkan itu ada kebenarannya kerana macam saya katakan tadi, harta intelek ini kalau hatta di sekolah undang-undang pun, kadang-kadang dia jadi mata pelajaran *optional*, pilihan. Dia bukan mata pelajaran utama. Jadi bayangkan apatah lagi kalau di kawasan desa. Jadi kita cuba cari jalan bagaimana sebenarnya literasi ataupun kesedaran pemahaman terhadap harta intelek ini sangat penting dan malah sekiranya kalau boleh diyakinkan masyarakat di desa ialah salah satu peluang untuk mereka tambah nilai ekonomi mereka.

Oleh sebab itu bagi saya untuk membuat dasar, prestasi kita di dalam IP indeks ini, antarabangsa ini, perlu diberi perhatian. Kalau kita masih lagi tercorot, tidak meningkat, ia menggambarkan bagaimana prestasi kita yang sebenarnya terutama di dalam ekonomi. Daripada situ Yang Berhormat Senator Tuan Ismail, saya ucap tahniah juga kepada MyIPO. Saya tengok pejabat baru dekat LRT. Senang orang biasa, orang awam hendak datang dan sangat mesra kepada pengguna.

Pun begitu, pengalaman seperti Yang Berhormat Senator Datuk Razali cakap- saya pernah bawa seorang artis terkenal, *legend*, dia tanya macam mana hendak daftar cap dagang dia- seorang penyanyi rock lah, saya sebutlah. Terima kasih kerana pimpinan dahulu, *Chairman* dahulu sendiri turun. Dato' Manan- arwah sudah pun. Dia datang, dia tolong. Jadi saya tengok benda itu ada tetapi bagi saya, tidak semestinya kerana dia artis kah, dia orang ternama kah. Bagi saya, peluang ini untuk melihat harta intelek mereka terjaga dan perlu diberi kepada semua orang terutama sekali mereka yang miskin-miskin itu.

Di sini juga Yang Berhormat Senator Tuan Ismail, perlu kita cari jalan supaya akses kepada perkhidmatan harta intelek ini jadi murah. Ini kerana sekarang saya difahamkan juga ejen-ejen kah, peguam-peguam harta intelek ini pun- sebab saya pun peguam. Saya tahu kadang-kadang sudah lah tidak ramai yang amal, perkara itu kadang-kadang jadi mahal. Jadi mungkin penggubal dasar, Yang Berhormat Menteri boleh cari ikhtiar bagaimana kita hendak merakyatkan, memudahkan sebab *access for justice* ini ialah satu kayu ukur dalam pembangunan.

Aspek yang seterusnya saya hendak masuk *detail* sikit ialah mengenai draf. Tahniah kepada Yang Berhormat Menteri dan rakan-rakan di belakang. Banyak yang kita panggil cap dagang baharu, *new marks* yang dahulu tidak ada, sekarang ada. Tidak payah sebutlah, macam-macam ada. Daripada segi bunyi, macam-macam lagi, *detail*. Akan tetapi secara umumnya, bagus. Banyak perkara baharu diperkenalkan, tahniah.

Kedua, saya mengucapkan tahniah juga, ada perkara yang bersifat kita panggil *collective marks* yang dahulu tidak ada, sekarang ada. Tahniah. Selepas itu juga saya tengok perkara yang dipanggil tadi saya kata membawa aspirasi antarabangsa, *the Madrid System*, Sistem Madrid pun masuk juga. Hah! Ini *terer* lah tetapi kalau Protokol Madrid sampai di kampung, tidak faham, macam mana bukan? Pejabat di Bangsar, kawan-kawan saya di Balik Pulau pun hendak tahu juga macam mana. Jadi kena cari jalan.

Bunyi "Madrid", bunyi "*Paris Convention*", bunyi "*treat*", bunyi "WTO", ya Yang Berhormat- kita *dok* di bawah macam itu juga.

Daripada unit Tuan Yang di-Pertua, dahulu unit, jadi perbadanan. Kalau tidak silap saya pada zaman Tan Sri Muhyiddin. Ini sudah jadi ini, kita bagi komitmen, Parlimen bagi, bagi, bagi, bagi semua. Semua kita bagi sebab benda bagus tetapi bagaimana perkara tersebut *impact assessment* dia. Itu saya kata tadi. Tadi saya berbahas, saya minta khusus Yang Berhormat Menteri kalau boleh, kalau bukan budaya Malaysia tetapi saya hendak jadikan dalam budaya PH ini, apa-apa hendak buat mesti ada *impact assessment report*. Tadi rakan saya tanya pasal kenapa susah sangat penguatkuasaan ini. Dekat mana? Mana laporan impak dia?

Okey, sekarang ini orang Malaysia kurang. Katalah literasi pengambil bahagian di dalam pendaftaran harta intelek, apa masalah dia? Sebab bangunan makin cantik, pegawai pergi mesyuarat sampai WIPO. Saya tidak tahu pergi semua, saya ingat *business class*. Mahal itu [*Ketawa*] Sudah itu, yang akhir juga saya kata bagi peluang kepada peguam-peguam, rakan-rakan muda ini terlibat dalam jawatankuasa.

Kalau jawatankuasa dahulu ini kalau yang peguam yang dahulu yang *senior* dulu pun sudah tukar-tukarlah, bagi orang baharu pula. Bagi peluang, sebab saya rasa benda ini bagus untuk negara terutama untuk *new generations*. Okey, kenapa saya cakap lebih sikit benda ini? Ini kerana kebetulan itu saya terlibat jadi *Research Officers* masa mula-mula dahulu, masa zaman- *Head IP Unit*.

Okey, yang seterusnya saya hendak cakap juga ialah daripada segi aspek *enforcement* tadi, *civil and criminal proceeding enforcement*. Saya minta sangat kementerian, saya tidak tahu apa masalah dia. Kalau perlu mungkin bincang dengan Peguam Negara, dekat mana ini kita hendak pastikan pendakwaan, *enforcement* ini berkesan. Ini disebabkan saya tahu kalau perkara ini dia boleh pergi ikut jenayah boleh, dia boleh pergi ikut sivil boleh

tetapi kalau hendak ambil tindakan sivil, mahal, kasihanlah. Sudah lah orang itu dia hendak cipta benda pun kadang-kadang dapat bantuan kerajaan, kadang-kadang tidak dapat bantuan kerajaan. Selepas itu orang curi pula, orang tipu pula. Jadi saya minta itu sebab undang-undang sudah ada. Apa Yang Berhormat Menteri cadangkan ini bagus.

Juga saya hendak sebutkan di sini ialah betul, satu perkara yang *actually* kita perlu alu-alukan ialah harta intelek sekarang ini sudah sepatutnya boleh digunakan sebagai *collateral* ataupun kita panggil barang untuk pengusaha-pengusaha cari modal, pergi bank kah atau apa kah.

Akan tetapi soalan saya, sejauh mana Yang Berhormat Menteri bekerjasama dengan bank, beritahu kepada bank-bank, rakan-rakan yang buat *trademarks* ini sebenarnya ada nilai. Jadi persoalannya siapa hendak nilai, siapa hendak yakinkan bank? Sebab dalam keadaan konvensional, orang akan tanya, "*Tanah ada, tanah?*" Hendak cagar "*Tanah ada tanah?*" Itu soalan biasalah bukan Yang Berhormat Senator Dr.?

Akan tetapi persoalan di sini kita berbicara di dalam industri inovasi, kreatif yang mana saya rasa kerjasama Yang Berhormat Menteri patut. Saya rasa mungkin boleh dimulakan dengan Bank Rakyat. Bank Rakyat ialah bawah kementerian yang sama dan Bank Rakyat pula kebetulannya antara bank koperasi yang paling awal memang dibuatnya untuk rakyat. Malah perbankan Islam mula di situ paling awal.

■1250

Jadi, bayangkan kalau Bank Rakyat diisytiharkan oleh kementerian ialah bank yang akan membantu industri IP, harta intelek. Jadi, tidak kira-lah, rakyat dari Perlis sampai Sabah bila dia ada idea bagus, mungkin di situ ada satu, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, pandangan saya ialah satu *collaborative, collaborative* jawatankuasa di peringkat bank dan jawatankuasa, kita bincanglah tengok. Ini sebab saya tahu, bukan senang hendak yakinkan bank di kala ekonomi sekarang.

Poin yang akhir sekali, saya hendak juga nyatakan di sini, undang-undang setebal ini, saya tengok panjang ini, tadi diberi-lah hujah tadi sebab dia antarabangsa, Bahasa Melayu tidak ada, saya rasa saya tidak yakin. Kalau tidak ada Bahasa Melayu ini sebab malas. Tidak ada Bahasa Melayu ini sebab tidak rajin, tidak fikir hendak bina *jurisprudence* kita sendiri. Benda ini bukan benda baharu saya hendak cadangkan dekat Menteri. Minta maaf Menteri, ini iltizam kita. Kita bawa aspirasi antarabangsa pun, tetapi aplikasinya di sini.

Konteksnya di Malaysia, konteksnya di rantau ini. Kalau ia demokrasi, mesti ada yang kita buat dalam bahasa kita. Kalau dia *trademark*, cap dagang mesti ada. Kalau katakan tadi dipanggil *collective marks*, bagi saya benda ini kerjasama dengan Dewan Bahasa sahaja-lah. Dewan Bahasa pun saya tahu, istilah undang-undang tidak banyak. Akan tetapi kena cari jalan juga sebab saya rasa kalau katakan daripada tadi undang-undang pertama tadi, berapa?

Tahun 1976? Saya baru masa itu beranak 1974. Jadi bukan 1998, 2019 Tuan Yang di-Pertua, istilah tidak bersedia lagi. Banyak lagi tidak diterjemahkan. Jadi, saya rasa itu tidak menggambarkan.

Jadi apa yang saya hujahkan di sini rakan-rakan terutama pegawai-pegawai kerajaan yang bekerja kuat, dasar tadi boleh diperkemas lagi. *Enforcement* kepada penguatkuasaan tolong kemaskan. Ini saya cakap tegas sebab saya tahu apa masalah dia. *Player* yang sama buat ini, *player* yang sama terlibat dalam ini. Ini cakap secara umumlah. Kalau hendak *record*, nanti- tidak boleh, kasihan dekat artis. Kasihan dekat orang industri.

Akhir sekali yang saya hendak tegaskan juga, kalau katakan struktur sekarang tidak betul. Ya-lah, MyIPO hendak bincang pasal benda kreatif, pada masa yang sama hendak bincang pasal harga ayam, pada masa yang sama hendak bincang harga tepung. Orang yang sama juga jaga penguasaan. Tidak kasihan-kah?

Jadi, saya rasa mungkin perlukan satu khusus sebab saya tahu di mahkamah pun sekarang sudah ada mahkamah IP. Tahniah kepada pejuang-pejuang harta intelek. Tahniah. Saya tahu di universiti-universiti pun sudah makin ramai pelajar Tuan Yang di-Pertua, yang berminat. Secara kebetulan ke satu universiti baru-baru ini dengan penulis buku *trademark law in Malaysia*, saya tengok pelajar-pelajar berminat.

Jadi saya cadangkan kepada kementerian, ini satu badan yang sangat penting kepada Malaysia terutama kerajaan PH, terutama untuk anak-anak muda. Ini ialah peluang, dengan izin, mewujudkan peluang-peluang pekerjaan, peluang-peluang ekonomi kepada anak muda. Jadi, saya perlukan perhatian Menteri. Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Tuan Yang di-Pertua: Sokong atau tidak?

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Sokong penuh [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua: Dipersilakan Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad.

12.53 tgh.

Datin Rahimah binti Haji Mahamad: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Cap Dagangan 2019.

Dalam fasal 62 rang undang-undang ini, suatu cap dagangan disifatkan sebagai harta peribadi atau harta alih yang boleh dijadikan subjek bercagar. Dengan fasal ini, maka semua cap dagangan akan mempunyai suatu nilai ataupun harga semasa bergantung kepada nilai mahal ataupun murah cap dagangan ini.

Justeru, adalah amat penting agar kerajaan dapat memberi sedikit penjelasan tentang pertama, bagaimanakah kaedah tentukan ke atas nilai subjek cap dagangan ditentu sahkan agar implikasi fasal ini tidak memberi kesan jika berlaku kes pewarisan harta atau pembahagian hak milik kepunyaan terbitan cap dagangan ini?

Keduanya, bagaimana pula tata kelola ataupun terma yang boleh diguna pakai melalui perujukan akta ini dan protokol antarabangsa apabila cap dagangan ini dijadikan instrumen bercagar atau kolateral dalam apa-apa pembiayaan atau industri pengiklanan?

Ketiganya, apakah impak atau kesan signifikan dalam ekosistem perniagaan di Malaysia apabila hak harta cap dagangan ini akan menjadi trend baharu dalam merencanakan pertumbuhan ekonomi negara?

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya akta ini amat bermanfaat dalam membina jenama dan *goodwill*, dengan izin, perniagaan usahawan kecil atau mikro di seluruh negara. Sering kali cap dagangan usahawan kecil terutama dari Kelantan seperti jenama '*Nasi Kak Wok*', '*Nasi Air Dingin*', '*Nasi Kerabu Panji*' dan pelbagai lagi jenama perniagaan mikro atau kecil ditiru dengan meluas kerana kurang sepadunya tindakan penguatkuasaan.

Saya juga dimaklumkan peniaga tidak berupaya untuk mendaftar hak milik cap dagangan ini kerana kurangnya pengetahuan bagi tata kelola pendaftaran dan kekangan kos. Soalan saya, sejauh manakah KPDNHEP dapat mewujudkan kumpulan wang bagi menyokong usahawan mikro mendaftarkan hak milik cap dagangan mereka? Kedua, bagaimana langkah ataupun kaedah pemudah cara dalam urusan mendaftarkan cap dagangan ini melalui aplikasi portal atau *smartphone*?

Akhir kata, saya mohon menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Dipersilakan Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

12.56 tgh.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Chong Chieng Jen]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang berbahas dan menyokong Rang Undang-undang Cap Dagangan 2019 yang dibentangkan.

Secara amnya, saya ingin menjawab bahawa di bawah Rang Undang-undang Cap Dagangan 2019, ada beberapa bidang yang kita telah ubah dan juga yang kita perkenalkan konsep yang baharu dalam perindustrian cap dagangan.

Pertamanya yang saya telah sebut iaitu takrifan cap digantikan dengan takrif tanda supaya ia boleh merangkumi *non-traditional marks* seperti bau, bunyi dan sebagainya.

Keduanya adalah mengenai protokol supaya kita Malaysia boleh menyertai *Madrid Protocol*. Ia ada banyak manfaat yang kita boleh peroleh daripada penyertaan kita dalam *Madrid Protocol*. Secara amnya, ia akan menjimatkan pendaftaran *trademark* yang dimiliki oleh warganegara kita di negara lain.

Saya akan beri satu contoh kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini tentang bagaimana kita boleh menjimatkan pendaftaran. Sebelum kita menyertai *Madrid Protocol* itu, sekiranya seorang hak milik, tuan-tuan punya itu, pemilik satu *trademark* ingin mendaftarkan *trademark* dia di negara lain.

Apa yang harus dibuat adalah supaya beliau mengupah atau melantik seorang *trademark agent* di negara lain, di negara yang mana beliau hendak mendaftar *trademark*-nya. Ini akan memakan kos yang banyak. Selepas kita menyertai *Madrid Protocol*, seseorang pemilik *trademark* boleh mendaftar *trademark*-nya melalui *Madrid Protocol* ini di Malaysia, tetapi *trademark*-nya akan didaftar di umpamanya China, UK atau Vietnam dan negara-negara yang juga peserta *Madrid Protocol*. Penjimatan yang saya sebut itu amatlah besar.

Saya beri contohnya, kalau seorang pemilik, tuan punya *trademark* hendak mendaftarkan *trademark* produknya di tiga negara iaitu China, Jepun dan Korea. Melalui tinjauan kita, dia akan menelan perbelanjaan lebih kurang RM22,500 kalau melalui laluan nasional iaitu pergi sana, upah seorang *trademark agent* untuk mendaftarkan *trademark*-nya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Chong Chieng Jen: Ya. Saya akan akhir itu ayat, selepas itu saya akan berhenti. Kalau kosnya melalui *traditional way*, RM22,500. Akan tetapi kalau beliau mendaftar melalui *Madrid Protocol* itu, lebih kurang RM5,000 sahaja. Dia boleh mendaftarkan *trademark* dia di ketiga-tiga negara ini. Henti sekarang ya?

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, jam sudah pukul 1 petang. Dewan ditangguhkan sehingga 2.30 petang.

[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.01 petang]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

■1432

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Salam sejahtera, salam sehati sejiwa. Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya hormati sekalian, dan kita sambung kepada agenda kita. Teruskan Yang Berhormat.

2.32 ptg.

Tuan Chong Chieng Jen: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi sebelum kita berhenti untuk *lunch*, saya ada sebut bahawa dengan penyertaan Malaysia dalam *Madrid Protocol* ini, kita akan menjimatkan banyak kos kepada pemilik *trademark* negara kita, warga negara kita sekiranya mereka berminat dan berhasrat untuk mendaftar di negara-negara lain. Saya ada juga sebut tentang satu contoh di mana sekiranya seseorang peniaga itu berniat untuk mendaftar *trademark*-nya di Jepun dan Korea melalui cara yang sekarang iaitu melantik seorang agen *trademark* di negara lain untuk mendaftar. Kos purata anggarannya adalah lebih kurang RM22 ribu.

Akan tetapi kalau kita mengadakan sistem *Madrid Protocol* ini, ia akan menjimatkan kos dan anggaran kos yang dia akan kena untuk mendaftar ketiga-tiga di negara Jepun, China, Korea anggaran kosnya adalah lebih kurang RM5,000 sahaja.

Ini lah penjimatan yang amat besar dan juga di samping itu, ia juga akan mengelakkan kerugian yang dikenakan oleh kerajaan setakat ini. Ini kerana kerugian kepada MyIPO kerana rakyat Malaysia atau syarikat yang berasal dari Malaysia menggunakan negara-negara lain yang menjadi ahli Madrid termasuk negara jiran seperti Singapura dan Filipina untuk membuat pemfailan cap dagangan antarabangsa Madrid. Setakat ini mereka guna- peniaga kita guna agen, guna sistem yang ada di Singapura atau di Filipina untuk mendaftarkan cap dagangan mereka.

Mengikut statistik MyIPO dari tahun 2000 hingga ke 2018, terdapat sebanyak 853 cap dagangan Malaysia yang didaftar di bawah sistem Madrid. Ia juga merupakan kerugian yang besar buat negara kerana syarikat berasal dari Malaysia tersebut perlu mempunyai *commercial establishment* dan beroperasi di negara-negara tersebut. Berikut adalah- ini ialah kerana kita belum sertai sistem *Madrid Protocol*. Mereka terpaksa pergi ke Singapura atau Filipina untuk *to use the Madrid Protocol system* di negara itu. Oleh itu, ia juga merupakan satu kerugian kepada negara kita.

Yang Berhormat Senator Datuk Razali dan juga Yang Berhormat Senator Yusmadi ada membangkitkan isu mengenai penguatkuasaan yang disebut khususnya mengenai *copyright*, hak cipta dalam *music sector*. Hak cipta itu bukan di bawah *trademark*. Akan tetapi secara keseluruhan- amnya, saya akan beri sedikit sebanyak maklumat tentang penguatkuasaan atas *intellectual property* yang dijalankan oleh pegawai KPDNHEP.

KPDNHEP kita ada 2,300 anggota penguat kuasa di seluruh negara yang menguatkuasakan 11 akta, termasuklah Akta Hak Cipta 1987. Penguat kuasa kita telah menjalankan 44,693 pemeriksaan sejak tahun 2015 hingga Jun 2019. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 1,636 kes telah dihasilkan dengan nilai rampasan lebih kurang RM31 juta. KPDNHEP juga telah berjaya mengeluarkan Malaysia daripada senarai *United States Trade*

Representative 301 Report sejak tahun 2012 dan sehingga sekarang Malaysia masih kekal tidak disenaraikan dalam laporan tersebut...

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Yang Berhormat Menteri, boleh tanya penjelasan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, minta kebenaran.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Saya faham apa itu cap dagang. Saya faham apa itu *copyright*. Saya faham benda itu. Akan tetapi tadi saya memang cakap macam tadi kita cakap mengenai polisi. Kebetulan dia punya penguat kuasa pun sama. Betul tidak? Betul kan saya ya. Untuk kementerian ini, penguatkuasaan untuk IP ke, penguat kuasa untuk tepung ke apa penguatkuasaan *department* yang sama. Betul? *Alright*. Jadi dekat situ kita tidak payah bahas teknikal lah. Ini *trademark* kita bahas. Hari ini IP. *We understand that*.

Persoalan saya ialah begini. Memang lah kalau dengar penjelasan Menteri itu seolah-olah kita berjaya lah. Kita ada buat *rate*, kita ada buat beribu-ribu ini. Ribu-ribu kita buat ini, banyak. Akan tetapi yang kita hendak tengok itu dalam industri itu kerugian dia berapa? Kenapa jadi macam itu? Kenapa masalah itu tidak selesai? Kalau saya dengan Menteri, Menteri kawan saya. Saya kena tanya secara kawan lah. Ya, Menteri ya.

Kenapa saya tanya macam itu, macam ini Menteri. Sebab rungutan di lapangan benda ini tidak selesai. Akan tetapi kalau dengar Menteri tadi, kalau secara rekod tadi, beribu-ribu *enforcement*. Bukan saya hendak dengar benda itu. Itu kita jadi macam *compliance officer*. *Compliance* kenapa tahu? Kita ada buat, kita ada buat. Bukan yang itu. Kalau hendak yang itu, Menteri hendak beri laporan, pegawai beri laporan dekat situ. Jujur saya cakap saya tidak berminat. Itu bukan yang saya hendak. Yang saya hendak kenapa masalah penguatkuasaan ini tidak berjaya diatasi sekian lama dan industri, penggiat-penggiat, kawan-kawan yang berhati baik ini kecewa.

Kalau setakat hendak- Menteri, saya bukan salahkan Menteri. Tidak salahkan Menteri. Maaf ya. Minta maaf sebab saya tahu perkara ini. So, saya hendak tanya dekat mana masalah di bawah Pakatan Harapan ini, kita hendak cari jalan. Adalah masalah dia undang-undang kah, masalah *coordination* kah ataupun masalah dia rasuah. *I don't know*. Kalau rasuah kita hendak panggil SPRM. Kita kena minta kawan kita Latheefa Koya- KP, datang pantau. Saya tidak pasti. Jadi saya minta bantuan Menteri. Mungkin Menteri walaupun ditaklimatkan oleh pegawai-pegawai di belakang itu, saya cuba hendak memahami. Macam mana hendak bergerak ke hadapan. Ya, itu sahaja soalan saya.

■1440

Tuan Chong Chieng Jen: Terima kasih Yang Berhormat...

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: *I'm not interested about the statistics...*

Tuan Chong Chieng Jen: Terima kasih Yang Berhormat. Kalau kita tengok statistik, kalau kita tengok hasil daripada kerja dibuat oleh pegawai penguat kuasa pun berjuta-juta, berpuluh juta benda telah dirampas RM31 juta. Walaupun memang yang betul Yang Berhormat sebut...

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Yang Berhormat, ia cerita macam internet kafe haram. *You* pergi dakwa, selepas itu dia bawa *machine* datang dekat ini, selepas itu dia naik balik. *You know* kita fahamlah, kita dekat sini...

Tuan Chong Chieng Jen: Yang Berhormat, itu di bawah hak cipta. Undang-undang Hak Cipta, *copyright* dan bukan di bawah...

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: *Unless you are telling this August House that this is not our problem, the...*

Tuan Chong Chieng Jen: *No, I'm not saying that this is not our problem...*

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: *Then it is...*

Tuan Chong Chieng Jen: *But, this is not a matter in discussion at the moment, not a matter of agenda.* Yang Berhormat tanya itu adalah berkenaan pelanggaran Undang-undang Hak Cipta tetapi sekarang yang dibincangkan adalah Undang-undang Cap Dagangan. Saya...

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Menteri, *let me put it straight* Menteri. Muzik ini ia buat logo pun ada, ia buat- memang *composing* ini itu ada *copyright*, *I understand that.*

Tuan Chong Chieng Jen: *It is right.*

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Saya minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Maksud saya itu, saya faham tadi itu sebab saya kata, kalau Menteri hendak kata benda ini *trademark*, kita tidak boleh bincang *copyright*. Benda ini *trademark*, kita tidak boleh bincang *industrial design*. Benda yang rakan saya bahas itu, kalau hendak buat satu album itu, daripada logo sampai ke *copyright*, semua ada tau. *In fact*, sekarang semua dunia digital, *we are not here trying to be technical*, cuma saya hendak faham...

Tuan Chong Chieng Jen: *No, I'm not trying to be technical.*

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: ...Masalah *enforcement*, apa masalah ia sebenarnya?

Tuan Chong Chieng Jen: Sebenarnya ya, memang ada masalah...

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Apa masalah ia?

Tuan Chong Chieng Jen: Ada masalahnya...

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Apa masalahnya? Bagi lah tahu.

Tuan Chong Chieng Jen: Bukan bahawa...

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Bagilah tahu.

Tuan Chong Chieng Jen: ...Bahawa kementerian tidak buat kerja.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Kerja hendak tahu apa masalah?

Tuan Chong Chieng Jen: Akan tetapi *whether* apa yang disebutkan, apa yang saya maklumkan adalah bahawa memang mereka ada pergi buat tindakan, ambil tindakan untuk tangkap dan rampas benda yang melanggar undang-undang. Ini memang ada tetapi ya memang saya mengakui bahawa masih ada banyak yang tidak- telah *escape the law*.

So, tetapi memang soalan tadi dalam perbahasan Yang Berhormat juga ada sebut sebab-sebab di mana yang merumitkan atau menyusahkan penguatkuasaan iaitu kecanggihan teknologi. Di mana *we can download any song, anytime without the consent*. Ini semua merupakan satu sebab-sebabnya ada yang tidak diambil tindakan.

Akan tetapi khususnya untuk *trademark*, cap dagangan kalau sesiapa yang ada tanya, ada satu soalan yang tanya, apakah tindakan yang boleh diambil oleh pemilik cap dagangan sekiranya jenama mereka menjadi sasaran pihak yang meniru jenama mereka, dan apakah tindakan kita boleh buat? Ini kita ada jawapan khusus untuk soalan itu tetapi kalau soalan-soalan yang am, *general questions* yang di mana...

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Menteri, *I'm very sorry I don't asked general questions, I asked specific problem. Why enforcement is not effective? What is the problem? Is it corruption, is it what? If you said assuming-* minta maaf, kena cakap Bahasa Melayu, dengan izin [Ketawa]

Maksud saya itu Menteri, Menteri tidak boleh lah bila kita bahas dekat sini, kami cakap am, kami cakap tidak, *actually we are the player to the industry, to be frank*. Jujur cakap. Maknanya, Menteri janganlah cakap kami cakap am, kami tidak faham. Faham, sebenarnya yang Datuk Razali bahas itu pun selepas berdiskusi dengan rakan artis, kebetulanlah. Saya lagi lah- terlibat secara langsung...

Tuan Chong Chieng Jen: Ya, Yang Berhormat...

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Cuma minta keprihatinan Menteri, kami yang tiada maklumat ini.

Tuan Chong Chieng Jen: Ini kita ada, kementerian kita ada mengambil tindakan tentang isu-isu MRM, pengagihan kutipan royalti...

Datuk Razali bin Idris: Saya hendak sedikit sahaja- saya hendak tanya.

Tuan Chong Chieng Jen: Itu ada- kita ada buat tetapi bukan yang dibincangkan agenda hari ini.

Datuk Razali bin Idris: Okey, saya hendak bertanya sedikit berkenaan dengan Menteri ada cakap harta intelek tidak terbabit dengan cap dagangan. Ada Menteri cakap tadi kan? Akan tetapi dalam saya baca dalam MyIPO ini, ia merupakan satu agensi tunggal yang menyediakan *patent*, cap dagangan dan juga menjaga harta intelek. Jadi, saya rasa perbahasan saya terbabit dengan harta intelek. Saya hendak tahu, apakah harta intelek tidak terlibat dengan cap dagangan? Ini soalan saya.

Tuan Chong Chieng Jen: Cap dagangan adalah salah satu harta intelek. Hak cipta juga adalah salah satu harta intelek. Harta intelek merangkumi banyak aspek, *patent, copyright, trademark*, semua ini adalah harta intelek. Akan tetapi hari ini yang saya sebut adalah Rang Undang-undang Cap Dagangan yang kita bincangkan.

Akan tetapi walau apa pun yang disebut oleh Yang Berhormat, kita akan ambil perhatian, pertimbangan, akan ambil maklum tentang apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tentang industri muzik. Kementerian saya dan juga MyIPO telah mengambil langkah untuk menyelesaikan masalah Yang Berhormat sebut tadi mengenai MRM dan juga kutipan royalti muzik produk itu.

So, tetapi untuk menjawab perbahasan yang mengenai rang undang-undang yang kita bentangkan hari ini, saya akan tumpu kepada isu-isu yang mengenai cap dagangan sahaja, okey. Bagi cap dagangan yang telah didaftarkan di MyIPO, sekiranya terdapat pihak tidak bertanggungjawab mengguna atau meniru nama tersebut, pemilik cap dagangan boleh melaporkan perkara tersebut kepada KPDNHEP.

Jika didapati cap dagangan tersebut sah ditiru, penguat kuasa dari KPDNHEP boleh melakukan serbuan terhadap premis atau individu yang terlibat di bawah peruntukan undang-undang sedia ada. Bagi kes-kes pelanggaran dan peniruan, ini boleh dibicarakan di Mahkamah Harta Intelek yang telah ditubuhkan pada 2007.

Di samping itu, kita juga ada mengadakan satu sistem *Basket of Brands*. Di mana sesiapa yang memiliki cap dagangan, mereka boleh *register* kan cap dagangan itu dalam *Basket of Brands* supaya penguat kuasa kita akan mengambil inisiatif tanpa apa-apa aduan. Kita akan mengambil tindakan terhadap sesiapa yang terlibat dalam peniruan cap dagangan itu.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sabani ada bertanya tentang apa sebabnya mereka yang memohon untuk mendaftarkan cap dagangan oleh warganegara kita atau syarikat tempatan itu banyak tetapi *success rate* nya adalah rendah? Kebolehan sesuatu produk atau sesuatu tanda *trademark* didaftarkan adalah beberapa syarat. Kalau benda itu *mark* nya adalah terlalu *common mark, no special, it doesn't give a special classification or special specification*, ia tidak dapat didaftarkan.

Kita mengikuti syarat-syarat yang tertakluk dalam undang-undang. Kalau kita bandingkan dengan syarikat-syarikat negara lain, memang sebelum mereka datang untuk memohon mendaftar, mereka sudah melalui sistem proses penapisan. Oleh itu, kebanyakan daripada mereka datang sini untuk memohon mendaftar, memang boleh diterima untuk pendaftaran.

Puan Hajah Sabani binti Mat: Yang Berhormat, boleh saya hendak tanya, mencelah sedikit? Berhubung dengan memang- adakah usaha pihak kementerian untuk mengadakan

satu kursus kepada mereka? Supaya mereka pun mungkin ada setengahnya yang mereka bermohon, tiba-tiba tidak dapat. Mereka pun diam macam itu sahaja. Jadi, *duk* tunggu sebab tidak dapat apa-apa jawapan. Mungkin tidak dapat dinafikan salah di pihak pemohon sebab mungkin tidak dapat memenuhi syarat yang telah ditetapkan.

■1450

Akan tetapi, saya hendak memohonlah pihak kementerian bagilah macam kursus atau apa-apa yang berhubung dengan tersebut. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen: Memang ada- kita ada buat beberapa kursus atau kempen yang dilaksanakan oleh MyIPO. Usaha-usahnya adalah yang telah diambil dan juga akan terus dijalankan adalah seperti Kempen Kesedaran Harta Intelekt yang berterusan sepanjang tahun.

Kedua, *IP Easy* iaitu taklimat dan bantuan pendaftaran kepada usahawan PKS atau IKS dan juga *IP Mobile* sebagai medium pameran harta Intelekt. Ini semuanya kempen kesedaran yang dijalankan oleh MyIPO bersama dengan kementerian untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan peniaga-peniaga dan IKS kita tentang kepentingan harta intelek dan cadangan itu.

Yang Berhormat juga bertanya, adakah tempoh masa lama untuk mendaftar dan kos yang tinggi menjadikan satu penghalang pendaftaran cap dagangan? Pada masa sekarang, tempoh untuk satu cap dagangan didaftarkan adalah lebih kurang lapan bulan hingga 10 bulan. Dengan penambahbaikan sistem dan dengan kelulusan rang undang-undang ini, kita jangka tempohnya akan dapat dipendekkan, anggarannya ke enam bulan. Fi yang dikenakan betul, disebutkan Yang Berhormat adalah di antara RM370 hingga RM670. Akan tetapi, kalau kita- memandangkan itu fi adalah untuk tempoh 10 tahun, maka saya rasa itu fi adalah munasabah. Tidak begitu mahal.

Akan tetapi, sesiapa yang berminat untuk mendaftarkan cap dagangan, mereka boleh pergi ke pejabat MyIPO. Saya rasa pegawai-pegawai pun amat *friendly* untuk memberi bantuan kepada sesiapa yang hendak mendaftar dan tidak perlulah- kita tidak mewajibkan bahawa mesti melalui seorang ejen *trademark*, kecuali kalau pemohon itu adalah syarikat negara asing. Untuk orang tempatan, *you can go direct, there is no problem*.

Yang Berhormat Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff juga ada sebut tentang, kenapa tidak ada versi Bahasa Melayu untuk rang undang-undang? Rang undang-undang ini ada kita sediakan di dua versi dalam *English* dan juga Bahasa Melayu. Saya rasa yang...

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Saya tadi dengar penjelasan Yang Berhormat Menteri. Cuba Yang Berhormat Menteri *check* Teks Ucapan Menteri tadi semasa...

Tuan Chong Chieng Jen: Teks kesahihannya- *authoritative*...

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Bukan, bukan, bukan.

Tuan Chong Chieng Jen: Ya?

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Ada satu *paragraph*, mungkin pegawai boleh *check*, Yang Berhormat Menteri memberi pandangan memandangkan bahawa banyak perkara yang melibatkan perkara daripada luar dan antarabangsa. Ingat betulkan sayalah, rakan-rakan ya. Jadi, sebab itu ada...

Tuan Chong Chieng Jen: Ya, ya. Apa yang saya sebutkan tadi...

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Jadi, saya tahu. Saya yang antara selalu timbulkan kalau Tuan Yang di-Pertua tahu. Kalau rang undang-undang *kat* Dewan ini, kalau ada yang semua bahasa Inggeris saya akan timbulkan sebab saya perjuangkan Bahasa Melayu. Cuma hari ini kalau Yang Berhormat Menteri hendak beritahu *kat* saya, memang ada Bahasa Melayu, memang ada...

Tuan Chong Chieng Jen: Memang ada, memang ada. Okey?

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Itu saya setujulah. Cuma saya hendak faham tadi itu...

Tuan Chong Chieng Jen: *On your table got Bahasa Malaysia...*

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: *I am not denying the fact.* Cuma saya tanya, di mana Yang Berhormat Menteri- *you are stating the obvious?* Saya pun tahu benda itu.

Tuan Chong Chieng Jen: Ya.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Cuma saya hendak tanya, di mana yang Yang Berhormat Menteri tanya tadi itu dalam ucapan Yang Berhormat Menteri kata, banyak istilah bahasa Orang Putih, jadi kita terpaksa guna pakai di sini. *Check* balik dalam teks, ada tidak? Mungkin pegawai boleh- ada tidak?

Tuan Chong Chieng Jen: Ya, teks saya akan baca...

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Ada kan?

Tuan Chong Chieng Jen: Untuk makluman Dewan yang mulia ini, naskhah sah, *there is an authoritative version.*

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Faham, faham.

Tuan Chong Chieng Jen: Ada Rang Undang-undang Cap Dagangan ini telah ditetapkan dalam teks bahasa Inggeris. Ini untuk *to facilitate registration* dalam cap dagangan atau *trademark* itu. Bukan, bukan kita tidak sediakan...

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Bukan. Apa yang saya sampaikan...

Tuan Chong Chieng Jen: Versi...

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Kalau, kalau- saya tidak hendak berdialog tetapi...

Tuan Chong Chieng Jen: Bahasa Malaysia.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: *I have to put in context.* Apa yang saya maksudkan tadi itu, istilah-istilah ini tidak berkembang. Istilah perundangan apatah lagi undang-undang IP. Undang-undang lain pun lagi tidak berkembang. Kalau Yang Berhormat Menteri maklum, sebagai pengamal undang-undang, kalau tengok *kat* Dewan Bahasa punya istilah undang-undang itu, sangat nipis. Apa yang saya maksudkan tadi itu, kayakanlah bahasa. Cadangan, sebenarnya bukan kreatif pun. Cadangan juga.

Tuan Chong Chieng Jen: Ya, ya.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Sebenarnya.

Tuan Chong Chieng Jen: Saya hendak- *just want to clarify the matter.*

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Akan tetapi kalau Yang Berhormat Menteri jawab, Yang Berhormat Menteri kata memang ada, memang kita sudah tahu [*Ketawa*]

Tuan Chong Chieng Jen: Memang ada. Akan tetapi, itu istilah-istilah juga...

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: *You are stating the obvious.*

Tuan Chong Chieng Jen: Istilah-istilah juga ada dalam bahasa. Semua ada. Satu lagi soalan yang ditimbulkan adalah mengenai penilaian dan cap dagangan. Satu perkara baharu yang kita adakan dengan pembentangan rang undang-undang ini adalah supaya *to monetize trademark* iaitu supaya *trademark* itu menjadi satu benda dan harta yang boleh diniagakan dan dijagakan.

Kita akan mewujudkan satu *registry* untuk mendaftar segala transaksi mengenai dap dagangan, sesiapa itu. Cap dagangan itu juga boleh dijaga dan cagaran itu mesti didaftarkan dengan *registry* itu. Mengenai proses bagaimana penilaian sesuatu cap dagangan itu, kementerian telah berjaya melatih dan melahirkan 23 penilai harta intelek yang bertauliah bagi membantu pemilik harta intelek tempatan untuk menilai harta intelek atau cap dagangan bagi membolehkan pemilik atau menjagakan aset harta intelek mereka.

Bagi menambah baik mekanisme cagaran harta intelek, perbincangan yang berterusan sedang diadakan bersama pihak institusi kewangan bagi manfaat kedua-dua pihak terutamanya sekali pemilik inovasi tempatan untuk tujuan pengkomersialan. Pada masa kini, MyIPO telah mengambil beberapa langkah untuk membuat persediaan untuk menguatkuasakan Akta Cap Dagangan baru ini antaranya:

- (i) mengemaskinikan dan meminda akta-akta dan peraturan harta intelek dari semasa ke semasa supaya selaras dengan Standard Amalan Antarabangsa;
- (ii) forum seminar dan bengkel-bengkel antarabangsa anjuran pelbagai pejabat harta intelek serta serata dunia;

- (iii) mengadakan pelbagai program peningkatan kefahaman mengenai harta intelek dan juga acara permohonan kepada pemunya-pemunya harta intelek; dan
- (iv) peningkatan kapasiti teknologi maklumat dengan teknologi terkini sistem pemprosesan permohonan yang efisien yang akan diadakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa setakat inilah jawapan saya kepada apa-apa soalan yang disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga mengenai cadangan-cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat tadi dalam perbahasan. Kita akan ambil maklum dan juga...

Datuk Razali bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, saya sikit sebab saya banyak soalan saya mungkin tidak terjawab. Macam mana saya hendak ambil jawapan ini daripada kementerian?

Timbalan Yang di-Pertua: Tulislah.

■1500

Datuk Razali bin Idris: Itu sahaja saya hendak minta Yang Berhormat Timbalan Menteri. Persoalan yang saya bangkitkan tadi, saya hendak dapatkan jawapan dia. So, siapa yang akan bagi jawapan daripada apa perbahasan saya tadi.

Tuan Chong Chieng Jen: Yang Berhormat, yang tadi yang sebut mengenai itu industri muzik bukan? Ya industri muzik ini, itu jawapan kita. Saya rasa saya akan minta pegawai untuk sediakan jawapan.

Untuk mengenai itu MRM- isu MRM sekarang masih dalam perbincangan dan isu lain-lain yang Yang Berhormat sebut tentang itu *copyright collection*, kutipan royalti ini, itu saya rasa kita ada apa-apa Yang Berhormat boleh- kita boleh bincang di luar lah kerana ia tidak bukan dalam itu rang undang-undang cap dagangan. Memang ia bukan di dalam bidang cap dagangan. *So, anytime you can just contact us, we will give you whatever information you need.* Sekian, terima kasih.

Puan Hajah Sabani binti Mat: Tuan Yang di-Pertua, sikit sahaja. Cuma saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri ada juga soalan-soalan saya yang tidak dijawab. Akan tetapi tak apalah, sesetengahnya saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh teliti balik ucapan kami ini, *in syaa Allah* boleh jawab. Kalau tak jawab di sini pun tak apa, boleh beri secara bertulis ke, apa ke yang mana memenuhi untuk- ada juga soalan-soalan saya yang tidak dijawab. Jadinya, saya minta supaya jawapan itu boleh bukan sahaja sekarang...

Tuan Chong Chieng Jen: Yang Berhormat ada apa soalan yang tak dijawab?

Puan Hajah Sabani binti Mat: Tak apa, nanti saya- ada lagi lah...

Tuan Chong Chieng Jen: Ada lagi kah? Okey.

Puan Hajah Sabani binti Mat: Ya, ya. Tak apa nanti tak apalah kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri rasa ini, boleh dibincangkan di luar. Akan tetapi saya pohon juga jawapan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Chong Chieng Jen- Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Dia bincang panjang lebar tadi dan Yang Berhormat Datuk Razali kalau hendak tanya bolehlah berhubung terus ya. Terima kasih ya. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan dipersetujukan]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Haji Abdul Halim bin Abd. Samad)

mempengerusikan Jawatankuasa]

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

[Fasal-fasal 1 hingga 183 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Jadual Pertama dan Kedua diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri (Datuk Mohd Azis bin Jamman) dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERIHAL DAGANGAN (PINDAAN) 2019

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.06 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Chong Chieng Jen]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu Rang Undang-undang Perihal Dagangan (Pindaan) 2019 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, Akta Perihal Dagangan 2011 iaitu Akta 730 digubal oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna untuk mengadakan peruntukan bagi menggalakkan amalan perdagangan yang baik dengan melarang perihal dagangan palsu dan pernyataan pengendalian dan amalan palsu atau mengelirukan berhubungan dengan pembekalan barang-barang dan perkhidmatan serta untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan atau bersampingan dengannya.

Akta Perihal Dagangan 2011 telah diwartakan pada 18 Ogos 2011 dan berkuat kuasa pada 1 November 2011. Kesalahan jenayah yang diperuntukkan di dalam Akta Perihal Dagangan 2011 iaitu Akta 730 termasuklah seksyen 8 yang berkaitan dengan larangan perihal dagangan palsu yang berhubung dengan cap dagangan. Sejak dikuatkuasakan, tindakan penguatkuasaan ke atas perdagangan barang yang menggunakan cap dagangan palsu diambil tindakan mengikut peruntukan di bawah Akta Perihal Dagangan 2011 iaitu Akta 730 ini.

Berikutan dengan cadangan untuk meluluskan Rang Undang-undang Cap Dagangan 2019, kesalahan-kesalahan jenayah berhubung dengan penggunaan cap dagangan palsu yang terkandung di dalam Akta Perihal Dagangan 2011 ini telah dimasukkan ke dalam Rang Undang-undang Cap Dagangan 2019.

Oleh yang demikian, kementerian mencadangkan Rang Undang-undang Perihal Dagangan (Pindaan) 2019 diluluskan sebagai pindaan berbangkit kepada Rang Undang-undang Cap Dagangan 2019. Bagi maksud pelaksanaan Rang Undang-undang Perihal Dagangan (Pindaan) 2019 ini, seksyen-seksyen berkaitan dengan kesalahan jenayah berhubung cap dagangan di bawah Akta Perihal Dagangan 2011 akan dipotong atau dipinda mengikut kesesuaian pemakaian tanpa menjejaskan penguatkuasaan Akta Perihal Dagangan 2011.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Perihal Dagangan (Pindaan) 2019 ini telah disediakan dan diluluskan oleh Jabatan Peguam Negara.

■1510

Rang undang-undang ini juga telah diluluskan oleh Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 5 April 2019. Cadangan pindaan adalah seperti berikut.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa akta yang dijalankan.

Fasal 2 hingga Fasal 10 bertujuan untuk meminda seksyen 2, seksyen 5, seksyen 6 dan seksyen 12 dan memotong seksyen 4, seksyen 8, seksyen 9, seksyen 11, dan seksyen 39 Akta 730 yang merupakan pindaan berbangkit daripada penggubalan Rang Undang-undang Cap Dagangan 2019 baharu yang dicadangkan.

Fasal 11 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pengecualian dan peralihan. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Mohd Azis bin Jamman]: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu akta untuk meminda Akta Perihal Dagangan 2011 dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas.

[Tiada perbahasan]

Timbalan Yang di-Pertua: Nampak gayanya dalam ini tidak ada yang hendak membahaskan, ya. Tiada senarai nama yang hendak membahaskan ya. Ada *on the floor* ada hendak bahas? Kalau tidak ada saya teruskan ya. Ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

*[**Fasal-fasal 1 hingga 11** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri (Datuk Mohd Azis bin Jamman) dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERLINDUNGAN PENGGUNA (PINDAAN) 2019****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****3.15 ptg.**

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Chong Chieng Jen]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan iaitu suatu akta untuk meminda Akta Perlindungan Pengguna 1999 dan untuk mengadakan peruntukan mengenai perkara berkaitan atau bersampingan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, Akta Perlindungan Pengguna 1999 iaitu Akta 599 telah diwartakan dan mula berkuat kuasa pada 15 November 1999. Akta 599 memperuntukkan mengenai perlindungan pengguna, penubuhan Majlis Penasihat Pengguna Negara dan Tribunal Tuntutan Pengguna dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Selaras dengan itu, tribunal telah ditubuhkan sejak 15 November 1999 di bawah Bahagian 12 Akta 599. Ia bertujuan menyediakan satu saluran alternatif kepada pengguna untuk menuntut hak secara tebus rugi dan menyelesaikan pertikaian dengan cara yang lebih mudah, murah dan cepat.

Pemfailan kes di tribunal tidak melibatkan khidmat peguam serta fi pemfailan yang dikenakan tidak tinggi berbanding fi yang dikenakan di mahkamah sivil. Tribunal dianggotai oleh seorang Pengerusi dan Timbalan Pengerusi daripada perkhidmatan kehakiman dan perundangan serta terdiri daripada tidak kurang daripada lima orang anggota yang merupakan orang yang berkelayakan mengikut pengertian Akta Profesion Undang-undang 1976 iaitu Akta 166, Ordinan Peguambela Sabah Bab Ke-II atau Ordinan Peguam bela Sarawak Bab 110 dan orang yang tidak termasuk dalam sub perenggan 1 tetapi memegang atau pernah memegang jawatan yang dinyatakan dalam jadual keempat kepada Akta Mahkamah Rendah 1948, Akta 92.

Pindaan terakhir kepada Akta 599 telah dibuat pada tahun 2003 berhubung subseksyen 98(1), 100(1) dan 101(1) iaitu untuk menaikkan had nilai bidang kuasa tribunal daripada RM10,000 ke RM25,000 melalui Akta Perlindungan Pengguna 1999 (Pindaan) 2003 iaitu Akta (A) 1999. Sejak pindaan tersebut, tiada lagi pindaan had nilai bidang kuasa tribunal dilakukan selama 16 tahun.

Akta 599 dipinda buat kali terakhir pada tahun 2017 untuk memasukkan bahagian baharu 3B berhubung urus niaga jualan kredit bagi melindungi kepentingan pengguna yang

membeli barang melalui urus niaga jualan kredit. Pindaan ini juga bertujuan untuk memperkukuh kuasa penguatkuasaan di bawah Akta 599.

Tuan Yang di-Pertua, Mesyuarat Jemaah Menteri yang telah diadakan pada 26 Jun 2019 bersetuju supaya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna segera mengambil tindakan bagi membolehkan Yang Berhormat Menteri Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menggunakan kuasa di bawah Akta Perlindungan Pengguna 1999 untuk meningkatkan lagi hak pengguna dan memastikan peranan serta fungsi tribunal kekal relevan, mendepani cabaran isu-isu pertikaian dan tuntutan kepenggunaan di negara ini dengan meningkatkan had nilai bidang kuasa tribunal daripada RM25,000 kepada RM50,000 serta meningkatkan nilai penalti maksimum untuk ketidakpatuhan *award* tribunal.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk menghuraikan setiap fasal di dalam rang undang-undang ini.

■1520

Rang undang-undang ini mempunyai lima fasal seperti berikut.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan tarikh permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda subseksyen 98(1) untuk meluaskan bidang kuasa tribunal berhubung dengan jumlah amaun yang berkenaan dengannya. Award boleh diminta daripada tidak melebihi RM25,000 kepada tidak melebihi RM50,000. Pindaan ini hendaklah terpakai bagi kuasa tindakan tanpa mengira sama ada kuasa tindakan ini tertakluk sebelum atau selepas permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 3 dan fasal 4 bertujuan untuk meminda subseksyen 100(1) dan 101(1) yang merupakan pindaan yang berbangkit daripada langkah untuk meningkatkan bidang kuasa tribunal.

Fasal 5 bertujuan untuk meminda subseksyen 117(1) dan (2) untuk meningkatkan hukuman yang boleh dikenakan terhadap mana-mana orang yang tidak mematuhi award yang telah dibuat oleh tribunal.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Mohd Azis bin Jamman]: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis ialah suatu akta untuk meminda Akta Perlindungan Pengguna 1999 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Dalam saya punya fail ini ada empat orang Ahli Yang Berhormat hendak membahaskan rang undang-undang ini.

Saya jemput pertama sekali Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair. Silakan.

3.22 ptg.

Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk menyertai perbahasan Rang Undang-undang Perlindungan Pengguna (Pindaan) 2019.

Tuan Yang di-Pertua, tahap kesedaran pengguna di negara kita masih rendah jika dibandingkan dengan negara-negara maju. Selagi tahap kesedaran ini rendah selagi itu pengguna akan terus menjadi mangsa kepada peniaga yang tidak bertanggungjawab. Sebagai contoh, telah dilaporkan kira-kira 1.7 juta mangsa penipuan 27 jenis skim pelaburan melibatkan kerugian bernilai RM4.4 bilion dicatatkan di negara ini sepanjang tempoh Julai 2013 hingga September tahun lalu.

Tuan Yang di-Pertua, syarikat palsu menawarkan macam-macam barangan termasuk pelaburan dan kosmetik melalui aplikasi *WhatsApp* dan laman sosial *Facebook* dengan mengambil deposit daripada mangsa. Ada yang menjual barangan palsu atau tiruan, ada pengguna yang terjebak dengan iklan yang hanya indah pada rupa sahaja. Kes-kes penipuan dalam talian kian berleluasa sehingga hampir 70 peratus aduan dilaporkan kepada Pasukan Respons Kecemasan Komputer Malaysia (MyCERT).

Tuan Yang di-Pertua, pengguna juga kini didedahkan kepada gaya hidup digital atau *digital lifestyle*, dengan izin, tetapi dalam kajian baru-baru ini oleh Nielsen Malaysia mengenai landskap pembayaran di Malaysia hanya lapan peratus rakyat Malaysia telah menggunakan penggunaan *eWallet*. Salah satu sebab utama yang menjadi penghalang kepada penggunaan tanpa tunai ialah 46 peratus rakyat Malaysia prihatin langkah keselamatan dan risiko penipuan yang berkaitan dengan pembayaran digital.

Didapati pengguna atas talian semakin bertambah, e-Dagang pada hari ini memberi 6.3 peratus sumbangan GDP kepada ekonomi negara. Sebanyak 25 bilion pasaran e-Dagang dan tahun hadapan pada tahun 2020 akan meningkat dua kali ganda. Malangnya apa yang dinyatakan pada hari ini adalah kita tidak mempunyai keupayaan dalam penguatkuasaan. Dengan pindaan kepada Akta Perlindungan Pengguna, tribunal akan meningkatkan had tuntutan oleh pengguna daripada RM25,000 kepada RM50,000. Ini sudah tentu akan meningkatkan hak pengguna tetapi adakah ia dapat meningkatkan kesedaran pengguna?

Apakah peniaga akan gentar dengan jumlah ini kerana mereka telah pun untung ratusan ribu sebelum ini dengan penipuan mereka. Namun demikian pindaan ini dialu-alukan.

Semoga pengguna sedikit sebanyak akan dilindungi daripada sebarang amalan perdagangan yang tidak adil. Apa yang lebih penting yang ingin saya sarankan di sini adalah kita perlu mendidik pengguna mengenai kesedaran dan hak mereka. Di sesetengah negara maju, konsumerisme menjadi inti pati kurikulum sekolah untuk memberi kesedaran kepada pelajar dari awal lagi.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Perlindungan Pengguna (Pindaan) 2019 mungkin tidak dapat mengatasi penipuan yang berlaku dalam perniagaan tetapi ia hanya sekadar memberi jalan mudah kepada pengguna untuk membuat tuntutan dalam kes-kes yang kurang berat. Walau bagaimanapun, langkah-langkah yang lebih jitu harus diambil kerajaan untuk melindungi pengguna daripada pelbagai jenis eksploitasi seperti barangan yang rosak, perkhidmatan yang kurang baik dan amalan perdagangan yang tidak adil. Pengeluar atau penawar diwajibkan untuk memasukkan secara sah maklumat tertentu mengenai produk seperti mesej kesihatan dan keselamatan pada rokok misalnya.

Pertubuhan Kesatuan Pengguna Antarabangsa telah meletakkan empat perkara yang pengguna harus tahu iaitu:

- (i) pengguna ada hak untuk keselamatan;
- (ii) hak untuk dimaklumkan;
- (iii) hak untuk memilih; dan
- (iv) hak untuk didengar.

Hakikatnya pengguna hanya membeli dan mengguna tetapi sebenarnya syarat utama adalah terletak kepada pengeluar, kepada penjual dan kepada usahawan yang memastikan barang ataupun cara mereka berniaga itu sah atau lebih adil.

Pencegahan adalah lebih baik daripada mengubati. Pengguna lazimnya terlalu lurus dan mudah terpedaya maka adalah tanggungjawab kerajaan menjaga kebajikan mereka. Bukan tunggu pengguna untuk menyamakan pihak yang bersalah. Kementerian perlu adakan satu mekanisme di mana iklan barangan sama ada melalui televisyen, radio atau akhbar hanya boleh dilakukan setelah mendapat kelulusan daripada kementerian.

Isu-isu berkait dengan konsumerisme harus sentiasa disebarkan melalui media massa. Saya juga ingin membangkitkan beberapa isu iaitu isu angka oleh kementerian. Ada kekurangan kes difailkan tahun 2013 hingga tahun lepas. Pada tahun 2013 adalah lebih kurang lapan ribu kes difailkan, tahun 2018 sebanyak lima ribu. Adakah sebab kualiti produk bertambah baik? Adakah pengeluar produk lebih bertanggungjawab? Adakah pengeluaran produk ikut undang-undang yang ada ditetapkan oleh kerajaan atau adakah kurangnya keyakinan kepada tribunal pengguna.

■1530

Mengikut angka kementerian, hampir 99 peratus kes telah pun diselesaikan di peringkat tribunal. Saya mohon kepastian kebenaran angka-angka ini benar atau tidak. Juga didapati, kes-kes di Pantai Timur seperti Kelantan, Terengganu, Pahang dan negeri-negeri utara seperti Kedah dan Perlis, Sabah dan Sarawak, kes yang difailkan adalah kurang daripada 100, manakala lebih kurang 5,000 kes telah difailkan di Kuala Lumpur, Ipoh, Pulau Pinang dan Johor Bahru. Adakah pengguna di luar bandar kurang tahu hak mereka atau kurang pendidikan kepenggunaan bagi penduduk luar bandar?

Dalam pengalaman saya sebagai pengamal undang-undang di Kuala Terengganu semasa dahulu, pengguna-pengguna akan pergi ke Mahkamah Majistret dan memfailkan kes sivil untuk buat tuntutan di bawah tuntutan kecil. Bila ditanya kepada mereka kenapa datang ke Mahkamah Majistret, jawapannya mudah, "*Saya percaya mahkamah daripada tribunal*". Ini bermakna, kurang pendidikan kepada pengguna-pengguna tentang hak mereka dengan tribunal. Satu pendidikan hendaklah dijalankan untuk mendidik mereka tentang hak mereka di sistem tribunal.

Rang Undang-undang Perlindungan Pengguna (Pindaan) 2019 [Akta 599] ini merupakan sebuah akta yang serba sedikit memudahkan hak perlindungan kepada kepenggunaan. Ia juga boleh meningkatkan kesedaran pengguna bahawa mereka ada hak.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya undur diri, dengan ini saya sokong penuh pindaan yang dibuat kepada Akta Perlindungan Pengguna 1999. Mudah-mudahan pindaan ini akan menambah baik hak dan kesedaran pengguna dan peniaga pula akan bertindak lebih adil. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas, terima kasih. Saya menjemput yang kedua, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sabani binti Mat.

3.32 ptg.

Puan Hajah Sabani binti Mat: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang dan ruang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Perlindungan Pengguna (Pindaan) 2019.

Pindaan terakhir kepada Akta 599 telah dibuat pada tahun 2003 berhubung subseksyen 98(1), 100(1) dan 101(1) iaitu untuk menaikkan had nilai bidang kuasa tribunal daripada RM10,000 kepada RM25,000 melalui Akta Perlindungan Pengguna 1999 (Pindaan) 2003 iaitu (a) 1999. Sejak pindaan tersebut, tiada lagi pindaan had nilai bidang kuasa tribunal dilakukan selama 16 tahun. Akta 599 dipinda buat kali terakhir pada tahun 2017 untuk

memasukkan bahagian baharu IIIB berhubung urus niaga jualan kredit bagi melindungi kepentingan pengguna yang membeli barang melalui urus niaga jualan kredit.

Pada hari ini, kita akan meminda Akta Perlindungan Pengguna 1999 untuk meningkatkan lagi hak pengguna dan memastikan peranan serta fungsi tribunal kekal *relevance*, mendepani cabaran isu-isu pertikaian dan tuntutan kepenggunaan di negara ini, dengan meningkatkan had nilai bidang kuasa tribunal daripada RM25,000 kepada RM50,000 serta meningkatkan nilai penalti maksimum untuk ketidakpatuhan award tribunal.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada satu kenyataan media Yang Berhormat Menteri dalam isu ini. Beliau pernah menyatakan akan membincangkan dan membentangkan akta tentang perlindungan pengguna ke Parlimen dan beliau menyebut antara sebabnya kerana ketika ini banyak penipuan berlaku menerusi pembelian *online* ataupun di internet.

Apabila kita lihat pada hari ini, pembentangan yang dibuat agak mengecewakan kerana pindaan yang dibuat terhadap akta ini hanyalah tentang menaikkan kadar sahaja. Kadar daripada RM25,000 kepada RM50,000, itu sahaja yang dibawa ke sini tetapi pindaan-pindaan yang boleh menjamin hak kepada pengguna yang tertipu menerusi internet, tidak dibawa ke sini. Adakah pindaan undang-undang yang dibuat pada hari ini juga merupakan satu usaha tergesa-gesa oleh Yang Berhormat Menteri serta kerajaan pada hari ini, sedangkan banyak lagi isu yang boleh kita bawa untuk kita libatkan atau kita berikan hak kepada pengguna di negara ini?

Kerajaan terdahulu pernah mencadangkan di dalam Dewan ini untuk mewujudkan kod etika perniagaan Malaysia, mewujudkan pembaharuan instrumen, penilaian integriti penjaja dan peniaga kecil serta ikrar integriti korporat. Adakah Kerajaan Pakatan Harapan masih meneruskan usaha murni kerajaan terdahulu untuk lakukan ini? Jika ia masih diteruskan, saya mahu tahu, sejauh mana tiga perkara ini telah berjalan sepanjang tempoh yang ada sehingga ke hari ini dan sejauh manakah ia dapat mengawal penipuan-penipuan yang berlaku, bukan hanya di peringkat internet tetapi juga di luar daripada internet?

Perkara seterusnya yang saya ingin bangkitkan adalah mengenai Tribunal Tuntutan Pengguna. Kalau kita lihat, tribunal ini tujuannya adalah sebagai satu suara alternatif kepada para pengguna berbanding mahkamah yang kosnya begitu tinggi dan juga memakan masa yang panjang. Cuma persoalan saya ialah berapa banyak kes aduan yang sudah dibawa kepada tribunal dalam tempoh awal enam bulan pertama tahun 2019? Daripada jumlah yang banyak itu, berapa banyak kes yang telah berjaya diselesaikan dan berapa lama tempoh satu kes itu maksimum dapat diselesaikan? Ini untuk kita melihat sejauh manakah tribunal memang mencapai matlamatnya untuk membantu pengguna mendapat hak mereka.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya memohon pihak kementerian untuk memberikan secara terperinci mengenai jenis aduan yang dikemukakan berdasarkan kepada kategori jenis perniagaan terutama tentang aduan oleh para pengguna terhadap gergasi-gergasi telekomunikasi kerana ramai yang tidak puas hati terhadap sama ada servisnya atau caj yang terselindung.

Sebagai contoh, caj yang dikenakan mungkin satu pakej dikenakan RM180 sebulan. Tiba-tiba dalam bil ada pula terdapat tambahan lagi RM27 kerana dikatakan terdapat caj yang tersembunyi. Bagi saya, ia merupakan suatu yang mengelirukan dan mungkin barangkali oleh sebab nilai yang kecil bagi sesetengah orang, maka ramai yang tidak mahu berbuat gaduh dan membuat bising serta membuat aduan dan sebagainya. Akan tetapi, perkara tersebut akan memberi ruang, kesempatan kepada gergasi telekomunikasi ini untuk meneruskan tindakan-tindakan mereka. Maka bagi saya, caj yang tersembunyi seumpama ini perlu ditangani oleh kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu hak pengguna iaitu hak untuk mendapatkan keselamatan. Jadi bermaksud bahawa perlu ada perlindungan daripada barang-barangan, proses pengeluaran, perkhidmatan yang boleh mendatangkan kecederaan fizikal, kemudaratan terhadap kesihatan pengguna atau mendatangkan kerosakan kepada harta benda. Saya bagi contoh negara maju yang mempunyai peraturan dan kawalan yang kental terhadap keselamatan produk juga tidak terkecuali daripada lambakan barangan yang tidak selamat di pasaran mereka. Saya bawa satu data yang menunjukkan bahawa pada tahun 2019 bahawa kes tarik balik produk di US dan Kanada telah meningkat dari tahun ke tahun. Ini bermakna, lambakan produk yang tidak selamat.

■1540

Apakah kerajaan mengetahui dan juga membuat tindakan untuk mengatasi masalah lambakan yang tidak selamat? Dalam laporan yang sama dinyatakan bahawa insiden barangan yang tidak selamat menjangkau semua kategori barangan daripada tenusu, makanan, pakaian, barang mainan, alat mekap, peralatan rumah dan sebagainya.

Jadi, ada satu komisen yang dipanggil *Consumer Product Safety Commission* di Amerika Syarikat melaporkan bahawa pada tahun 2008, lebih kurang daripada 35 juta penduduknya terpaksa mendapat rawatan kecederaan dan kecemasan yang berkaitan dengan barang pengguna yang purata 473 produk ditarik balik dari pasaran setahun. Jadi persoalannya, adakah barang-barang pengguna yang sedia ada di pasaran kita pada masa ini terjamin dari segi keselamatannya? Apakah langkah yang dilakukan oleh pihak kementerian untuk memastikan keselamatan barang pengguna di negara ini terjamin?

Tuan Yang di-Pertua, perkara akhir yang saya ingin bangkitkan di Dewan yang mulia ini adalah berkaitan Peraturan-peraturan Kawalan Harga dan Antipencatutan 2016.

Tujuannya untuk melindungi pengguna. Ada garis panduan mengenai pelaksanaan mekanisme untuk tentukan keuntungan tinggi yang mana munasabah, yang mana tidak munasabah. Peraturan ini dipanggil peratusan tokok atau peratusan margin ataupun dalam bahasa Inggeris, *markup*. Saya hendak tanya, setakat mana keberkesanan akta ini? Peraturan ini melindungi pengguna. Berapa ramai yang telah ditangkap di bawah akta anti pencatutan ini? Jika sudah ditangkap, perlu di-*publish*, disebar melalui media sosial, media cetak dan media elektronik untuk menjadi pengajaran supaya peniaga-peniaga tidak beretika ini boleh dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengundur diri, saya mohon supaya akhirnya akta ini dapat dilaksanakan untuk memberi maksud yang sebenar iaitu melindungi para pengguna dan rakyat kita supaya akhirnya tiada penipuan dalam perniagaan. Sekian, *assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: *Walaikumussalam*. Ingat, jangan dengar sangat cakap yang manis, kenal mana. Jadi waspadalah khususnya kita ini pembeli. Bak kata orang tua-tua tadi.

*Encik abang memakan pulut;
Pulut di makan di Tanjung Lumpur;
Abang cakap manis di mulut;
Saya mendengar hati hancur lebur.*

Itu dia. Jaga-jaga cakap manis ya.

Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Nuridah bt Mohd Salleh.

3.43 ptg.

Puan Nuridah bt Mohd Salleh: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan pindaan Akta Perlindungan Pengguna (Pindaan) 2019.

Terlebih dahulu saya ingin mengambil peluang berada di Dewan Negara yang mulia ini untuk menzahirkan penghormatan, *tribute* terhadap Allahyarham SM Mohamed Idris yang telah pergi meninggalkan kita dua bulan yang lalu, pada 17 Mei 2019. *Tribute* ini adalah bagi mengenang jasa beliau yang telah menghabiskan separuh abad umur beliau untuk memimpin Persatuan Pengguna Pulau Pinang selama 50 tahun. Pastinya telah banyak jasa beliau dalam memperjuangkan isu berkaitan kepenggunaan di negara kita. Mudah-mudahan baktinya diterima oleh Allah SWT dan diharapkan perjuangan beliau akan dapat diteruskan, *in syaa Allah*.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada pindaan yang dibuat, saya tidak ada masalah berkaitan meluaskan bidang kuasa tribunal daripada RM25,000 kepada RM50,000 kerana ia dilihat akan meningkatkan kuasa pengguna yang mewakili 32 juta rakyat negara Malaysia.

Peningkatan hukuman yang boleh dikenakan terhadap mana-mana orang yang tidak mematuhi award yang telah diputuskan pihak tribunal juga dilihat sebagai satu bentuk sokongan kepada pengguna supaya pihak peniaga lebih berhati-hati, tidak sewenang-wenangnya lepas tangan terhadap keputusan tribunal yang mengikat pihak peniaga.

Namun begitu, apa yang lebih penting selepas undang-undang diluluskan adalah usaha penguatkuasaan. Penguatkuasaan mestilah ditambah baik dan benar-benar mencapai objektif supaya pindaan yang dibuat ini tidak sia-sia laksana anjing menyalak bukit. Tadi Tuan Yang di-Pertua kata janji manis, barulah ia benar-benar berkesan melindungi hak pengguna.

Saya ingin menyentuh berkenaan jawapan Timbalan Menteri berkenaan permohonan pensijilan BisTrust bagi mereka yang ingin berniaga di atas talian. Ini adalah satu usaha yang wajar dipergiatkan. Namun begitu, saya yakin fi yang dikenakan agak tinggi untuk peniaga yang baru saja bermula. Oleh itu, adakah pihak kerajaan ada bercadang untuk membantu mereka yang baru bergiat dalam bidang perniagaan *online* khususnya, untuk mendapatkan sijil ini dengan kos yang rendah?

Tuan Yang di-Pertua, saya ada membaca berita hari ini berkenaan dominasi peniaga China di ibu kota yang semakin parah. Mengikut laporan tersebut, hampir 80 peratus produk dijual adalah produk yang dibawa masuk terus dari negara China. Masalahnya adalah berdasarkan pemeriksaan yang dibuat, kebanyakan produk China yang dijual membabitkan ubat-ubatan yang tidak berdaftar, herba serta barangan kecantikan yang jelas sekali membahayakan pengguna. Justeru, sejauh mana kerajaan memandang serius dengan isu ini? Apakah tindakan kerajaan bagi mengatasi masalah banjiriran warga China yang menjadikan rakyat tempatan sebagai *sleeping partner*?

Saya juga ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan supaya memberi tumpuan kepada proses pendidikan untuk memberi kesedaran perihal kepenggunaan. Pendidikan ini bukan saja tertumpu kepada pengguna itu sendiri, tetapi juga para peniaga dan pembekal supaya mereka mengambil berat berkenaan etika dan tanggungjawab mereka sebagai peniaga dan pembekal.

Apabila saya meneliti jawapan Timbalan Menteri di Dewan Rakyat baru-baru ini, yang mengatakan usaha-usaha proaktif bagi memberi kesedaran kepenggunaan telah dijalankan melalui rancangan TV seperti Suara Pengguna, Selamat Pagi Malaysia dan Suara Konsumer. Tahniah diucapkan di atas usaha berkenaan.

Namun yang menjadi persoalan saya ialah sejauh mana program-program tersebut dapat menarik minat masyarakat untuk memilih rancangan berkenaan? Apakah tarikan yang disediakan bagi menarik penonton? Sejauh mana program tersebut dapat memberi penerangan serta pengisian kepada masyarakat jika rancangan tersebut tidak dapat menambat hati penonton? Mungkin kerajaan boleh memberi geran-geran kepada NGO yang

memperjuangkan isu pengguna supaya mereka dapat membantu kerajaan turun ke akar umbi mendidik masyarakat.

Saya juga ingin menyarankan kepada pihak kementerian supaya melekatkan notis berkenaan tribunal ini di premis-premis perniagaan. Sebagai contoh, dengan melekatkan pesanan seperti "*Awas! Peniaga yang tidak jujur boleh dikenakan tindakan di bawah Tribunal Tuntutan Pengguna*" atau "*Pengguna berhak membuat tuntutan di Tribunal Tuntutan Pengguna sekiranya dianiaya peniaga*". Saya fikir bila ada peringatan sebegini akan menyebabkan para peniaga lebih jujur dan berhati-hati berurusan supaya tidak menzalimi pengguna dan tidak hanya mementingkan keuntungan semata-mata. Ia secara tidak langsung akan memberi suatu bentuk pencegahan daripada awal.

■1550

Apabila kedua-dua pihak pengguna dan peniaga faham etika dalam konsep jual beli dan ditambah lagi dengan adanya peruntukan undang-undang dan penguatkuasaan yang tegas, *in sya Allah* saya yakin pasti dan percaya jumlah tuntutan di Tribunal akan semakin berkurangan sekali gus akan mencipta suasana sejahtera.

Saya ingin menimbulkan juga satu isu yang sejak kebelakangan ini menjadi *viral* berkenaan produk gula-gula dikenali sebagai '*ghost smoke*' yang dijual kepada murid sekolah rendah di Papar, Sabah. Apa yang bahaya sangat tentang gula-gula ini sehingga ingin dimasukkan sekali dalam perbahasan?

Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, gula-gula ini mengeluarkan asap seakan-akan rokok dan *vape* apabila disedut. Hal ini telah menimbulkan kebimbangan kepada para ibu bapa, jikalau ia dapat memberi kesan negatif kepada anak-anak. Gula-gula ini seolah-olah mengajar anak-anak kecil merokok.

Buat ketika ini, kita baru dengar baru berlaku di Sabah. Tidak mustahil dia akan menular pula ke pasaran seluruh negara jika tidak dibendung dari awal. Saya difahamkan Kementerian Kesihatan sudah pun memulakan siasatan dan penguatkuasaan berhubung dengan penjualan gula-gula ini.

Saya berharap pihak KPDNHEP dapat mengambil tindakan segera dan turut dapat bekerjasama bagi mengekang penularan produk ini di pasaran. Ini adalah untuk masa hadapan anak-anak kita. Jangan kerana hanya gula-gula, nilai budaya masyarakat kita akan tergadai. Mudah-mudahan- dengan ini saya mengakhiri ucapan perbahasan saya dan saya juga berharap agar sumbang saran yang telah dikemukakan dapat dipertimbangkan oleh pihak kerajaan secara mendalam. Sekian, terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Timbalan Yang di-Pertua: *Walaikumussalam*. Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh.

Pembahas keempat Yang Berhormat Senator Tuan Ismail bin Yusop. Dipersilakan.

3.53 ptg.

Tuan Ismail bin Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya saya ucap terima kasih kerana diberi peluang untuk turut sama terlibat dalam perbahasan mengenai pindaan Rang Undang-undang Perlindungan Pengguna ataupun Akta 599 ini. Secara peribadinya saya menyokong pindaan ini. Dalam kita mencari jalan penyelesaian buat pengguna serta ini sebagai satu lonjakan semangat buat peniaga, penjual atau usahawan dalam lebih telus dan berintegriti untuk memberikan perkhidmatan kepada pengguna. Saya bersetuju dengan peningkatan bidang kuasa Tribunal dari RM25,000 kepada RM50,000 serta meningkatkan had penalti maksimum untuk ketidakpatuhan *award* Tribunal dengan izin dalam memastikan Tribunal kekal relevan berfungsi dan peranannya kepada pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, kini sebagaimana yang disebut oleh rakan-rakan pembahas sebelum ini, pembelian di atas talian menjadi pilihan buat pengguna untuk mendapatkan produk atau servis dari peniaga, pengeluar mahupun usahawan. Tambahan pula secara kasarnya, kita dapat lihat di media sosial mahupun di pusat membeli belah, sambutan kuasa beli rakyat, kita tidak dapat nafikan alirannya yang mengikut kehendak dan keperluan rakyat terhadap sesuatu produk atau servis. Pembelian atas talian atau secara *online* menjadi pilihan kerana ia lebih mudah kepada pengguna bak kata pepatah orang sekarang, semuanya bagaikan di hujung jari sahaja.

Namun begitu Tuan Yang di-Pertua, pembelian secara *online* ini mempunyai risiko yang sangat tinggi untuk terdedah kepada penipuan. Pelbagai kes yang telah berlaku, penipuan dalam pembelian atas talian atau secara *online* ini yang kerap kali kita boleh dengar dari berita mahupun masyarakat sekeliling. Ini juga berkait rapat dengan isu *scam* yang juga sering kali menghantui masyarakat dengan penipuan yang berjumlah dari ratusan hingga ribuan Ringgit.

Hal yang sebegini sebenarnya melahirkan perspektif yang sangat negatif dari pengguna serta memberi kesan pula kepada golongan peniaga yang terlibat secara *online*. Selain itu, ada juga sesetengah pihak yang tidak bertanggungjawab yang mengambil kesempatan menaikkan harga untuk sesuatu produk secara sewenang-wenangnya kepada pengguna. Namun saya percaya, pihak kementerian sentiasa berwaspada dengan masalah yang dihadapi oleh pengguna dan saya berharap pihak kementerian akan sentiasa mencari jalan penyelesaian yang terbaik buat rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya masalah yang dinyatakan ini sebenarnya berpunca daripada sikap masyarakat sendiri yang kurang mengambil berat serta kurang pendedahan dan pendidikan terhadap ketidaktanggungjawaban khususnya kepada peniaga.

Kefahaman pendidikan tentang urus niaga jual beli ini seharusnya diperkukuhkan lagi kepada masyarakat agar nilai tanggungjawab itu lebih dihayati dalam melahirkan masyarakat yang jujur dan harmoni.

Oleh itu, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah ada usaha daripada pihak kementerian dengan agensi-agensi lain ataupun dengan bersama Kementerian Pendidikan umpamanya dalam menyuburkan nilai kebertanggungjawaban ini sejak dari bangku sekolah lagi? Apakah usaha-usaha dan program advokasi daripada pihak kementerian dalam memberikan pendedahan dan pendidikan urus niaga kepada masyarakat yang secara langsung dapat meminimumkan masalah penipuan atau tidak bertanggungjawab ini yang sedang dihadapi oleh rakyat terbanyak.

Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong pindaan ini dengan asasnya bukan semata-mata meluaskan bidang kuasa Tribunal serta memaksimumkan had penalti, walau memang tidak dinafikan ini merupakan salah satu cara untuk mendisiplinkan khususnya para peniaga. Namun, ia juga perlu diiringi dengan pendidikan serta pendedahan agar nilai yang tersirat dari pindaan ini dapat lebih dihayati oleh masyarakat dengan harapan isu-isu yang dinyatakan dapat dielakkan di masa yang akan datang. Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini mohon menyokong usul yang berkenaan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Ismail bin Yusop. Terima kasih banyak.

Minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

3.57 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Chong Chieng Jen]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin juga mengucapkan terima kasih kepada empat orang Ahli Yang Berhormat yang berbahas tentang Rang Undang-undang Perlindungan Pengguna (Pindaan) 2019.

Ada beberapa perkara yang dibangkitkan. Antara satu yang telah dibangkitkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat itu adalah mengenai program-program advokasi untuk pengguna yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair dan juga Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sabani binti Mat tadi.

Sebagai jawapan- Tribunal secara khususnya telah mengambil usaha-usaha proaktif di dalam menjalankan program kesedaran pengguna kepada masyarakat, penjawat awam, dan industri melalui program kenali tribunal, taklimat advokasi semasa lawatan pelajar-pelajar IPTA dan IPTS secara wawancara bersama Pengerusi Tribunal di dalam rancangan televisyen seperti 'Suara Pengguna'...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, minta maaf sekejap. Sila duduk sekejap ya. Saya minta ada Yang Berhormat Menteri untuk membacakan Usul.

Okey, sila Yang Berhormat Menteri.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

3.59 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai di bahas dan diputuskan dalam DR.10/2019, Rang Undang-undang Cap Dagangan 2019, DR. 11/2019, Rang Undang-undang Perihal Dagangan (Pindaan) 2019 dan DR. 15/2019, Rang Undang-undang Perlindungan Pengguna (Pindaan) 2019 seperti yang tertera sebagai No. 1, No. 2 dan No. 3 di dalam *Aturan Urusan Mesyuarat* hari ini dan selepas itu, Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Rabu, 24 Julai 2019.”

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Chong Chieng Jen]: Saya menyokong.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

■1600

Tuan Chong Chieng Jen: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Program-program *advocacy* yang dijalankan oleh tribunal adalah seperti Suara Pengguna, Selamat Pagi Malaysia dan Suara Konsumer. Program-program advokasi ini dijalankan bertujuan untuk memberi penerangan dan perkongsian ilmu mengenai fungsi tribunal, jenis dan pengendalian tuntutan, di samping memberi kesedaran mengenai hak kepenggunaan.

Bagi melahirkan pengguna yang bijak, kementerian telah memfokuskan penerapan pendidikan kepenggunaan yang lebih interaktif kepada generasi muda, khususnya pelajar sekolah menengah dan mahasiswa di universiti dalam bentuk generasi muda yang berilmu, bijak dan bertanggungjawab. Pendekatan pembelajaran ini merupakan inisiatif yang lebih baik dalam menyebarkan maklumat kepenggunaan kepada generasi muda, sekali gus mampu untuk dikongsi bersama rakan, warga sekolah, ahli keluarga dan masyarakat setempat.

Kementerian dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia telah menubuhkan Gerakan Pengguna Siswa (GPS) dan Kelab Pengguna Sekolah (KBS) sebagai usaha membudayakan amalan kepenggunaan dalam kalangan generasi muda. Kementerian juga telah membangunkan modul kepenggunaan untuk melengkapkan generasi muda, khususnya ahli-ahli kepenggunaan KBS dan GPS dengan pengetahuan asas kepenggunaan. Modul ini meliputi empat bahagian utama iaitu alam sekitar dan kelestarian, pengurusan kewangan dan perlindungan pengguna.

Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas juga bertanya kenapa ada kes-kes di negeri kurang maju seperti Sabah, Sarawak, Kelantan, Terengganu didapati kes adalah kurang daripada di Bandaraya Kuala Lumpur? Tidak dinafikan antara faktor yang mempengaruhi serta menyumbang kepada perbezaan kes statistik antara negeri disebabkan oleh peningkatan tahap kesedaran pengguna dan pihak peniaga beretika dalam amalan perdagangan. Faktor kepesatan ekonomi serta perniagaan di sesebuah negeri turut menyumbang kepada jurang perbezaan pemfailan kes-kes di tribunal.

Pihak kementerian amat prihatin dan memandang berat akan isu-isu kepenggunaan yang dihadapi oleh pengguna di negara ini. Pelbagai usaha telah juga dilaksanakan untuk meningkatkan kesedaran yang saya sebutkan tadi. Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sabani bertanya berapakah kes yang telah difailkan dalam masa enam bulan tahun ini?

Statistik yang saya ada sehingga setakat 31 Mei 2019. Statistik menunjukkan jumlah pemfailan kes untuk tahun 2019 setakat 31 Mei 2019 adalah 2,273 kes, manakala jumlah kes yang telah diselesaikan adalah sebanyak 1,462 kes. Ia juga diperuntukkan di bawah undang-undang Akta Perlindungan Pengguna bahawa sekiranya satu kes yang dibicarakan bermula, ia harus habis dibicarakan, *award* mesti dibuat dalam tempoh 60 hari daripada permulaan kes perbicaraan itu. Oleh itu, ia dihadkan supaya perbicaraan kes tidak akan memakan masa yang panjang.

Ada juga beberapa Ahli Yang Berhormat Senator *raised the concern* tentang penipuan perniagaan *online*. Kementerian melalui SSM telah memperkenalkan SSM BizTrust kepada peniaga atas talian. SSM BizTrust diperkenalkan untuk membantu peniaga dalam meningkatkan kepercayaan dan keyakinan pengguna menjalankan transaksi atas talian dengan lebih selamat. Kementerian melalui program *advocacy* nya sentiasa menggalakkan pengguna untuk membeli daripada laman web yang boleh dipercayai dan yang mempunyai tanda percaya seperti BizTrust dalam bentuk pensijilan digital.

Inisiatif ini bukan sahaja dapat membantu memberi keyakinan kepada pengguna untuk menjalankan transaksi atas talian, malah mampu membendung pengguna daripada menjadi mangsa penipuan pembelian atas talian. Kementerian turut bekerjasama dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Polis Diraja Malaysia (PDRM),

Cyber Security Malaysia (CSM) dan pengendali pasar dalam talian bagi menangani pelbagai isu yang melibatkan transaksi atas talian. Kementerian juga mengadakan program libat urus bersama pengendali pasar dalam talian seperti Lazada dan Shopee yang bertujuan untuk memberi penjelasan, khidmat nasihat dan kerjasama dalam memahami dan mematuhi undang-undang yang dikuatkuasakan dan turut mengadakan sesi *advocacy* bersama pengeluar produk untuk mendapatkan kerjasama dalam pelaksanaan peruntukan undang-undang yang dikuatkuasakan.

Bagi melindungi serta meningkatkan keyakinan pengguna untuk membeli secara atas talian, kementerian telah menggubal Peraturan-peraturan Perlindungan Pengguna (Urus Niaga Perdagangan Elektronik) 2012 sebagai salah satu langkah bagi melindungi pengguna. Di samping itu, kementerian telah menerbitkan buku panduan menjalankan transaksi elektronik untuk pengguna bagi membantu serta mendidik pengguna mengenai tatacara yang betul sebelum membuat pembelian secara atas talian.

Kementerian turut menerbitkan panduan menjalankan perniagaan e-dagang kepada peniaga, bukan sahaja sebagai rujukan dan panduan kepada peniaga atas talian tetapi juga boleh dijadikan rujukan kepada pengguna sebagai senarai semak yang perlu ada kepada peniaga *online* tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat, pensijilan BizTrust ini adalah ditawarkan percuma sehingga 30 Disember 2020. So, kos yang tinggi bukan lagi satu masalah kerana pensijilan BizTrust akan ditawarkan secara percuma sehingga 30 Oktober 2020 iaitu tahun depan. Ada juga pertanyaan daripada Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sabani mengenai kod etika perniagaan Malaysia bagi meningkatkan tadbir urus yang baik di dalam komuniti perniagaan. Kod perniagaan adalah merupakan prinsip-prinsip moral dan standard kelakuan perniagaan yang diterima oleh komuniti peniaga dan dunia perniagaan. Ia merupakan satu set nilai dan peraturan yang merangkumi peraturan yang baik atau buruk di dalam sesebuah operasi perniagaan.

■1610

Etika perniagaan ini juga merupakan satu kesedaran di kalangan para peniaga supaya mempunyai tanggungjawab moral dan sosial. Kesedaran tentang etika perniagaan ini juga lahir ekoran sikap masyarakat pengguna yang menyatakan ketidaksenangan mereka terhadap peningkatan pelbagai amalan yang tidak sihat di dalam perniagaan seperti penipuan, ketidakadilan, tidak jujur dan pecah amanah, perkhidmatan yang tidak memuaskan, penawaran produk yang substandard, kewujudan kartel dan pelbagai lagi kepincangan dalam perniagaan.

KPDNHEP telah mengeluarkan buku Kod Etika Perniagaan Malaysia 2007 yang dijadikan asas kepada amalan perniagaan beretika yang boleh diterima pakai, dihayati dan

diamalkan oleh semua bentuk perniagaan di Malaysia. Untuk makluman Yang Berhormat, Kod Etika Perniagaan ini bukan berbentuk suatu undang-undang atau akta yang mengikat para peniaga di Malaysia, ia juga bukan bersifat punitif sekiranya ia tidak dipatuhi. Sebaliknya ia adalah sebagai suatu garis paduan, *self-discipline* kepada para peniaga di negara ini bagi mematuhi amalan dan etika yang tergantung di dalamnya.

Yang Berhormat juga tanya tentang keberkesanan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan untuk melindungi pengguna. Sejak tahun 2015, KPDNHEP telah melaksanakan penguatkuasaan pencatutan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 melalui Peraturan-peraturan Kawalan Harga dan Anti-pencatutan (Mekanisme Untuk Menentukan Keuntungan Tinggi Yang Tidak Munasabah) (Margin Keuntungan Bersih) 2014 yang mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2015.

Akta dan peraturan ini memperuntukkan mekanisme bagi menentukan pencatutan sebagai usaha memastikan tindakan penguatkuasaan yang berkesan ke atas mana-mana pihak yang mengambil kesempatan menaikkan harga atau caj bagi perkhidmatan sewenang-wenangnya. Penguatkuasaan ini meliputi keseluruhan rangkaian pengedaran barangan dan perkhidmatan di pasaran dan menetapkan peniaga tidak boleh menaikkan margin keuntungan bersih barangan dan perkhidmatan dalam tempoh yang ditetapkan mulai 2 Januari 2015 hingga 31 Disember 2016.

Secara amnya, saya rasa Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan ini adalah efektif khususnya pada musim perayaan. Tahun ini dalam musim perayaan Hari Raya Aidilfitri dan juga perayaan Hari Gawai kita laksanakan kawalan harga iaitu harga maksimum yang kita tetapkan. Saya rasa kesannya ketara di mana sebelum ini tiap-tiap tahun semasa musim perayaan khususnya Hari Raya Aidilfitri kita sering dengar ada harga barang naik yang mendadak.

Akan tetapi tahun ini kita tidak terima banyak aduan, kurang aduan tentang harga barang naik. Ini kerana tahun ini kita memanjangkan tempoh kawalannya untuk musim perayaan Hari Raya Aidilfitri kepada 30 hari. Untuk Hari Gawai dan Hari Keamatan kita panjangkan kepada 14 hari...

Puan Hajah Sabani binti Mat: [*Bangun*]

Tuan Chong Chieng Jen: So, saya rasa akta ini memang boleh membantu khususnya untuk mengawal kenaikan harga barangan untuk tempoh yang pendek, bukan untuk tempoh yang panjang. Untuk tempoh yang panjang memang *demand and supply* yang *set-in* untuk menentukan harga barangan. Ya, sila.

Puan Hajah Sabani binti Mat: Terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas penjelasan. Cumanya saya hendak minta tadi ini berhubung dengan caj yang tersembunyi seperti yang saya cakap tadi. Adakah setakat ini kementerian ada merancang? Ataupun

adakah apa-apa peraturan untuk hendak tengok balik terutamanya bagi syarikat-syarikat telekomunikasi ini yang mengenakan caj yang kita nampak? Bukan itu sahaja, malahan apa sahaja perniagaan yang kita nampak mereka beri caj yang tersembunyi. Kadang-kadang dia janji macam lain apabila sampai kepada hendak bayar itu ia jadi lebih. Jadi, cuma hendak dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Tuan Chong Chieng Jen: Memang kita ada peraturan bahawa satu *pricing*, satu *price* iaitu kalau barang yang ditawarkan peniaga-peniaga yang jual barang itu mesti letakkan satu *price* dan tidak dibenarkan untuk tambah lagi harganya kepada harga yang ditunjukkan kepada pelanggan. So, saya rasa kalau Yang Berhormat ada kes-kes spesifik yang begitu, boleh sampaikan kepada kita dan kita akan mengambil tindakan. Memang ada peraturan yang melarang atau mengharamkan kegiatan sebegitu, okey.

Untuk isu penjualan gula-gula berasap, *Ghost Smoke* yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Hajah Nuridah binti Mohd Salleh. KPDNHEP Bahagian Penguat kuasa dan Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, Kementerian Kesihatan Malaysia akan menjalankan operasi bersama dan mengambil tindakan undang-undang di bawah bidang kuasa masing-masing secara bersepadu melalui persetujuan dalam perbincangan yang telah diadakan semalam. Tindakan operasi ini akan dijalankan dengan serta-merta.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa setakat ini jawapan saya. Saya sekali mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang memberi cadangan, teguran dan apa-apa pandangan tentang kementerian ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

[Fasal-fasal 1 hingga 5 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga; disokong oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Mohd Azis bin Jamman) dan diluluskan]

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Sebelum saya tangguhkan Mesyuarat ini, catatkanlah terima kasih saya kepada Ahli Yang Berhormat yang saya kasihi. Ahli-ahli Yang Berhormat tunggu saya sampai akhir, tangguh itu. Apa maksudnya, apa ertinya makna kasih pada saya? Hormati yang tua, kasih yang muda. Tahniah itu. Sungguh. Benteng saya, itulah satu sikap yang baik, kesetiaan itu. Orang kaya boleh dibeli, orang pandai boleh dapat, yang setia itu yang penting sekali. Jadi, Ahli Yang Berhormat telah setia kepada saya. Terima kasih banyak ya. Ahli-ahli Yang Berhormat, ingat jalinan kasih mesra, satu padu.

*Pergi ke laut membawa pukuk;
Mari berlayar di Selat Jawa;
Kita hidup elok muafakat;
Tolong-menolong sehati sejiwa.*

Ahli Yang Berhormat yang saya kasihi dan yang bijaksana, Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Rabu, 24 Julai 2019. Sekian, *assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 4.22 petang]